

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

Jilid -II

Bil. 13

Hari Rabu

12hb Ogos, 1992

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Ruangan 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan)	(Ruangan 39)
Rang Undang-undang Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)	(Ruangan 60)
Rang Undang-undang Mahkamah-Mahkamah Anak Negeri (Bidang Kuasa Jenayah)(Pindaan)	(Ruangan 120)
USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan	(Ruangan 38)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 12hb Ogos, 1992

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D 0 A

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

PELACURAN DAN SEBARAN AIDS - STRATEGI PEMIRIRAN OBJEKTIF

- 1. Datuk David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Kesihatan menyatakan:-
 - (a) adakah strategi Kementerian Kesihatan menghentikan rebakan penyakit AIDS dibuat atas dasar sentimen ataupun atas pemikiran yang objektif; dan
 - (b) pernahkah Kementerian Kesihatan menimbangkan untuk mendaftar pelacur-pelacur dan memaksa mereka melalui pemeriksaan kesihatan sebagai satu cara menghapuskan siberan AIDS dan juga sebagai cara mengurangkan kaum wanita daripada menjadi pelacur.

[Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Mohadmed Farid bin Ariffin]:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, strategi Kementerian Kesihatan untuk mengawal merebaknya penyakit AIDS adalah berasaskan kepada fakta saintifik semasa, pengalaman-pengalaman negara-negara yang terdahulu yang dilanda wabak ini, saranan-saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan juga dengan mengambilkira situasi penyakit AIDS dan faktor sosial, ekonomi, politik, fahaman agama dan sensitiviti penduduk negara ini dan tidak berasaskan kepada dasar sentimen seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

- (b) Kementerian Kesehatan belum bercadang untuk mendaftar pelacur-pelacur tetapi akan terus berusaha menyedarkan golongan ini supaya menghentikan segala perbuatan yang boleh mendedahkan diri kepada jangkitan kuman AIDS melalui pendidikan kesihatan yang dijalankan di media massa dan juga oleh anggota Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs); melalui beberapa program yang dipanggil peer group ataupun outreach.programme yang menasihatkan mereka untuk menentukan bahawa menjalankan tindakan-tindakan supaya tidak membahayakan pelanggan-pelanggan mereka. [Ketawa] Walau bagaimanapun, ini adalah suatu dilema yang dihadapi oleh kita semua. Jika kita meminta pelacur-pelacur menjalankan pemeriksaan kesihatan, ia ,mungkin disifatkan sebagai pengiktirafan kepada profesion tersebut dan soal-soal moral, agama dan sebagainya mungkin timbul. Walhal kita tahu bukan senang untuk menghapuskan kegiatan-kegiatan pelacur-pelacur tersebut. Kementerian juga telah tidak memaksa sesiapa untuk menjalani pemeriksaan perubatan, tetapi menggalakkan individu yang mengesyaki dirinya dijangkiti, supaya tampil untuk pemeriksaan perubatan secara sukarela.

Tuan Johan B.O.T. Ghani @ Christopher: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh sebab penyakit AIDS ini adalah yang paling merbahaya kepada masyarakat, terutama sekali bagi generasi kita akan datang, saya difahamkan bahawa pelacur-pelacur ini tidak semestinya berselerak di merata-rata tempat; mereka mempunyai tempat-tempat tertentu seperti rumah-rumah tumpangan ataupun di hotel-hotel yang besar ataupun sederhana.

Saya ingin bertanya, tiadakah cara pihak Kementerian untuk membendung ataupun untuk menyekat perkara ini supaya ia tidak merebak seluas-luasnya kepada generasi kita akan datang, kerana AIDS ini adalah merbahaya kepada masyarakat. Jadi, soalan tambahan saya, tiadakah cara yang berkesan atau yang lebih baik untuk mencegah kegiatan pelacur-pelacur ini supaya tidak merebak, dapat dikawal dan dicegah oleh Kementerian yang berkenaan?

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya seruan Yang Berhormat itu boleh menjadi kenyataan bahawa semua pelacur-pelacur dapat dibasmikan, kita rasa bersyukur. Tetapi hakikatnya ialah jika sekiranya pelanggan-pelanggan yang ada ini yang terdiri daripada kaum lelaki terus menjadi pelanggan pelacur-pelacur tersebut, maka selagi itu pelacuran akan terus menjadi masalah di negara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia sudahpun mencatatkan hampir 60 orang pelacur yang, telahpun menjadi pembawa HIV dan kita dapati bahawa ini adalah salah satu daripada unsur infeksi - salah satu unsur infeksi penyakit tersebut. Dan pelacur-pelacur ini pula terdiri daripada tiga jenis:-

- (i) yang part-time: yang mungkin terdiri daripada - saya berasa berat untuk menyebutnya - kanak-kanak sekolah (students);
- (ii) yang full-time: profesion mereka, cari-makan melalui pelacuran;
- (iii) ada yang mensifatkan hidup mereka menjadi begitu bosan dan terjerumus ke dalam, dengan iain, the boredom syndrome dan

melacurkan diri mereka bukan kerana duit tetapi kerana boredom tersebut.

Jadi, soalnya sekarang bahawa masalah ini bukan tanggungjawab Kementerian sahaja tetapi juga tanggungjawab ibu bapa terlebih dahulu kita yang tua, yang lebih usianya perlu mendidik, memberi fahaman kepada kanak-kanak kita, memberi pelajaran kepada mereka, memberi pengetahuan kepada mereka tentang bagaimana penyakit ini boleh berjangkit dan, to give the care and the love that they thought to receive, dengan izin,

Sebab, saya dapati sebahagian besar daripada mereka yang terlibat ini ialah mereka di Malaysia ini terdiri daripada mereka yang menjadi penagih dadah yang berkongsi jarum, berjumlah lebih kurang 80%. Soal yang kita tanyakan selalu. Bagaimana saudara boleh menjadi begini? Kebiasaan jawapannya, "Bottom line, lack of love, lack of care and lack of knowledge", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di—Pertua: Bahasa Melayunya?

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin: Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Jadi....

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua minta terjemahan dalam Bahasa Melayu tadi tetapi belura dijawab lagi.

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin: Boleh dibenarkan soalan tersebut?

Timbalan Yang di—Pertua: Ya, boleh.

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin: Dengan tidak adanya kasih sayang, kefahaman dan ilmu pengetahuan sedikit sebanyak tentang penyakit tersebut.

Jadi, ini menjadi salah satu daripada punca anak-anak muda kita terjerumus di dalam bidang penagihan dadah dan akhirnya mungkin terjebak dalam penyakit AIDS ini. Jadi, ini adalah tanggungjawab kita bersama sebenarnya.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Timbalan Menteri yang berkenaan alim sangat mengenai pelacuran tadi. Dan narapaknya daripada jawapan itupun tidak ada semangat untuk menghancurkan pelacuran. Jadi, saya suka hendak bertanya, adakah Kementerian mengkategorikan pelacur ini ada yang halal, ada yang haram, yang boleh "dipergi", ada yang boleh "tidak dipergi"? [Ketawa]

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebut tadi, tidak ada pelacuran yang halal. Jadi, undang-undang kita mengharamkan semua pelacuran, tetapi seperti yang saya terangkan tadi, selagi ada pelanggaran, selagi itu ada pelacuran, sebab itu satu daripada perniagaan yang tertua di dunia. Jadi, tidak ada yang halal, semuanya haram, tetapi hakikat Ini tidak boleh kita lari bahawa pelacuran itu ada. Di negara-negara yang begitu tinggi taraf moralnya pun kadang-kadang terdapat masalah ini, saya tidak mahu sebut negara-negara ini, tetapi kita tahu ianya ada.

Oleh kerana itu, sekali lagi saya berbalik kepada pokok ialah soal pokoknya ialah soal pengetahuan, moral, agama dan juga kasih sayang ibu bapa dan orang-orang tua kepada orang-orang muda kita.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat , Tuan Saad bin Haji

Man.

Tuan Johan B.O.T. Ghani: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin,

Soalan No. 2.

PENGKALAN TLDM DI WOODLANDS - KENAIKAN KADAR SEWA

2. Tuan Johan B.O.T. Ghani [Di bawah S.0.23(2)]: minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah hasil rundingan yang telah dibuat di antara Kerajaan Malaysia dan Singapura baru-baru-ini mengenai sewaan tapak pengkalan TLDM di Woodlands seluas 1.80 hektar. Apakah benar terdapat cadangan Singapura untuk mengkaji semula kadar sewaan yang ada sekarang berjumlah \$1,9 juta dan akan dinaikkan kepada \$6.8 juta. Sebagai langkah jangka panjang apakah Kerajaan bercadang untuk menempatkan pengkalan TLDM di Woodlands, di tempat yang sesuai di Malaysia.

[Menteri Pertahanan [Dato' Seri Baji Mohd. Najib bin Tuan Haji Abdul Razak]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Singapura telah mengemukakan cadangan untuk menaikkan kadar sewa tapak pengkalan TLDM Woodlands dari jumlah S\$1.93 juta setahun kepada S\$6.152 juta setahun. Kerajaan Malaysia kini sedang di dalam proses mempertimbangkan tindakan lanjut yang harus diambil oleh Kerajaan mengenai masalah kenaikan kadar sewa ini.

Buat masa ini TLDM akan terus menetap di Woodlands, Singapura kerana keperluan pengkalan tersebut kepada TLDM.

Jen.(B) Tan Sri Mohd. Ghazali bin Mohd. Seth: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah tanda-tanda keikhlasan dari pihak Tentera Laut Singapura merapelawa tentera laut kita yang berdekatan dengannya dari segi latihan dan juga pentadbiran,, kalau ada, yang telah ditunjukkan kepada kita, pihak tentera Malaysia ini amnya.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kita telah raengadakan latihan bersama dengan Singapura tetapi lebih banyak daripada latihan itu dibuat berdasarkan kepada Five Power Defence Arrangement (FPDA).

LESEN PERJUDIAN JUMLAH PERMOHONAN

3. **Puan Kalthom binti Haji Othman** minta Menteri Kewangan menyatakan bagi tempoh 1991-1992:-

- (a) jumlah permohonan lesen bagi Sports Toto, Magnum, Mesin Slot, Loteri Awam dan lain-lain bentuk perjudian;
- (b) jumlah lesen yang diluluskan bagi Sports Toto, Magnum, Mesin Slot, Loteri Awam dan lain-lain bentuk perjudian; dan
- (c) jumlah kutipan cukai bagi Sports Toto, Magnum, Mesin Slot, Loteri Awam dan lain-lain bentuk perjudian.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamedj]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab (a) dan (b), sebagaimana yang telah dimaklumkan beberapa kali sebelum ini di Dewan yang mulia ini, selaras dengan dasar Kerajaan untuk mengawal dan mengurangkan kegiatan perjudian, sejak 1hb Januari, 1991; Kerajaan tidak lagi mengeluarkan lesen-lesen perjudian yang baru.

Oleh yang demikian, semua permohonan untuk mendapatkan lesen perjudian baru telah di tolak.

Mengenai bahagian (c), kutipan hasil daripada kegiatan perjudian adalah seperti berikut.

Bagi seluruh tahun 1991 sebanyak \$649.5 juta telah dikutip sebagai cukai daripada kegiatan-kegiatan perjudian. Pecahannya adalah seperti berikut:-

Magnum Corporation	\$242.3 juta
Casino Genting Highlands	\$188.6 juta
Usaha Tegas Sdn. Bhd.	\$'99.4 juta
Lembaga Totalisator	\$ 73.7 -juta
Sports Toto	\$ 37.7 juta
Mesin Slot	\$ 7.6 juta
Tambola dan Loteri Awam	\$269,000

Bagi tahun 1992 sehingga April tahun ini, jumlah yang dikutip oleh Kerajaan ialah \$230 juta: Terdiri daripada sebanyak \$78.7 juta daripada Magnum Corporation, \$64.3 juta daripada Casino Genting Highlands dan \$43.5 juta daripada Usaha Tegas, \$24.5 juta daripada Lembaga Totalisator, \$16.3 juta daripada Sports Toto, \$2.5 juta

daripada Mesin Slot dan sebanyak \$142,000 daripada Tambola dan Loteri Awam.

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang dalam soalan tambahan.

Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, walaupun Kerajaan Negeri Kelantan tidak membenarkan kegiatan perjudian di Negeri Kelantan, sama ada perkara ini benar atau tidak, bahawa perjudian secara outlet, secara black market ini begitu terjadi berleluasa di Kelantan; Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sendiri daripada Negeri Kelantan tentu memahami perkara ini sama ada berlaku atau tidak.

Yang kedua, saya ingin tahu semua hasil-hasil cukai judi tadi Yang Berhormat sebut tadi, ada tidak sebahagian daripada duit itu juga kita beri elaun-elaun kepada Wakil-wakil Rakyat ini termasuk Wakil Rakyat daripada PAS dan S46. [Ketawa]

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, daripada laporan-laporan yang dibaca dan juga didengar, memang ada kegiatan perjudian secara haram berlaku di Negeri Kelantan, walaupun Kerajaan Kelantan tidak membenarkan sebarang kegiatan perjudian dilakukan di negeri tersebut. Ini membangkitkan soal sama ada Kerajaan Negeri Kelantan mampu untuk melaksanakan peraturan-peraturan yang dikenakan termasuklah Hukum hudud yang sedang rancak dilaksanakan pada masa ini.

Yang keduanya, berkaitan dengan sama ada daripada wang ini juga digunakan untuk membayar gaji termasuk gaji dan elaun Ahli Yang Berhormat, mengikut peraturan Kerajaan segala hasil yang dikutip

oleh Kerajaan walau daripada mana punca sekalipun, baik daripada cukai pendapatan, cukai syarikat ataupun hasil perjudian sebanyak \$649.5 juta tahun lepas, kesemuanya itu dimasukkan ke dalam apa yang dipanggil Kumpulanwang Yang Disatukan ataupun Consolidated Fund. Dan daripada Kumpulanwang itulah dikeluarkan sebarang jua perbelanjaan yang diperlukan oleh Kerajaan, mahupun perbelanjaan untuk pembangunan untuk raernbina jalan-jalan -raya, meski pun perbelanjaan-perbelanjaan lain termasuk untuk membayar elaun Ahli-ahli Yang Berhorraat.

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi. Kalau begitu apakah fatwa bagi Wakil-wakil Rakyat Negeri Kelantan terhadap duit itu sama ada halal atau haram, saya hendak tahu daripada Yang Berhormat? **[Ketawa]**

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Tuan Haji Azman Atar merujukkan soalan ini kepada pihak yang berkenaan.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertama, merujuk kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengenai wang yang disatukan tadi, apakah pihak Kementerian Kewangan bercadang untuk memisahkan perbelanjaan yang haram itu supaya tidak dihantar ke negeri Kelantan dan juga allowance kepada wakil rakyat dari pihak Pembangkang.

Kedua, saya telah mendengar bahawa Setiausaha Parlimen telah menyatakan bahawa pengurangan dan pengawalan mengenai pengeluaran lesen-lesen perjudian ini, bahkan terus menghentikan lesen-lesen perjudian ini. Bilakah dasar pelaksanaan ini dilakukan dan ada saya terdengar dan difahamkan bahawa kononnya perkara ini dilakukan kerana mendapat inspirasi daripada Kerajaan Negeri Kelantan yang telahpun merintis perkara tersebut. Terima kasih.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Untuk menjawab bahagian kedua, soalan Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha, Kerajaan Pusat tidak raendapat sebarang inspirasi daripada Kerajaan Negeri Kelantan dalam melaksanakan dasarnya berkaitan dengan perjudian. Sebenarnya, langkah untuk memperketatkan kawalan ke atas perjudian ini sudah berlaku begitu lama, bermula dengan mengetatkan syarat-syarat berkaitan dengan pengeluaran lesen mesin slot dan menjadi hasrat Kerajaan untuk terus memperketatkan syarat-syarat pengeluaran lesen tersebut.

Bagi menjawab soalan pertaraa sama ada Kerajaan Pusat ada rancangan untuk memisahkarr sumber-sumber kewangan daripada punca perjudian dari sumber-sumber yang lain, Kerajaan Pusat tidak mempunyai sebarang hasrat ke arah itu buat ketika ini.

Tuan Dahalan bin Baji Embun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan saya tidak dituju kepada Negeri Kelantan. Tuan Yang di-Pertua, kita dapati sungguhpun wujud banyak judi halal iaitu yang berlesen, ada banyak judi haram iaitu lebih-lebih lagi di kawasan kampung-kampung ,baru (Cina). Jadi, saya ingin tahun apakah tarikan umum terhadap judi haram ini kalau dibanding dengan judi halal.

Keduanya saya ingin tahu, setiap bulan wujud jutawan-jutawan dari hasil loteri dan perjudian. Saya ingin tahu sama ada jutawan-jutawan ini membayar cukai pendapatan selain daripada cukai yang dibayar oleh penganjur kepada Kerajaan.

Tuan Mustapa bin Mohamed:Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab bahagian kedua, mengikut Akta. Cukai Pendapatan hadiah kemenangan yang didapati daripada perjudian tidak dikenakan sebarang cukai pendapatan. Sungguhpun demikian, sebenarnya setiap pemain judi telahpun dikenakan bayaran cukai sebanyak 5% semasa membeli tiket-tiket judi. Oleh itu cukai memang dikutip oleh Kerajaan. Cukai pendapatan tidak dikenakan ke atas mereka. Soalan pertama berkaitan dengan apakah daya tarikan yang menyebabkan judi haram ini terus berleluasa termasuk di kawasan kampung-kampung baru, antara lainnya ialah kerana judi haram ini tidak dikenakan cukai. Judi yang di-halalkan ini dikenakan cukai. Oleh itu Kerajaan mengutip hasil yang begitu banyak. Pada umumnya cukai-cukai ini adalah dalam lingkungan 5% - 20%. Jadi, kalau kita menjalankan kegiatan judi haram, tidak perlu kita membayar sebarang cukai. Oleh yang demikian, bagi operator-operator yang menjalankan operasi judi tersebut, kegiatan ataupun perniagaan ini agak menguntungkan.

TAMAN TEKNOLOGI MALAYSIA - PUNGI

4. Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohamad Salleh minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar raenyatakan apakah fungsi Taman Teknologi Malaysia. Teknologi apakah yang terbaharu sekali dicipta dan dalam bidang apa.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Tuan Peter Chin Fah Rui]: Tuan Yang di-Pertua, antara fungsi-fungsi Taman Teknologi Malaysia ialah, pertama, meningkatkan aktiviti penyelidikan dan inovasi di pihak swasta; kedua, meningkatkan pembangunan industri- hi-tech tempatan; ketiga, menggalakan pemindahan teknologi; keempat, memperdagangkan hasil penyelidikan dan kelima, menjadi lambang kemajuan ekonomi negara.

Sejak ia ditubuhkan dalara tahun 1988, sebanyak 29 syarikat telah memasuki Taman Teknologi Malaysia. 18 syarikat beroperasi di Pusat Incubator yang terletak di tapak sementara di Bandar Tun Razak, sementara yang 11 lagi beroperasi di bawah program off-campus. Sehingga ini terdapat sebanyak 8 barang-barang yang telah dihasilkan dan dapat dipasarkan oleh syarikat-syarikat yang berada di Taman Teknologi Malaysia. Seseengahnya berjaya dieksportkan. Walaupun bilangannya masih dianggap kecil, tetapi mereka menunjukkan kemampuan dan akan dapat bersaing dengan lebih baik sekiranya diberi perhatian dan bantuan.

Puan Bajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah rekacipta-rekacipta dari orang-orang perseorangan diambil perhatian oleh pihak Kementerian, dan jika ada, apakah jenis-jenisnya?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan. Yang di-Pertua, memang benar pelanggan Taman Teknologi Malaysia diberigalakan secara-bantuan dan sebagainya oleh syarikat-syarikat yang diletak di dalam Taman Teknologi dan antara orang perseorangan yang dibantu dalam skim ini adalah seperti bio-teknologi di mana seseorang yang membawa konsep baru untuk membina mercury-free dental fillings dan juga termasuk new concepts of surgical tools, dengan izin.

Ada yang lain lagi iaitu tentang mikroelektronik dan teknologi maklumat seperti notebook PC with fax moden facility. Sekian sahaja.

AIDS - PEMAKAIAN KONDOM

5. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah reaksi Kementerian Kesihatan- berkaitan dengan kenyataan Mufti Negeri Perak dan tokoh agama yang mengatakan pemakaian kondom bagi mencegah penyakit AIDS adalah ditegah dan haram hukumnya.

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan mendokong prinsip-prinsip Rukun Negara dan patuh kepada Perlembagaan negara yang mencatatkan agama Islam sebagai agama rasmi negara ini. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan sedar masih terdapat segelintir golongan masyarakat yang masih meneruskan tingkahlaku dan gaya hidup yang boleh mendedahkan diri mereka kepada jangkitan kuman HIV dan mungkin menjadi pesakit AIDS. Mereka ini dan juga mereka yang telahpundijangkiti kuraan AIDS boleh memindahkan jangkitan kepada isteri dan anak mereka yang tidak berdosa. Oleh itu sebagai salah satu langkah jangka pendek, sebelum mereka dapat mematuhi nasihat di atas yang diberi melalui pendidikan kesihatan, Kementerian Kesihatan

mengesyorkan kepada mereka ini supaya memakai kondom supaya raereka tidak menjangkiti isteri dan anak mereka yang tidak berdosa.

Kementerian Kesihatan sedang berbincang dengan pihak-pihak yang berkenaan tentang raasalah ,ini dan mungkin satu fatwa di dalam hal ini akan dapat dikeluarkan, Pada pendapat amnya, pada peringkat awal ini pandangan itu menyatakan jika sekiranya kondom digunakan untuk mencegah penyakit, maka ia boleh dibenarkan.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita faham bahawa Kerajaan tidak menggalakan penggnaan kondom kecuali untuk, dengan izin, promiscuous group, Siapakah di dalara golongan itu dan sekiranya seseorang suami adalah pembawa kuman AIDS, adakah Kerajaan menasihatkannya menggunakan kondom? Kalau ya, berapa peratus keselamatan yang dijamin daripada dijangkiti kuman AIDS oleh isterinya?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan minta jaminan, guarantee.

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah suatu soalan yang agak sensitif. Kita sedang berbincang di dalam Cabinet Commitee berkenaan dengan AIDS yang telahpun ditubuhkan. Mesyuarat telahpun diadakan dan di dalam mesyuarat tersebut isu yang serupa telah dibangkitkan, iaitu adakah kita boleh menggalakan penggunaan kondom ini secara terbuka ataupun tidak; jika tidak, apakah langkah-langkah lain yang akan digunakan untuk mencegah penyakit ini.

Selepas menyiasat pendapat-pendapat seluruh dunia dan juga pendapat-pendapat terapan, kita dapati salah satu daripada cara yang mungkin mempunyai kesan yang baik ialah melalui penggunaan kondom, sekiranya suami ataupun isteri mempunyai penyakit tersebut.

Kementerian Kesihatan ada satu kes sekarang ini di mana suaminya telahpun mengaku mempunyai AIDS dan sudahpun mempunyai tanda-tanda ia akan merebak ke seluruh badannya. Dia mempunyai isteri dan juga mempunyai anak. Jadi, kita menasihatkan mereka, yakni kedua-duanya sekali atau pasangan tersebut, jika perlu, tentu sekali kita tidak boleh mengelakkan mereka untuk mengadakan perhubungan seks, maka sebaik mungkin, meminta mereka menggunakan kondom secara yang betul. Penggunaan kondom secara yang salah, mungkin boleh menyebabkan perpecahan kondom tersebut. [Ketawa] Jadi, sekiranya kondom itu digunakan secara betul, kemungkinan besar ia dapat mengurangkan pemindahan penyakit tersebut ialah hampir 99%. Secara betul maksud saya tadi. Hendak tahu cara yang betul, kena tanya saya di luar Dewan. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi, itulah jaminannya ya.

JENAYAH KOLAR PUTIH - HUKUMAN BERAT

6. **Puan Hajah Asmah binti Haji Ismail** minta Menteri Undang-Undang menyatakan berhubung dengan jenayah kolar putih di negara ini:-

- (a) bolehkah hukuman jenayah kolar putih ini dipinda kepada yang seberat-beratnya supaya mereka yang hendak melakukannya berfikir dua kali; dan
- (b) adakah undang-undang yang boleh merampas seraua sekali harta-harta penjenayah kolar putih sama ada dalam negeri ataupun di luar negeri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang—undang [Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini Kerajaan sedang meneliti hukuman-hukuman yang sedia wujud terhadap penjenayah -kolar putih termasuk Kanun Keseksaan Cap 45, Banking and Financial Institution Act 1989, Akta Syarikat 1965 dan sebagainya.

Undang-undang untuk merampas aset dan harta penjenayah kolar putih adalah di antara hukuman-hukuman yang sedang dikaji. Kajian dan penelitian tersebut adalah bermatlamatkan ke arah mengenakan hukuman yang lebih efektif dan berkesan bagi membanteras penjenayah-penjenayah kolar putih.

Sehubungan dengan itu, penemuan hasil kajian tersebut akan dikemukakan untuk pertimbangan dan keputusan Jemaah Menteri.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita dapati banyak sangat kejadian jenayah kolar putih melalui coalition dengan orang dalam. Jadi, saya ingin tahu apakah sistem kewangan dan banking practice ini belum lagi full proof sungguhpun ada sistem komputer? Sekiranya, ini benar, apakah sistem kawalan dan feedback yang dicadangkan agar kegiatan jenayah ini dapat dibasmi iaitu selain daripada sistem perundangan? Saya buat soalan ini oleh sebab Menteri pun dari Jabatan Perdana Menteri.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya walau apa sistem yang kita adakan, kita tidak boleh dapat full proof system tetapi apa yang dapat dikawal ialah untuk menyekat

daripada bertambahnya kejadian begini. Jika diambil di dalam institusi-institusi kewangan, apa yang sering dilakukan ialah sistem check and balance dan sistem pengawasan dan pengawalan yang dilakukan di berbagai peringkat termasuk peringkat-peringkat sama ada menggunakan komputer atau tidak, dengan mempunyai sistem di mana jika ada terjadi sesuatu kejadian, ada early warning system.

MASALAH SOSIAL WARGAKOTA - RANCANGAN KERAJAAN

7. Tuan Haji Azman Atar bin Othman minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah rancangan pihak Kerajaan dalam mengatasi tekanan masalah sosial dan kehidupan warganegara di Ibukota Wilayah Persekutuan.

- (a) masalah setinggan yang masih belum diberikan penempatan semula tersusun dan mendapat kemudahan asas yang sewajarnya;
- (b) masalah kenaikan kos hidup yang membebankan golongan berpendapatan rendah dan juga mereka yang kurang bernasib baik; dan
- (c) masalah banjir kilat dan kesesakan lalulintas yang masih melanda keselesaan pemandu dan pengguna jalan raya.

Timbalan Menteri di . Jabatao Perdana Menteri [Dato'Drs.

Suleiman bin Mohamed]: Tuan Yartg di-Pertua,

- (a) Pihak Kerajaan menyedari masalah sosial dan ekonomi terutamanya di kalangan setinggan yang wujud di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur masih belum dapat diselesaikan sepenuhnya. Walau bagaimanapun, usaha-usaha telah dibuat bagi menempatkan semula setinggan di tempat yang lebih selesa dan tersusun. Di antara programnya ialah:

- (i) membangunkan kawasan-kawasan setinggan dan mendirikan lebih banyak ruraah-rumah kos rendah serta sederhana rendah dan memberi keutamaan kepada setinggan-setinggan yang tinggal di kawasan yang berkenaan membeli rumah-rumah yang "dibina tersebut;
 - (ii) memberi keutamaan kepada setinggan membeli rumah-rumah kos rendah dan sederhana rendah yang dibina oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur atau swasta; dan
 - (iii) berusaha merabina 5,000 unit rumah kos rendah dan sederhana rendah dalam masa setahun; dan
 - (iv) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan membeli rumah-rumah kos rendah yang diperuntukkan kepada bumiputera yang mana tidak dapat dijual oleh pemaju-peraaju perumahan dan seterusnya menyewakan rumah-rumah tersebut kepada setinggan.
- (b) Masalah kenaikan kos sara hidup dapat dirasakan oleh setiap golongan wargakota dan lebih terasa bagi golongan berpendapatan rendah. Orang ramai perlu membayar untuk mendapatkan perkhidmatan yang lebih baik dan cekap. Walau bagaimanapun, golongan berpendapatan rendah akan sentiasa

diambil berat seperti menyediakan rumah-rumah untuk disewa dan rumah-rumah kos rendah dijual dalam lingkungan harga yang mereka mampu. Peluang-peluang perniagaan kepada peniaga-peniaga kecil sentiasa dibuka untuk menambahkan pendapatan keluarga. Peluang-peluang perniagaan dalam semua sektor dijangka akan terus wujud dari pertumbuhan ekonorai ibukota yang agak tinggi.

- (c) Masalah banjir kilat dan kesesakan lalu lintas yang berlaku di ibukota adalah kerana kesan daripada pembangunan yang pesat di bandaraya dan Lembah Kelang. Walaupun kawalan dibuat untuk mencegah masalah ini dari berlaku, tetapi infrastruktur yang sedia ada tidak dapat menampung kesan sampingan dan masalah yang timbul daripada pembangunan tersebut. Langkah-langkah akan terus dijalankan seperti mendalamkan sungai-sungai, membersihkan parit-parit dan longkang-longkang, membesarkan jalan raya dan mengatur sistem pengangkutan yang sesuai serta mengadakan perancangan yang rapi dalam pembinaan bangunan-bangunan tinggi dan pusat-pusat pertumbuhan baru supaya ianya selaras dengan kemampuan prasarana yang sedia ada dan yang akan diperlukan.

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin raerabuat soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin tahu kenapa Wilayah Persekutuan di dalam menyelesaikan masalah yang saya soal dalam soalan bertulis ini, kenapa Wilayah Persekutuan tidak diiktiraf dan tidak dianggap sebagai sebuah negeri yang setaraf dengan negeri-negeri lain di dalam Malaysia di raana negeri-negeri lain mendapat pemberian kiraan kepala tetapi Wilayah Persekutuan tidak dapat. Saya ingin tahu kenapa.

Yang kedua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat, oleh kerana tidak dapat pembayaran kiraan kepala ini maka Dewan Bandaraya tidak mempunyai wang yang cukup di dalam menjayakan segala pembangunan dan kemudahan asas bagi penduduk Wilayah Persekutuan. Adakah Yang Berhormat sedar atau tidak bahawa penduduk di Wilayah Persekutuan adalah araat berbeza dengan penduduk di lain-lain negeri di mana mereka terpaksa bayar cukai pintu, cukai tanah, cukai pemetungan dan bayaran maintenance. Kalau Yang Berhormat sedar, bilakah masanya pihak Kerajaan bercadang untuk menghapuskan cukai-cukai ini untuk memberikan keselesaan dan kesenangan kepada penduduk-penduduk Wilayah Persekutuan?

Timbalan Tang di-Pertua: Jadi, soalan tambahan itu ada dua?

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Dua.

Timbalan Yang di-Pertua: Satu cukai kepala.

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Cukai kepala kenapa Wilayah Persekutuan tidak dapat.

Yang kedua, kenapa Wilayah Persekutuan dibebankan berbagai-bagai cukai yang raana dia terpaksa- membayar cukai pintu, cukai tanah, cukai pembedungan, kemudian maintenance pula untuk membersihkan kawasan.

Dato'Drs Suleinan bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan capitation grant yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sekarang sedang menimbang supaya Wilayah Persekutuan yang dahulunya atas dasar Perlembagaan tidak dapat diberi capitation grant, sekarang sedang menimbang untuk diberi lebih kurang dalam \$4 juta hingga \$5 juta setahun. Insya-Allah, Kabinet akan membawa perkara ini dan setelah terdapat sedikit pindaan terhadap Perlembagaan atas kedudukan Wilayah Persekutuan maka capitation grant ini akan-dapat dilaksanakan.

Berkenaan dengan cukai yang disebut oleh Yang Berhormat Tuan Haji Azman Atar, bagi kita membangunkan Kuala Lumpur sebagai satu bandar metropolitan dan sama tarafnya dengan bandar-bandar antara-bangsa yang lain, tentulah kos kehidupan meningkat dari masa ke semasa dan untuk membangunkan.Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, kita memerlukan cukai-cukai yang disebutkan tadi termasuk cukai hiburan agar penggunaan wang ini tidak kita gunakan, tidak kita pakai dari peruntukan yang hendak diberi. kepada kawasan luar bandar.

Jadi, masyarakat wargakota Kuala Lumpur mesti membayar cukai untuk hidup dalam keadaan yang selesa di Kuala Lumpur. **ini..**

Dato' Azumu bin Tak: [Bangun]

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: [Bangun]

Timbalan Yang Di Pertua: Nanti, saya beri peluang kepada Dato' Azumu dahulu.

Dato Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan cambahan. Sebelum daripada itu saya ingin hendak betulkan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Tuan Haji Azman Atar tadi bahawa bukan penduduk di ibu kota sahaja kena membayar assessment, quit-rent itu semua penduduk di dalam negara ini di dalam bandar mana pun kena bayar assessment. Soalan tambahan saya adalah, bagaimana tujuan Kerajaan hendak memperkenalkan monorel di kota Kuala Lumpur ini, akan dilaksanakan ataupun tidak?

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan pada dasarnya telah meluluskan monorel selain daripada LRT yang akan mula perlaksanaannya pada tahun hadapan. Setakat ini peruntukan bagi kedua-dua pengangkutan awam itu adalah lebih \$500 juta.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang"di-Pertua, soalan tambahan dan juga saya ingin menyambung soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Azman Atar tadi. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa untuk mengendalikan Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya hanya bergantung kepada hasil cukai pintu manakala hasil cukai tanah sebanyak \$50 juta setahun, hasil cukai hiburan sebanyak \$15 juta setahun dan cukai-cukai yang lain diambil oleh Kerajaan Pusat dan tidak disalurkan kembali kepada Wilayah Persekutuan.

Yang keduanya, apakah Kerajaan Pusat bercadang untuk memberikan kerana adanya masalah kesesakan lalu-rlintas tadi,di mana Kerajaan. Pusat memberikan peruntukan \$11,000 untuk mengendalikan jalan untuk satu kilometer untuk seluruh negara pada hal kalau di Wilayah Persekutuan, perbelanjaannya lebih kurang \$40,000 untuk mengendalikan satu kilometer jalan di Kuala Lumpur ini. Adakah Kerajaan bercadang untuk menambahkan peruntukan ini selaras dengan kedudukan perbelanjaan yang lebih tinggi di Kuala Lumpur ini?

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed; Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa segala cukai yang disebut oleh Yang Berhormat Tuan Rahim tadi dimasukkan di dalam Kementerian Kewangan, hanya Dewan Bandaraya menggunakan hasil cukai pintu sahaja di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Bagaimanapun, dari masa ke semasa, Kerajaan Pusat sentiasa memberi bantuan kewangan. Peruntukan pembangunan, peruntukan mengurus sentiasa diberi kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam membangun Kuala Lumpur ini.

Berkaitan dengan \$11,000 - \$11 juta atau \$11,000?

Tuan Rahim bin Baba:\$11,000 per kilometer. Maksud saya itu kalau di luar bandar pun diberi peruntukan yang sama, di Kuala Lumpur pun diberi peruntukan yang sama pada hal. perbelanjaannya adalah lebih kurang \$40,000 untuk satu kilometer jalan.

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat. Kerajaan Pusat sedang menimbang di atas permohonan Dewan Bandaraya untuk menarabahkan lagi peruntukan daripada \$11,000 kepada jumlah peruntukan yang memadai" untuk projek tersebut.

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Ada apa-apa Tuan Azman bangun? Kalau tak ada.....

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Saya hendak tanya soalan yang sama yang dikeraukakan oleh Yang Berhormat Tuan Rahim. [Ketawa]

MASALAH REMAJA - RUANG MASA SIARAN DI RTM

8. Puan Hajah Asmah binti Haji Ismail minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan berhubung dengan soal "remaja" di negara ini:-

- (a) mengikut laporan polis, jenayah oleh golongan remaja di negara ini semakin meningkat dari satu tahun ke satu tahun dan jika tidak dikawal mungkin akan menjadi satu penyakit sosial yang merugikan bangsa dan negara. Apakah langkah-langkah yang lebih sesuai untuk mencegah remaja-remaja ini melakukan jenayah-jenayah seperti memukul guru, bergaduh, memeras ugut, memukul rakan, mencuri, merosakkan harta sekolah, penyalahgunaan dadah dan terbabit dalam kumpulan samseng dan kongsi gelap dan lain-lain lagi; dan
- (b) boleh pihak RTM memperuntukkan ruangan masa dalam siaran TV Malaysia khususnya soalan remaja di negara ini. Apa yang patut dibuat dan apa yang tidak boleh dibuat supaya remaja-remaja ini sedar dan setiap hari diberi ingatan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Ismail bin Said]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk mengatasi masalah remaja sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, ia melibatkan pelbagai agensi, pendekatan dan kaedah mengikut bidangkuasa yang telah ditentukan. Sebagai contoh, Kementerian Belia dan Sukan telah memperkenalkan Program Induk Belia Negara sebagai suatu langkah untuk merapertingkatkan kesedaran dan tanggungjawab belia kepada bangsa dan negara. Ini termasuk

program ke arah integrasi seperti Lawatan Dalam Negeri, Lawatan Luar Negeri Program Kem, Musim Cuti, Program Tunas Samudera, Program Rekreasi dan Pengembaraan, Program Pembentukan Keperibadian dan Pembangunan Ideologi, Kaunseling dan program-program kewarganegaraan.

- (b) Yang sebenarnya soalan ini lebih tepat dijawab oleh Kementerian Penerangan. Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat, adalah difahamkan bahawa RTM memang memperuntukan masa siaran. TV bagi golongan remaja dan salah satu program yang disediakan ialah program Kelab Remaja yang disiarkan oleh TV1 setiap hari Sabtu dari jam 12.15 tengahari hingga 1.00 tengahari. Kandungan program ini sentiasa dikaji dari masa ke semasa bagi meningkatkan kualiti persembahan dan menambahkan jumlah penglibatan golongan remaja. Idea-idea yang disiarkan adalah sesuai dengan keperluan mereka selaras dengan aspirasi . negara.

CUKAI JALAN KENDERAAN BERMOTOR - BAYARAN SEKALI SEPANJANG HAYAT

9. Tuan Mustafa bin Awang minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah ada sebarang program untuk mengkaji dan melaksanakan bayaran cukai jalan kepada kenderaan bermotor dengan kadar bayar sekali untuk selama hayat kenderaan tersebut.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk mengutip bayaran lesen kenderaan motor atau cukai jalan sekali untuk selama hayat kenderaan atas sebab-sebab berikut:-

- (a) Jumlah lesen kenderaan motor yang dikenakan adalah tinggi dan tidak mampu dibayar oleh pemilik pertama kenderaan berkenaan. Sebagai contoh, berdasarkan jangka hayat atau life span, dengan izin, sebuah kenderaan selama 10 tahun dan kadar cukai jalan sebanyak \$220 setahun bagi motokar persendirian 1500 c.c. yang menggunakan petrol, maka pemilik berkenaan terpaksa membayar cukai jalan sebanyak \$2,200 untuk 10 tahun sekaligus. Selain daripada itu, jika sistem bayaran sekali gus ini diamalkan, maka pemilik kenderaan tersebut terpaksa juga membayar premium insurans sekali gus sebanyak dua atau tiga kali ganda bayaran cukai jalan bagi tempoh yang sama.
- (b) Sistem ini merumitkan bukan sahaja pemilik kenderaan, tetapi juga pihak Kerajaan jika sekiranya bayaran lesen kenderaan motor dinaikkan. Di samping itu, di bawah sistem yang diamalkan sekarang yang menetapkan bayaran cukai bagi tempoh 6 bulan atau satu tahun membolehkan semakan dibuat ke atas dokumen-dokumen yang dikemukakan di kaunter-kaunter JPJ termasuklah nota perlindungan

insurans'. Memandangkan kerumitan-kerumitan itu, maka ianya adalah tidak praktikal untuk dilaksanakan.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebelum saya buat soalan tambahan, saya hendak jelaskan sedikit. Maksud soalan ini bukan bayar sekaligus sepanjang hayat bagi tempoh sesuatu kenderaan itu berumur 10 ataupun 20 tahun. Maksud soalan saya ini, bayar sekali, maknanya dia boleh bayar sekali kalau road taxnya \$200, itu sahaja harganya sampai kereta itu jahanam, bukan maknanya kita kumpulkan tempoh bayaran itu 10 atau 20 tahun bayar sekaligus. Maknanya, bayar sekali, terus tidak bayar. Itu maksud soalan.

Yang kedua, apakah bagi pihak Kementerian dan Kerajaan sedar di atas sesebuah kenderaan bermotor ini paling kurang ada lima cukai yang telah dikenakan yang pertama cukai body kereta itu sendiri; yang kedua cukai minyak; yang ketiga cukai jalan; yang keempat cukai spare-parts (kemasukan); dan yang kelima insurans, Jadi lima jenis perkara cukai ini adalah membebankan kepada rakyat negeri ini. Jadi, kita telah ada bukti bahawa negara-negara yang miskin di ASEAN ini pernah mengamalkan beli sekali insurans buat selama-lama hayat kenderaan bermotor berkenaan. Jadi itu soalan saya, tidak sebagaimana yang dijawab oleh Timbalan Menteri. Apakah ini difikir atau dirancang oleh Kerajaan bagi kebajikan rakyat negara ini?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, pertaraa sekali Kerajaan raerasakan \$200.00 sepanjang hayat itu adalah terlalu kecil, tidak mampu untuk membayar banyak kos-kos pembinaan, repair jalan dan sebagainya. Yang - keduanya, cukai-cukai yang disebutkan tadi adalah di bawah lain-lain akta dan lain-lain Keraenterian yang raemang wajar dikutip oleh Kerajaan dan rakyat negara Malaysia tidak miskin.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang kita ketahui cukai jalan adalah oleh kerana kenderaan menggunakan jalan raya.....

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Rahim, kalau boleh soalan tambahan itu jangan ada sub-soalan lain pula. Satu sahaja.

Tuan Rahim bin Baba: Di bawah kaedah yang ada sekarang cukai jalan dikenakan mengikut kuasa kuda ataupun c.c. kenderaan itu. Jadi untuk berlaku adil kepada pemilik-pemilik kenderaan adakah Kerajaan bercadang raenukarkan kaedah cukai jalan ini dikenakan mengikut jumlah petrol yang digunakan. Maknanya cukai jalan ini dimasukkan di dalam cukai petrol. Jadi, maknanya kalau dia lebih menggunakan petrol di jalan raya dia akan lebih membayar cukai jalan daripada orang yang kurang menggunakan jalan raya ataupun menggunakan petrol.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua memang sekarang ini tiap-tiap orang yang membeli petrol" termasuk di dalam itu cukai-cukainya. Sudah terraasuk. Jadi tidak timbullah lagi soalan untuk dipinda pula dan mengikut c.c. pin lain-lain c.c. lain-lain kadar bayaran yang dikenakan. Misalannya kalau

motosikal 70 c.c. dia hanya membayar cukai jalan \$50.00 sahaja setahun. Kalau kenderaan persendirian (petrol) 1500 c.c ianya membayar hanya \$220.00. Kalau kenderaan, yang sama digunakan oleh syarikat ianya \$440.00 dari seCerusnya.

PENYELEWENGAN SYARIKAT GUAMAN - TINDAKAN

10. **Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Undang-undang menyatakan apakah pihak Kementerian bercadang mengambil tindakan kepada Syarikat guaman yang menyalahi Akta Profesyen Guaman 1976 (Aturan Peguamcara 1991) yang berkuatkuasa sejak 1hb. Januari lalu berhubung dengan terdapat syarikat-syarikat guaman yang menaikkan yuran guaraan atau memberikan diskaun dengan sewenang-wenang kepada pelanggan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta Profesion Guaman 1976 kuasa untuk mengambil tindakan tatatertib terhadap peguam-peguam yang tidak mematuhi etika profesion guaman telah dipertanggungjawabkan kepada Majlis Peguam. Dalam hubungan ini jika sekiranya terdapat syarikat-syarikat guaman yang bertindak menyalahi Akta Profesion Guaman 1976 di bawah Aturan .Yuran Peguamcara 1991, maka pelanggan yang terbabit boleh membuat aduan terus kepada Majlis Peguam. Seterusnya Majlis Peguam akan merujuk kepada Jawatankuasa Majlis (Bar Committee) untuk apa-apa tindakan yang sewajarnya.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua soalnya sekarang ini kalau ada aduan terhadap penyelewengan yang dilakukaa oleh seorang peguara, maka yang hendak mengadili sungutan kita itu adalah seorang peguam di kalangan peguam ita sendiri. Soalnya sekarang kita tidak percaya kepada Majlis Peguara **ini**. Jadi, adakah dalam Kementerian memikirkan untuk berlaku adil kepada orang yang bersungut supaya ada suatu tempat pengadilan yang lain yang mana yang mengadu akan merasa dia mendapat keadilan dalam soal sungutannya itu.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, setakat sekarang Kementerian belum membuat apa-apa tindakan ataupun menimbangkan untuk mengubah apa yang terkandung dalam Akta ini dan kerana kita asih penuh yakin kepada Majlis Peguara untuk mengatasi masalah yang menjaga tata tertib peguara ataupun ahli-ahli Majlis itu.

HAKMILIK TANAH KEPADA PEKEBUN KECIL GETAH

11. **Tuan Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar raenayakan sama ada masalah lebih 60,000 orang Pekeban Kecil Getah yang raasih belura merapunyai hak milik tanah telah diselesaikan, jika tidak apakah usaha-usaha pihak Kementerian untuk memastikan masalah Pekeban-pekeban Kecil Getah dapat diselesaikan supaya mereka dapat menikmati hasil yang lebih.

Timbalan Meateri Kemeaterian Pembangunan Luar Bandar [Tuan Mohd. Yasin bin Kamari]:Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian melalui RISDA telahpun mengambil beberapa tindakan yang positif bagi raengatasi masalah lebih kurang 60,000 Pekeban-pekeban Kecil Getah yang belum merapunyai hakmilik tanah. Di antaranya adalah seperti berikut:-

- (i) Pihak RISDA dengan kerjasama Pengarah Tanah dan Galian Negeri-negeri telahpun memajukan permohonan untuk mendapat kelulusan Kerajaan-kerajaan Negeri tertentu untuk menanggungkan bayaran premium atau cukai tanah yang disatukan yang dikenakan sehingga kebun-kebun yang terlibat meageluarkan hasil selepas ditanam semula. Kebun-kebun terlibat adalah disyaratkan untuk ditanara..semula secara berkumpulan, sama ada secara Tanam Semula Berkelompok (TSB) atau

Mini Estet. Kelulusan; ini telahpun diperolehi bagi Negeri-negeri Kedah, Perak, Selangor, Melaka dan Terengganu dan bagi, Negeri Kelantan, bayaran premium atau cukai yang-disatukan boleh dijelaskan beransur-ansur secara "enchance rent",

- (ii) Pihak RISDA juga telah mendapatkan kerjasama dari Bank Pertanian Malaysia bagi mendapatkan pinjaman bayaran premium atau cukai yang disatukan untuk pekebun-pekebun kecil yang memerlukan.
- (iii) Bagi pekebun-pekebun kecil dalam rancangan-rancangan tanaman getah yang tidak mempunyai hakmilik yang sah di bawah agensi-agensi kerajaan seperti FELDA, PELCRA, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ataupun Pejabat Tanah, pihak RISDA membenarkan kebun-kebun ini menanam semula bersyaratkan nama-nama peserta berkaitan adalah disahkan oleh agensi masing-masing dan kebun-kebun ditanam semula secara berkelompok.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Soalan tambahan, terima kasih. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang BerhormaC Timbalan Menteri, adakah peneroka-peneroka FELDA yang menanam gech ditakrifkan sebagai pekebun-pekebun kecil? Maksud saya, mereka juga dapat semua keraudahan yang didapati oleh pekebun-pekebun kecil selain daripada FELDA. Terima kasih.

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari: Peaeroka-peneroka FELDA adalah pekebun-pekebun kecil tetapi peneroka-peneroka FELDA adalah terletak di bawah kategori yang berbeza dengan pekebun-pekebun kecil yang lain yang bukan seperti peneroka-peneroka FELDA.

Puan Hajah Rosnah biati Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa lamakah pihak pekebun kecil akan mendapat hakmilik tanah dan jika tanah itu ditanam semula adakah pihak RISDA memberi apa-apa bantuan?

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari: Hakmilik tanah ini adalah kuasa Kerajaan Negeri-negeri, jadi berapa lama pengusaha-pengusaha tanah-tanah Kerajaan untuk mendapatkan hakmilik ini bergantung kepada bagaimana proses untuk mendapatkan hakmilik itu dijalankan ataupun dilaksanakan oleh pekebun-pekebun kecil ataupun peneroka-peneroka di sini - peneroka-peneroka tanah-tanah milik Kerajaan. Kemudian daripada ita proses untuk mengeluarkan hakmilik ini bergantung kepada Kerajaan negeri masing-masing. Dan apabila pengusaha-pengusaha kepada tanah Kerajaan ini meodapat hakrailik mereka berhak- untuk mendapat bantuan tanara semula dari pihak RISDA dan sebagaimana yang dimaklumkan tadi seandainya ada tanah-tanah di negeri-negeri yang berkenaan dalam negara kita ini di Seraeuanjung Malaysia ini kalau ada kerjasama daripada Kerajaan Negeri untuk membenarkan tanah-tanah ini dibangunkan oleh RISDA, raaka tanah-tanah ini yang belumpun mempunyai hakmilik boleh dibangunkan oleh RISDA.

IKLAN TV DAN RADIO - JUMLAH KUTIPAN HASIL

12. Tuan Haji Syed Abdul Hamid Sagaff minta Menteri Penerangan menyatakan berapa banyak hasil yang dapat dikutip dari Iklan melalui TV dan Radio dari tahun 1991 Julai, 1992.

57. Tuan Haji Atman Atar bin Othman minta Menteri Penerangan menyatakan berapakah pendapatan, melalui kutipan iklan TV dan Radio dari tahun 1990, 1991 dan berapa syarikat yang terbesar dan dipunyai oleh siapa.

Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bin Haji Jaffrey]:

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya supaya dapat menjawab bersama-sama dengan soalan yang sama pada No. 57 daripada. Yang Berhormat Tuan Haji Azman Atar bin Othman pada hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, pendapatan melalui-kutipan iklan televisyen-dan radio bagi tahun 1990 dan 1991 adalah seperti b.erikut:-

	1990 (\$ Juta)	1991 (\$ Juta)
TV	182.9	195.0
Radio	16.9	22.2
Jumlah	199.8	217.2

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf kerana tidak dapat memberikan angka bagi pungutan iklan bagi TV dan Radio sehingga Julai 1992 oleh kerana sebab-sebab tertentu. Jadi, saya ingin maklumkan di sini bahawa sepertimana yang telah saya katakan tadi, saya yakin dan ingin memberikan gambaran bahawa kutipan iklan pada tahun 1992 sudah pasti akan meningkat lebih daripada tahun 1990 dan 1991.

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada atau tidak Jawatankuasa khas untuk menapis darjat persembahan, the standard, dengan izin, kepada penonton- penonton kita melalui televisyen? Maksud saya ialah artis-artis kita yang ditonjolkan di situ kalau tidak menunjukkan kehandalannya untuk mencapai dan ditunjukkan melalui televisyen itu akan mendacangkan perasaan standard kita yang ditunjukkan di Malaysia ini terlalu rendah, khususnya kepada penonton- penonton dan juga kepada kita yang appreciate artistic presentation,

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan ini tidak begitu ada hubung-kait yang langsung berkenaan soalan asal, tetapi saya ingin menjelaskan di sini bahawa berhubung dengan penonjolan artis-artis tempatan melalui televisyen itu sememangnya menjadi tanggungjawab Kementerian Penerangan melalui Televisyen dan Radio. Inipun seruanya kita ambil galakan sejajar dengan peraturan-peraturan dan garis panduan-garis panduan yang telah ditentukan oleh Kementerian sebelum ini.

KENDERAAN HILANG - BILANGAN

13. **Puan Law Jack Toon** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) sejak 3 tahun yang lepas hingga sekarang bilangan kereta yang dilaporkan hilang ; dan bilangan kereta yang dijumpai semula oleh polis;
- (b) apa syarat-syaratnya yang berkaitan dengan jualan kereta-kereta yang dijumpai semula selepas hilang; dan
- (c) bagaimana Kerajaan membantu pemilik-perailik kereta yang dijumpai semula menyelesaikan kes-kes mahkamah dan juga mengurangkan kesulitan yang dihadapi dalam tempoh masa yang pendek.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Tuan Ong Ka

Ting]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan kenderaan yang dilaporkan hilang sejak tiga tahun yang lalu sehingga sekarang ialah sebanyak 46,578 buah, manakala yang telah dijumpai semula oleh pihak Polis ialah sebanyak 9,478 buah.
- (b) Bagi kereta-kereta yang telah dilaporkan hilang dan kemudian dijumpai balik, pihak Polis akan mengesan tuanpunya kereta itu supaya dapat dikembalikan kepada pemilik yang berdaftar. Sebaliknya jika tuanpunya kenderaan yang hilang tidak dapat dikesan, satu laporan pengisytiharan harta yang tidak bertuntut atau bertuan akan dibuat di raana tindakan lelong akan diambil setelah notis secukupnya dilakukan. Jikalau injin dan chasis nombor kereta tersebut didapati telah diusik dan pihak Jabatan Kimia tidak dapat mengesahkan nombor asalnya, maka kenderaan-kenderaan seperti ini tidak akan digunakan lagi

di atas jalan raya dan bolehlah dilelong sebagai besi buruk.

- (c) Pihak Polis akan mengembalikan kereta-yang dijumpai semula kepada pemiliknya dengan secepat mungkin bagi mengelakkan tuanpunya kenderaan tersebut menghadapi apa-apa kesulitan. Bagi kereta yang tidak dijumpai, pihak Polis akan mengeluarkan surat pengesahan kepada pihak Syarikat Insuran untuk membolehkan pemilik membuat tuntutan dengan secepat mungkin. Dalam hubungan ini, kerjasama semua pihak adalah perlu di mana jika berlaku sebarang pertukaran alamat, tuanpunya yang telah melaporkan kehilangan kenderaan tersebut hendaklah memberitahu pihak Polis supaya boleh dihubungi.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit soalan tambahan. Adakah masa tertentu dihadkan untuk tuanpunya kereta menjual kereta mereka yang dijumpai semula? Jika ada, apakah sebab-sebabnya?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya sesebuah kereta itu dijumpai balik, mengikut undang-undang seperti saya sebutkan dan telah dikembalikan kepada tuanpunya, maknanya sudah selesai semua kes-kes mahkamah dan juga telahpun disah tentukan bahawa tuanpunya itu adalah pemilik yang sah, tnaka tuanpunya itu boleh menjual keretanya pada bila-bila masa.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekianlah Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut untuk petang ini.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup daa Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 67 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN DRUSAN YANG DIBEBASRAN DARIPADA
PERATURAN MESYUARAT DAH PENANGGDHAN'

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato'Seri S. Samy

Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa, walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa, walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

RANG UNDANG-UNDANG
RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (Ihb Ogos, 1992)

Timbalan Tang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah menyambung ucapannya.
3.38 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Baji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, semua orang tahu bahawa sindiket dadah di dunia ini begitu besar kuasanya. Sebagai sebuah Kerajaan penjajah yang tersusun di dunia dan mempunyai agen pengedar di setiap negara di dunia **ini**, siap dengan kewangan yang banyak, alat senjata yang lengkap serta dengan pengikut-pengikutnya terdiri daripada raereka yang bijak dalam bidang kerjayanya dan mempunyai kuasa di darat, di laut dan di udara. Maka cara kita hendak membanterasnya untuk menghadapi musuh negara ini hendaklah kita juga mempunyai peralatan yang canggih bersesuaian dengan kelengkapan musuh.

Kita mestilah menggunakan alat jentera Kerajaan dari semua Kementerian, semua Jabatan dan juga kerjasama orang ramai. Tentulah ada agen terbesarnya sekali di negeri ini. Mereka hidup dengan kemewahan, kaya, dengan tidak nampak apa-apa pekerjaannya; kadang-kadang dia menonjol dan menunjukkan baik dan sangat hormat kepada pemimpin-peTnitnpin negara, pegawai-pegawai Kerajaan, pegawai-pegawai Polis dan Tentera hingga kita tidak sedar mereka itulah perompak besar, penyaraun, perabunuh dan juga ketua sindiket pengedar dadah. Bagaimana bijaknya mereka bertindak, maka marilah kita juga lebih bijak menggunakan alat jentera kita mengesan sehingga kita dapat menghapuskannya. Pengedar-pengedar tempatan yang menjadi ikan bilis cadi, apabila ditangkap dan dikurung, bolehlah kita menjadikan mereka sebagai perisik, sama ada dengan ugutan atau dengan lembut, atau dijadikan umpan untuk memerangkap ikan jerung yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Pusat Serenti yang selama ini menyimpan semua anak muda yang terlibat dengan dadah begitu raraai di dalam negara kita, tetapi kita melihat bahawa pekerjaan yang dibuat dalam Pusat Serenti Itu sama sahaja. Aktiviti yang dijalankan seperti memberikan kursus atau latihan fizikal dan juga ada sedikit latihan pertanian dan kerja tangan. Oleh sebab itu apabila mereka keluar dari Pusat Serenti ini, mereka tidak dapat membela dirinya untuk mencari makan. Mereka hendak berkebun, bukan zamannya lagi berkebun dengan cangkul, mereka hendak membuat pongkis, tidak ada lagi orang yang memakai pongkis.

Saya mencadangkan di sini supaya Pusat-pusat, pemulihan Dadah, seperti Pusat Serenti ini yang begitu banyak dalam negara kita, dapat menentukan satu-satu subjek yang mesti dibuat bagi melatih mereka ini. Jika mereka ini dilatih dalam satu-satu bidang sehingga mendapat pekerjaan, apabila keluar daripada pusat-pusat ini, tentulah mereka dihormati oleh orang ramai, kerana mempunyai pekerjaan dan mereka tidak balik kepada ketagih dadah. Misalnya, sebuah Pusat Serenti yang ada di negara ini menentukan dalam Pusat Serenti itu ada latihan yang diperuntukkan kepada mereka yang cenderung menjadi guru. Jadi kita boleh semak di mana pemuda-pemuda yang mempunyai kelulusan SPM, yang terlibat dengan penagihan dadah ini, kita menyediakan dalam satu pusat yang melatih hanya untuk menjadi guru, berapa tahun lamanya ikutlah seperti latihan guru-guru biasa. Di samping mereka dilatih untuk membersihkan dirinya daripada terlibat dalam penagihan dadah dan fisikalnya, latihlah mereka itu menjadi guru yang sempurna, kemudian apabila dia keluar dapat menjadi guru

yang baik. Begitu juga orang-orang yang tidak mempunyai kelulusan yang baik, tetapi boleh bekerja dalara kilang-kilang, bolehlah kita latih.... [Bekalan elektrik terganggu]

Timbalan Yang di-Pertua: Kena angkat suaralah Datuk.

Datuk Haji Ahmad bin Baji Abdullah: Boleh, insya Allah. Jadi bolehlah kita latih raereka ini supaya membuat kerja-kerja dalam bidang elektronik, yang tidak menggunakan banyak pengetahuan. Apabila mereka lulus dalam bidang ini mereka boleh bekerja di kilang-kilang elektronik seperti juga pemuda yang lain. Sekiranya mereka ini cenderung dalam latihan-latihan yang lain, misalnya ingin menjadi guru agaraa, barangkali dia telah insaf ingin menjadi guru agama, bolehlah diadakan subjek untuk menjadi guru agama dan dilatih selama dua atau tiga tahun, supaya bila keluar mereka boleh menjadi pensyarah agama yang baik.

Begitu juga dalam bidang-bidang yang lain, misalnya dia ada kecenderungan dalam bidang ketenteraan. Di dalam Pusat itu mereka dilatih seperti latihan rekrut tentera, supaya apabila bijak mereka dimasukkan ke dalam Pasukan Tentera, dan begitu juga dalam Pasukan Polis. Apabila mereka mempunyai pekerjaan, mereka tidak lagi merasakan ingin menghisap dadah seperti yang sudah-sudah dan masyarakatpun sangat menghormatinya. Jadi dengan itu latihan di Pusat Serenti ini menjadi berguna kepada kita.

Mengenai cara latihan yang ada sekarang **ini**, iaitu melatih fizikalnya menjadi baik dan bersih, kemudian diadakan aktiviti perkebunan dengan raenggunakan alat-alat yang lama seperti cangkul,

pongkis, dan lain-lain, kemudian digunakan untuk latihan kerja tangan, membuat bakul, pongkis dan juga perabot, seperti kerusi yang diperbuat daripada rotan, jadi latihan-latihan ini tidak dapat memberikan penghidupannya pada masa akan datang kerana kerja-kerja yang telah dibuat itu tidak dapat menanggung dirinya sendiri apatah lagi kalau mereka ingin berkahwin.

Saya mencadangkan supaya Pusat latihan itu dikaji, semula dan dijadikan tempat atau Pusat latihan yang berguna, yang mana apabila mereka keluar daripada Pusat itu, mereka boleh menjadi orang-orang yang mempunyai pekerjaan yang baik.

Berhubung dengan merapamerkan segala jenis alat dadah, kerapen mencegah dadah yang dibuat pada hari ini, saya juga bersetuju dengan rakan-rakan yang sudah bercakap terlebih dahulu daripada saya untuk memberhentikan pameran memperkenalkan dadah ini kepada masyarakat. Kerana apabila kita memperkenalkan dadah ini bagi orang-orang muda dia ingin mencubanya, sebab itu tidak memberi faedah kalau kita mempamerkan segala jenis dadah ini kepada masyarakat,

Saya ingin meyentuh mengenai tayangan filem. Tayangan-tayangan filem ini kalau kita boleh membuat sendiri bagaimana azab sengsaranya kalau orang menghisap dadah, bagaimana azabnya sindiket akan dikejar oleh Polis dan juga diburu oleh pihak keamanan, itu bolehlah ditayangkan. Tetapi tayangan filem yang ada mengenai dadah, yang selalu disiarkan di dalam TV hari ini yang datangnya dari Amerika, selalunya menampakkan kebodohan Polis; pihak keamanan yang selalu bodoh, selalu sahaja orang-orang yang mempunyai kekuatan atau pemilik dadah lebih kuat daripada Polis. Misalannya malam tadi

ada ditayangkan di Filem Negara, mula sahaja tayangan, keluar sahaja fileni **itu**, tiba-tiba pengedar dadah menerabak Polis dan juga menembak orang ramai. Apabila Polis mencari siapa yang menembak, tetapi tidak berjumpa. Kemudian terdapat juga orang yang membalas dendam kerana suaminya mati dibunuh oleh pengedar dadah, perempuan itu pula membunuh sindiket dadah itu sehebat-hebatnya sehingga habis seraua dibunuh, tetapi Polis hanya tercengang sahaja. Ini menampakkan perkara yang membolehkan atau merendahkan pihak Polis. Begitu juga dengan tayangan-tayangan yang selalu dibuat, apabila Polis mengejar sindiket dadah ini, malang dia punya kereta terbalik, terbakar, masuk ke dalam sungai. Jadi nampaklah kebodohnya, sedangkan sindiket dadah ini begitu canggih, oleh sebab **itu**.....

Timbalan Yang di-Pertua: Apa pula peranan perempuan itu?

Datuk Haji Ahmad bin Baji Abdullah: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Apa pula peranan perempuan itu?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Perempuan yang mana?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Datuk sebut tadi, perempuan yang terlibat dengan dadah **itu**.

Datuk Haji Abdullah bin Haji Ahmad: Perempuan tadi, bila suaminya sudah dibunuh oleh pengedar dadah, dia menuntut bela bila dia menuntut bela, dia bersilatlah. Dia bersilat sekuat-kuatnya dengan menggunakan segala alat jentera yang boleh membunuh orang, sehingga habis semua sindiket dadah dibunuh. Polis pula susah sangat hendak mencari, bijak lagi perempuan itu daripada Polis dan....

Timbalan Yang di-Pertua: Itulah maksudnya?

Datuk Haji Ahmad bin Baji Abdullah:Ya. Jadi saya rasa segala filera-filem seperti itu tidak meraberi kesan kepada kebaikan kita, melainkan kalau boleh kita membuat filem sendiri yang menunjukkan pengedar dadah sentiasa diburu, diazab sengsara, dan orang-orang yang menghisap dadah-itu hidupnya begitu tidak sempurna, hidupnya seperti "bangkai bernyawa" yang dipamerkan kepada masyarakat. Saya fikir filem-filem seperti itu patutlah dibuat, dan kalau tidak boleh buat deraikian, tidak payahlah kita tunjukkan filem-filem itu.

Saya rasa sudah ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah bercakap begitu panjang, cukuplah setakat itu dahulu saya memberikan pandangan mengenai dadah ini, dan saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang sanggup mendengarnya.

Tuan Yang di-Pertua, teritna kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dengan hormat saya menjemput Setiausaha Parlimen menjawab.

3.50 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Tuan Ong Ka

Ting]: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri mengucapkan berbanyak terimakasih kepada kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini. Penyertaan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam membahaskan Rang Undang-undang ini menunjukkan semua Ahli-ahli Yang Berhormat telah bersama-sama ingin mengatasi masalah yang dihadapi iaitu mengenai kegiatan pengedaran dan penagihan najis dadah.

Sejajar dengan kehendak Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang sedang dan akan terus membendung masalah pengedaran dan penagihan dadah. Masalah yang dihadapi oleh negara pada masa ini hendaklah mendapat kerjasama semua pihak untuk tujuan mengawal dan mencegah masalah pengedaran dan penagihan dadah. Usaha-usaha ini dijalankan melalui beberapa program pencegahan, pemulihan dan penguatkuasaan undang-undang. Ini melibatkan penyertaan di semua peringkat seperti pelajar-pelajar, ibu bapa, pertubuhan-pertubuhan sukarela, agensi-agensi Kerajaan dan pihak-pihak penguatkuasa. Kerjasama semua pihak ini akan dapat menjamin dan menyelesaikan masalah ini dalam jangka masa pendek dan jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar akan kritikan-kritikan dari negara-negara tertentu mengenai undang-undang negara ini yang dianggap tidak bertamadun ke atas pesalah-pesalah dadah seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad Nazri Abdul Aziz. Di sini ingin saya jelaskan bahawa terdapat juga ahli-ahli luar memuji akan pelaksanaan undang-undang negara ini' dan terdapat negara-negara luar mengambil contoh akan pelaksanaan undang-undang ini;

Negara kita akan menghadapi masalah keruntuhan moral, kerosakan sosial dari akan mengancam kestabilan dan keselamatan negara jika tidak ada kawalan perundangan yang ketat.

Tuan Yang di-Pertua, sistem yang kita amalkan telah memberi kesan di dalam mengatasi masalah ini dan sekiranya undang-undang ini tidak dilaksanakan kemungkinan jumlah pengedar dan penagih akan lebih tinggi daripada apa yang ada sekarang. Pada masa ini jumlah penagih baru yang dikesan adalah lebih kurang 600 orang sebulan berbanding dengan 800 orang sebulan pada tahun 1998. Kerajaan masih belum berpuas hati mengenai pengurangan ini dan akan mengambil langkah-langkah yang tegas bagi menjamin Kehidupan yang selamat untuk negara ini.

Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri dan beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain juga telah menegur bahawa pada masa ini pengedar-pengedar yang ditangkap adalah mereka yang terlibat secara kecil-kecilan ataupun "ikan bilis."

Tuan Yang di-Pertua, maklumat-maklumat yang kita terima oleh pihak penguatkuasa kadangkala tidak lengkap dan tindakan lanjut tidak dapat diambil. Untuk makluman Yang Berhormat, walaupun sebahagian besar daripada mereka yang ditangkap kerana raengedar dadah adalah mereka yang bekerja dengan sindiket sebagai orang upahan sahaja. Akan tetapi terdapat juga ketua-ketua sindiket yang telah diambil tindakan di bawah undang-undang pencegahan dan telah ditangkap di bawah Akta Dadah Berbahaya Langkah-langkah Pencegahan Khas 1985 walaupun tidak semestinya mereka dijumpai dengan memiliki dadah sebagai bukti.

Untuk makluman Yang Berhormat, sejak pelaksanaan undang-undang ini seramai 3,414 orang pengedar di tahan di bawah undang-undang tersebut. Pada masa ini seramai 1,322 orang masih ditahan di bawah Akta tersebut. Dengan perkataan yang lain, walaupun ketua-ketua sindiket itu mungkin atas sebab bukti-buktinya tidak didakwa di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 tetapi ada juga akta-akta lain untuk memastikan mereka itu tidak dilepaskan begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, harta-harta mereka yang dimiliki hasil dari aktiviti pengedaran dadah pihak mahkamah diberi kuasa untuk merampas dan melucuthakkan harta kepunyaan seseorang pengedar dadah di bawah Akta Dadah Berbahaya (Rampasan dan Perlucuthakan Harta) 1988. Pihak Penguatkuasa telah merampas sejumlah \$1.06 juta wang tunai dan harta-harta sejumlah kira-kira \$12.5 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat juga membangkitkan supaya mencontohi Drugs Enforcement: Agency, dengan izin, di Amerika Syarikat Sebenarnya Malaysia telah mempunyai agensi-agensi untuk mengatasi masalah tersebut seperti Cawangan Anti Dadah, Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Kastara dan Eksais serta Unit Pencegahan Penyeludupan yang berupaya mengatasi masalah pengedaran dadah.

Di samping itu telah ada program secara bersepadu di peringkat negeri dan daerah yang melibatkan semua Jabatan Kerajaan dan pertubuhan. sukarela untuk bersama-sama secara bersepadu memerangi dadah.

Mengenai pemilikan dadah di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 adalah jelas bahawa apabila seseorang dijumpai dalam jagaannya atau di bawah kawalannya, dadah merbahaya maka jika ada bukti hendaklah dianggap sebagai mengetahui akan kedudukan dadah berkenaan. Mereka akan disabitkan atas kesalahan perailikan dengan dikenakan denda \$5,000 dan tidak melebihi \$10,000 atau dipenjara selama. tidak melebihi 5 tahun atau kedua-dua sekali.

Untiik makluman Ahli Yang Berhormat, sekiranya seseorang itu memiliki dadah jenis heroin atau morphine berjumlah 15 gm, bukannya 10 gm ataupun lebih maka mereka dianggap sebagai pengedar dadah dan boleh dikenakan hukuman mati mandatori. Sekiranya mereka memiliki dadah tersebut kurang daripada 15 gm maka ia akan dituduh di bawah Seksyen lain iaitu Seksyen 39A.

Hukuman mati mandatori tadi di bawah Seksyen 39B. Di bawah Seksyen 39A mereka yang memiliki dadah antara 2 gram hingga 5 gm heroin atau morphine boleh dikenakan hukuman penjara dua hingga lraa tahun, Untuk mereka yang memiliki antara 5 gm hingga 10 gm boleh dikenakan hukuman penjara 5 tahun sehingga mungkin seumur hidup. Jadi cukup jelas kita ada hukuman berperingkat sekadar dengan berapa banyaknya dan apa tujuannya dadah itu digunakan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah Seksyen 41(B) di bawah Akta tersebut telah menjelaskan bahawa mereka yang dituduh tidak boleh dijamin sekiranya di bawah hukuman mati mandatori dan hukuman penjara 5 tahun atau lebih. Memang tidak boleh jamin. Di samping itu mereka yang dikenakan tuduhan yang membawa hukuman penjara kurang daripada 5 tahun, pihak Pendakwaraya boleh mengemukakan sijil atas kepentingan awam di mana mereka tidak boleh dijamin.

Mengenai taksiran "cannabis" ingin saya menjelaskan bahawa dari segi takrif sains dan takrif yang sebenarnya kalau "cannabis" itu tidak ada mesin ataupun cannabis tanpa mesin memang ianya bukan cannabis. Jadi tidak boleh kita keluarkan langsung perkataan resin. Seperti kalau manusia itu ada jiwa. Kalau sudah mati tidak ada jiwa itu mayat. Jadi dia punya takrif itu kita tidak boleh keluarkan mesin. Walau bagaimanapun pindaan ini sudah jelas dengan adanya mesin tidak kira berapa, kita anggap ia adalah cannabis yang boleh digunakan di mahkamah, maka itu cukup tepat untuk Jabatan Kimia

untuk buat kerjanya.

Pemilikan dadah menunjukkan bahawa ada penggunaan yang dibenarkan terutamanya dalam rawatan, Ini bermakna kita tidak boleh kata ada sahaja dadah, hukum dia. Kita terlebih dahulu kena tahu apa tujuan dadah yang dimiliki itu. Sekiranya dia boleh buktikan bahawa dadah yang didapatinya itu adalah untuk tujuan rawatan dan telah dibenarkan, maka kita tidak akan classify sebagai penyalahgunaan dadah. Dan berapa banyaknya dadah yang dimiliki ini kita kena kaji dari segi sama ada tujuan itu adalah untuk pemilikan atau pengedaran atau dengan izin, possession or drug trafficking. Itu satu perkara kita kena pastikan dan bukan bergantung kepada berapa banyak dadah kita terus kenakan hukuman dengan tidak mengambil kira faktor-faktor yang lain. Memang semua ini telahpun diarahkan oleh Akta yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Abdul Rashid Ismail dan Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha binti Hussin telah membangkitkan mengenai masalah pengedaran dan penagihan dadah di kalangan pelajar-pelajar sekolah. Dalam hal ini Kementerian Pendidikan sentiasa menjalankan berbagai usaha untuk membendung masalah penyalahgunaan dadah di seluruh negara. Usaha-usaha ini, antara lain, adalah menghantar pelajar-pelajar terlibat untuk ujian air kencing dan masukkan pendidikan pencegahan dadah dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah.

Sekolah-sekolah juga mengadakan khidmat guru bimbingan. dan kaunseling kepada pelajar-pelajar yang bermasalah dan disyaki dalam penyalahgunaan dadah. Aktiviti-aktiviti ko-kurikulum melalui program-program pembangunan sekolah, "Bina Semangat" dan rakan sebaya dengan kerjasama masyarakat setempat dijalankan bagi melaksanakan usaha-usaha pencegahan. Usaha-usaha ini akan dijalankan berterusan secara menyeluruh melibatkan ibu bapa dan masyarakat umum.

Yang Berhormat Tuan Abdul Rashid Ismail membangkitkan bahawa Jawatankuasa Keselamatan Kemajuau Kampung dan Rukun Tetangga harus membantu dalara masalah dadah. Perkara ini telah dan akan diambil perhatian dan pandangan-pandangan yang lain daripada Yang Berhorraat juga telah dalam perhatian Kementerian. Mengenai saranan Yang Berhormat bahawa pengedaran dadah sekarang semakin canggih akan juga diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Che Pora telah menyentuh mengenai rawatan dan pemulihan bagi penagih-penagih dadah. Di sini, ingin saya menjelaskan bahawa semua rawatan dan pemulihan dilaksanakan secara percuma. Segala bayaran ditanggung sendiri oleh Kerajaan dari awal menerima rawatan dan pemulihan hingga tarikh pembebasan mereka. Adalah dikecualikan kepada penagih dadah yang menerima rawatan dan pemulihan diinstitusi, iaitu Pusat Serenti dan Pusat Jagaan Lanjutan sahaja iaitu bayaran insurans diri penagih dadah sebanyak \$12.00 satu tahun. Keluarga mereka akan menjelaskannya bagi faedah pelatih itu sendiri. Hanya Kerajaan Malaysia sahaja di dunia ini tidak meagambil apa-apa bayaran daripada penagih dadah yang menerima rawatan dan pemulihan dadah.

Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah di Kementerian Dalam Negeri ini menerima peruntukan untuk tahun 1992, sebanyak \$34.2 juta untuk tujuan Pengurusan dan \$19 juta untuk tujuan Pembangunan Pusat Serenti dan Pusat Jagaan Lanjutan.

Sebagai maklumat, setakat ini negara kita mempunyai 21 buah Pusat Serenti yang telah beroperasi dan kita bertujuan untuk mendirikan 1 bih banyak Pusat Serenti yang ada dalam rancangan hingga 42 buah, dan juga bagi Pusat Jagaan.Lanjutan yang buat masa ini berjumlah 43 buah, klta ada rancangan untuk memastikan pada akhirnya tiap-tiap daerah mempunyai Pusat. Jagaan Lanjutan iaitu 85 buah dalam masa jangka panjaag.

Kerajaan menanggung setiap penagih dadah yang menerima rawatan dan pemulihan dadah di institusi pemulihan sebanyak \$3.18 sen untuk makanan dan gas masakan pelatih sehari dan sebanyak \$10.84 sen untuk perbelanjaan mengurus seorang pelatih termasuk semua 'overhead' bagi sehari. Apa-apa pendapatan tambahan hasil daripada kerja mereka adalah untuk kegiatan-kegiatan di pusat-pusat yang berkenaan.

Namun demikian, mereka perlu menandatangani satu perjanjian atau 'bond' sebelum mereka menerima rawatan dan pemulihan dadah. Bond yang dimaksudkan perlu dibayar secara jaminan (bukan tunai) sekurang-kurangnya \$500 atas tujuan mengikat penagih dadah secara sukarela dari melarikan diri sebelum tempoh rawatan dan pemulihan dadah tamat. Sekiranya berlaku demikian, penjamin terpaksa menjelaskan bond mereka tadi. Untuk mereka yang tidak berkesempatan untuk menjalani pemulihan di institusi, mereka boleh diberi rawatan dan pemulihan secara perkhidmatan luar di mana pegawai-pegawai daripada Bahagian Pemulihan dan Rawatan akan melawat rumah penagih berkenaan untuk menjalankan ujian air kencing dan juga memberi rawatan dan kaunseling yang selanjutnya. Maka kita tidak hadkan pemulihan dan rawatan itu hanya di Pusat-pusat Serenti. Maknanya di luar pun kita ambilkira.

Yang Berhormat Tuan Abdul Rashid Ismail telah menegur bahawa masyarakat pada masa ini tidak yakin dengan pihak penguatkuasa kerana terdapat mereka yang memberi maklumat mengenai kegiatan pengedaran dadah telah dianiayai oleh kumpulan-kumpulan tertentu

dan mereka ini perlulah dilindungi. Ingin saya tegaskan di sini bahawa pihak penguatkuasa mengalu-alukan maklumat-maklumat daripada orang ramai mengenai masalah sebegini ini. Pihak penguatkuasa diwajibkan merahsiakan seraua butir-butir peribadi pemberi maklumat dan mereka akan terus dilindungi oleh pihak Polis sekiranya terdapat ancaman daripada kumpulan-kumpulan, yang dimaksudkan itu. Kementerian Dalam Negeri memandang serius mengenai teguran tersebut dan akan meagambil tindakan sekiranya terdapat anggota-anggota penguatkuasaan yang membocorkan butir-butir pemberi maklumat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Rosalind Yau telah membangkitkan supaya maklumat mengenai bahaya dadah harus disebarkan. Sebenarnya, maklumat-maklumat sedemikian telah banyak disebarkan melalui media massa dan beberapa aktiviti pameran dan bahaya dadah telah dipergiatkan. Saranan Yang Berhormat supaya disediakan "Hot Line" untuk raeneriraa maklumat orang ramai, sebenarnya telah terdapat "Hot Line" itu di peringkat Persekutuan dan di peringkat negeri-negeri,

Untuk menjimatkan masa, saya tidak akan baca semua "Hot Line" tetapi saya boleh beritahu di sini raengenai dua "Hot Line" yang penting iaitu untuk Pasukan Petugas Anti-Dadah (PPAD) ialah 2547000 masa bekerja dan Ibu Pejabat Polis 2415122 dan mereka bersedia 24 jam, Untuk semua negeri, memang ada "Hot Line" yang lain.

Yang Berhorraat Tuan C. Krishnan mencadangkan supaya PEMADAM diberi peruntukan yang lebih setiap tahun dan di setiap daerah. Pada masa kini, PEMADAM telah diberi peruntukan sebanyak \$100,000 setahun dan raereka sendiri telah berupaya untuk menyediakan program mereka dengan usaha untuk mengutip wang untuk kegiatan mereka sendiri,

Mengenai saranan Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha binti Hussin dan juga baru-baru sahaja kita dengar teguran Yang Berhormat Dato" Haji Ahmad supaya memberhentikan pameran alat-alat dadah dan jenis-jenis dadah. Pada masa ini kita tidak dapat berbuat demikian. Ini adalah kerana hasil kajian yang dijalankan menunjukkan lebih banyak faedah diperolehi dengan mempamerkan bahan-bahan alat dadah daripada membiarkan anak muda kita dalam keadaan jahil tentang dadah. Mereka tidak tahu apa ita dadah, macam mana bentuknya dan berapa bahayanya. Kalau kita tidak pameran, mereka tidak akan mempunyai pengetahuan yang secukupnya untuk melindungi diri. .

Saranan Yang Berhormat supaya hospital dan pusat-pusat farmasi tidak menjadi pengedar dadah secara terhormat akan diberi perhatian yang secukupnya. Sebenarnya, baru sekejap tadi telah membincangkan dengan Timbalan Menteri Kesihatan, dan beliau telahpun memberitahu kepada saya bahawa Bahagian Farmasi di bawah Kementerian Kesihatan memang ada prosedur-prosedur yang ketat di mana doktor-doktor bertauliah perlu mengesahkan kegunaan dadah untuk tujuan rawatan. Sekiranya ada terdapat mana-mana pihak yans telah melanggar

prosedur-prosedur yang ditentukan itu, mereka akan dikenakan hukuman. Jadi, ini adalah satu perkara di bawah jagaan Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat juga mengatakan bahawa penagih dadah semakin ramai walaupun perbelanjaan Kerajaan untuk mengatasi masalah telah meningkat. Ini adalah tidak benar kerana bilangan penagih dadah yang dikesan, seperti angka yang saya telah berikan tadi, telah berkurangan.

Yang Berhormat Tuan Haji Dahalan bin Embun telah menyentuh banyak perkara dalam buku itu. Saya pun berminatlah dan kalau boleh saya hendak meminjam nanti buku itu yang mengandungi "banyak sejarah mengenai dasar rawatan dan pemulihan. Di dalam menjalankan program pemulihan ini Kerajaan sentiasa peka terhadap keberkesanan. Banyak perkara yang disebutkan itu memang sudah dalam perhatian dan telah pernah dikaji dan sebenarnya banyak langkah-langkah yang disebutkan itu telahpun dijalankan. Kerajaan akan mengintegrasikan penagih-penagih dadah ini dengan masyarakat. Mengenai menempatkan Pusat-pusat Pemulihan seperti dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah tidak sesuai pada masa ini. Ini kerana dalam program rawatan dan pemulihan kita, kita tergantung banyak kepada lawatan keluarga penagih-penagih dadah. Ini adalah perlu sebagai satu bahagian untuk memberi pertolongan, memberi kasih-sayang dan sebagainya untuk membantu mereka dari segi moral. Kalau sekiranya kita menempatkan semua orang dalam satu pusat yang besar, semua program rawatan dan pemulihan ini akan jadi rumit. Jadi, pada masa ini kita tidak dapat dijalankan rancangan itu.

Mengenai sifat-sifat fizikal seseorang penagih, memang tidak dapat dikenalpasti dengan mata kasar terutama untuk mereka di peringkat awal. Pada peringkat awal seseorang mungkin nampak sihat tetapi dia mungkin ada menagih. Apa yang pasti atau yang lebih reliable, dengan izin, ialah ujian air kencing masih merupakan cara yang paling sah setakat ini.

Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah telah menyebut juga mengenai semua jentera Kerajaan memang saya telah jawab. Semua jentera Kerajaan telahpun disepadukan dan juga banyak program-program telahpun dirancang. Pada masa akan datang kegiatan itu akan diteruskan dan mungkin akan dipertingkatkan.

Untuk mereka yang lepasan Pusat Serenti bukan mereka dibiarkan begitu sahaja. Mereka akan diberi peluang masuk ke dalam pusat jagaan lanjutan selarua enara bulan. Dalam enam bulan inilah mereka ini akan dapat program-program untuk menyesuaikan diri dengan masyarakat umum sebelum mereka berpindah daripada satu suasana ke satu suasana yang begitu ekstrim.

Selain daripada itu, badan-badan yang lain telahpun ditubuhkan seperti PENGASIH iaitu persatuan di mana bekas-bekas penagih yang telah berjaya dan yang telah mempunyai kejayaan untuk tampil ke hadapan membantu mereka yang masih di dalam keadaan tidak berapa stabil. Di samping itu PEMADAM dan juga Kementerian Dalam Negeri sendiri telah memimpin melalui teladan. Kita telah mengambil banyak

pekerja-pekerja ini untuk membantu di dalam kegiatan kita untuk memberikan mereka peluang bekerja.

Di sini saya menyerulah kepada masyarakat umum dan pihak-pihak tertentu untuk membantu pelatih-pelatih. Kita sebut mereka pelatih bukan lagi penagih apabila mereka keluar. Kalau sekiranya seluruh masyarakat tidak memberi perhatian dan dorongan yang cukup, memang dengan hanya Kerajaan atau Kementerian, kita tidak boleh mengatasi masalah penerimaan mereka balik ke pangkuan masyarakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam membahaskan Rang Undang-undang ini. Walaupun tidak sempat saya menjawab semua teguran ataupun cadangan tetapi saya ingin memberi jaminan di sini bahawa Kementerian Dalam Negeri tetap akan mengambilkira semua cadangan-cadangan dan memberi perhatian yang secukupnya. Kita akan mengemukakan segala cadangan yang sesuai kepada agensi-agensi di bawah Kementerian untuk tindakan selanjutnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 2. diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG HIBURAN
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.16ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu "Rang Undang-undang beruama Suatu Akta untuk membuat peruntukan bagi pelesenan dan pengawalan hiburan dan tempat-tempat hiburan dan perkara-perkara yang bersampingan denganya dibaca kali yang kedua sekarang.

Timbalan Tang di-Pertua: Silakan.

Dato' Drs. Suleiman bio Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992 ini bertujuan untuk membuat peruntukan bagi pelesenan dan pengawalan hiburan dan tempat-terapat hiburan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur memandangkan pelesenan pertunjukan dan hiburan awam tidak dapat dibuat di bawah undang-undang yang sedia ada. Undang-undang asal bagi mengawal panggung

dan tempat hiburan awam di Wilayah Persekutuan ialah Enakm-Panggung dan Tempat Hiburan Awam 1936. Pada tahun 1937, Kaedah-kaedah Panggung dan Tempat Hiburan Awam telah diperbuat di bawah Enakmen tersebut dan dikuatkuasakan bagi mengawal pelesenan pertunjukan dan hiburan awam. Pada tahun 1977 pula, Akta Panggung dan Tempat Hiburan Awam Wilayah Persekutuan 1977 telah menggantikan Enakmen Panggung dan Tempat Hiburan Awam 1936 dan ianya sedang berkuatkuasa hinggalah sekarang.

Satu deraf kaedah-kaedah telah dicadangkan untuk dibuat di bawah Akta Panggung dan Tempat Hiburan Awam (Wilayah Persekutuan) 1977 bagi menggantikan Kaedah-kaedah Panggung dan Tempat Hiburan Awam 1937. Walau bagaimanapun deraf Kaedah-kaedah tersebut telah ditolak oleh Jabatan Peguam Negara atas alasan berikut:

- (i) Akta Panggung dan Tempat Hiburan Awam (Wilayah Persekutuan) 1977 tidak mempunyai peruntukan bagi pelesenan pertunjukan;
- (ii) lesen hanya boleh dikeluarkan untuk membuka panggung dan tempat hiburan awam bagi sesuatu tempoh dan bayaran fee boleh dikenakan sekali untuk lesen itu bagi tempoh tersebut; dan
- (iii) Kaedah-kaedah Panggung dan Tempat Hiburan Awam 1937 membuat peruntukan mengenai bayaran fee pertunjukan yang tidak selaras dengan Enakmen Panggung dan Tempat Hiburan 1936.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini pertunjukan dan hiburan awam adalah dikawal dengan pelesenan di bawah Kaedah-kaedah Panggung dan Tempat Hiburan Awam 1937. Sementara itu panggung dan tempat hiburan awam pula dilesenkan di bawah Bahagian VIII Undang-undang Kecil Perbandaran. Berpandukan kepada pandangan Jabatan Peguam Negara tersebut pelesenan pertunjukan dan hiburan awam tidak dapat diteruskan di bawah undang-undang yang sedia ada. Oleh hal yang demikian, bagi membolehkan pengawalan dan pelesenan pertunjukan dan hiburan awam diteruskan, satu Akta baru perlu dibuat. Akta baru tersebut akan memansuhkan dan menggantikan Akta Panggung dan Tempat Hiburan Awam (Wilayah Persekutuan) 1977.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di sini sukacita juga saya memberi sedikit penjelasan mengenai Rang Undang-undang ini:

- (a) Fasal 2 mentakrifkan perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan yang digunakan di dalam Akta. Perkataan 'hiburan' ditakrifkan secara umum supaya meliputi lingkungan aktiviti di mana-mana tempat hiburan yang orang ramai dibenarkan masuk ke situ.
- (b) Fasal 3 merobuat peruntukan bagi Menteri memberikan arahan-arahan kepada Dato Bandar tentang perjalanan kuasa-kuasa dan budibicara yang diberikan kepadanya.
- (c) Fasal 4 melarang apa-apa hiburan diadakan di tempat-tempat hiburan melainkan lesen-lesen ada dikeluarkan berkenaan dengan hiburan dan tempat hiburan itu. Pelanggaran peruntukan ini menjadi satu kesalahan yang boleh dihukura dengan denda tidak melebihi \$20,000 atau pemenjaraan tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.
- (d) Fasal 5 menyatakan kehendak-kehendak perhubungan dengan permohonan untuk mendapatkan lesen hiburan dan lesen untuk membuka tempat hiburan. Permohonan hendaklah dibuat kepada Dato Bandar dalam borang yang akan ditetapkan. Dato Bandar merapunyai budibicara sama ada hendak memberi

lesen atau tidak. Jika permohonan dibenarkan, lesen akan dikeluarkan apabila dibayar fee yang ditetapkan.

Di bawah Sub-Fasal, (5), wang yang dikutip daripada pemberian lesen hendaklah dibayar masuk ke dalam kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang berhubung dengan Kerajaan Tempatan.

- (e) Fasal 6 memberi kuasa kepada Dato Bandar untuk menghendaki pemohon memberi skrip, jika ada, dan maklumat lain yang dikehendaki bagi maksud memutuskan sama ada hendak memberi lesen atau tidak.
- (f) Fasal 7 memperuntukkan bahawa sesuatu lesen yang dikeluarkan adalah bagi apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Dato Bandar.
- (g) Fasal 8 memperuntukkan satu lesen yang dipamerkan di tempat ketara di tempat hiburan itu pada setiap masa.
- (h). Fasal 9 memperuntukkan bahawa lesen tidak boleh diperbaharui sebagai suatu hak.
- (i) Fasal 10 memberikan kuasa kepada Dato Bandar untuk menghendaki seseorang pemegang lesen memberikan jaminan bagi pematuhan syarat-syarat dan sekatan-sekatan lesen serta juga peruntukan-peruntukan Akta atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya. Sekiranya berlaku pelanggaran, jaminan yang diberikan boleh dilucutkan kesemuanya atau sebahagiannya.

- (j) Fasal 11 memberi kuasa kepada Dato Bandar untuk membatalkan sesuatu lesen hiburan atau lesen untuk membuka tempat hiburan atau kedua-duanya jika telah berlaku pelanggaran syarat-syarat atau sekatan-kekatan lesen atau pelanggaran mana-mana peruntukan Akta atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya. Sub-Fasal (2) menyatakan cara bagaimana penyampaian notis pembatalan hendak dilaksanakan.
- (k) Rayuan kepada Menteri terhadap keengganan untuk memberikan lesen atau pembatalan lesen atau pengenaan syarat-syarat atau sekatan-sekatan ke atas lesen adalah diperuntukkan dalam Fasal 12". Rayuan itu mesti 'diserahkan dalam masa 30 hari selepas diberitahu tentang keengganan pembatalan atau pengenaan syarat-syarat atau sekatan-sekatan atau perlucutan itu mengikut "mana-mana yang berkenaan.
- (1) Fasal 13 melarang mana-mana orang memberikan, membahagikan, menjual atau menawar untuk dijual apa-apa tiket 'untuk menghadiri sesuatu hiburan atau mengeluarkan undangan ke mana-mana hiburan, melainkan satu lesen telah dikeluarkan di bawah Fasal 4. Ia juga melarang mana-mana hiburan melainkan jika lesen yang serupa telah dikeluarkan.

- (m) Fasal 14 menghadkan penjualan tiket untuk menghadiri sesuatu hiburan di pejabat penjualan tiket, warung, pintu putar atau kaunter yang ditetapkan bagi maksud penjualan tiket.
- (n) Di bawah Fasal 15, Dato Bandar diberi kuasa untuk mengecualikan mana-mana hiburan secara am atau secara khusus daripada kesemua atau mana-mana peruntukan Akta atas beberapa sebab.
- (o) Fasal 16 pula memberikan kuasa kepada Dato Bandar, mana-mana pegawai Polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau mana-mana orang di berikan kuasa masuk tanpa waran ke dalam mana-mana premis yang di situ suatu hiburan diadakan atau dicadang hendak diadakan dengan tujuan hendak menentukan sama ada syarat-syarat atau sekatan-sekatan lesen yang diberikan atau peruntukan-peruntukan Akta atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya dipatuhi. Pada menjalankan kuasa-kuasa masuk dan menyiasat itu, mereka boleh, di bawah Fasal 17, mengambil langkah-langkah untuk menutup mana-mana tempat hiburan jika berpuashati bahawa telah berlaku pelanggaran syarat-syarat, sekatan-sekatan atau peruntukan-peruntukan itu. Mereka boleh juga menggelidahkan mana-mana tempat dan memeriksa mana-mana orang yang dipercayai terlibat dengan pengurusan

atau penganjuran hiburan itu atau menjadi pengkhidmat atau agen penganjur atau pemunya premis itu. Ini diperuntukkan dalara Fasal 20. Di bawah Fasal 21 pula, mereka boleh menyita apa-apa dokumen atau -benda yang semunasabahnya dipercayai mempunyai kaitan dengan. kes itu atau memberikan keterangan tentang perlakuan suatu kesalahan di bawah Akta. Penghalangan Dato Bandar, mana-mana pegawai Polis yang berpangkat tidak rendah daripada inspektor atau mana-mana orang diberi kuasa dalam menjalankan tugas-tugas mereka di bawah Fasal 16, 17 atau 21 akan menjadikan satu kesalahan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Fasal 25.

- (p) Di bawah Fasal 18, Dato Bandar, mana-mana pegawai Polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau mana-mana pegawai diberi kuasa boleh menghendaki mana-mana orang yang semunasabahnya dipercayai telah melakukan kesalahan di bawah Akta. ini memberi butir-butir tentang namanya, nombor kad pengenalan dan alamatnya. Di bawah Fasal 19 pula mereka boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang enggan memberikan nama dan alamatnya atau jika ada sebab untuk meragui ketepatan nama dan alamat yang diberikan atau mana-mana orang yang

semunasabahnya dipercayai telah melakukan satu kesalahan terhadap, Akta. Sub-Fasal (2) menetapkan prosedur yang hendak diikuti jika satu penangkapan dibuat di bawah Fasal 19.

(q) Fasal 22, 23 dan 24 pula adalah berhubungan dengan perlucuthakan benda-benda yang disita di bawah Akta. Mahkamah yang di hadapannya pendakwaan diadakan hendaklah membuat perintah bagi perlucuthakan atau pelepasan apa-apa jua yang disita, tetapi jika dibuktikan bahawa sesuatu kesalahan telah dilakukan dan bahawa benda-benda itu adalah hal perkara atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu, perintah perlucuthakan hendaklah dibuat. Jika tiada pendakwaan berkenaan dengan apa-apa jua yang disita, benda-benda itu hendaklah disitatkan telah berlucuthak apabila tamat satu bulan kalender melainkan jika tuntutan dibuat mengikut cara yang dinyatakan dalam Fasal 24.

(r) Fasal 26 membuat peruntukan supaya pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai yang seumpamanya bagi sesuatu kumpulan orang, sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan, boleh dikenakan liabiliti bagi sesuatu kesalahan yang dilakukan oleh kumpulan itu, melainkan jika dia membuktikan kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuannya atau

pembiayaannya atau bahawa dia telah melakukan usaha yang sewajarnya untuk mencegah perlakuannya.

Sub-Fasal (2) menjadikan seseorang pekongsi, bertanggungjawab bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan ejennya atau pengkhidmatnya, Jika perkara itu telah dilakukan atau telah tidak dilakukan dalam perjalanan pekerjaannya, mengikut mana-mana yang berkenaan, melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya atau persetujuannya dan bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang perlu untuk mencegahnya.

- (s) Fasal 27 pula raembuat peruntukan supaya pendakwaan kesalahan-kesalahan dijalankan oleh orang yang diberi kuasa atau pegawai Polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor.
- (t) Fasal 28 memberikan kuasa kepada Dato Bandar untuk mengkompaunkan kesalahan-kesalahan yang ditetapkan sebagai boleh dikompaunkan.
- (u) Fasal 29 menyatakan penalti am bagi kesalahan-kesalahan jika tiada penalti yang nyata diperuntukkan baginya.
- (v) Fasal 30 memberikan kuasa kepada Menteri untuk membuat kaedah-kaedah bagi menetapkan apa-apa jua yang dikehendaki supaya ditetapkan dan bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta dengan lebih baik.

(w) Fasal 31 mengadakan peruntukan-peruntukan peman-
suan dan pengecualian.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada penjelasan-penjelasan di atas, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa memandangkan kekurangan peruntukan undang-undang bagi tujuan pengawalan dan pelesenan pertunjukan dan hiburan awara di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, maka Rang Undang-undang Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992 adalah dicadangkan bagi mengatasi masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sak Cheng Lum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta, untuk membuat peruntukan bagi-pelesenan dan pengawalan hiburan dan tempat-tempat hiburan dan perkara-perkara yang berhubungan dengannya dibacakan bagi kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Ho Cheng Wang.

4.31 ptg.

Tuan Ho Cheng Wang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan dan saya juga mengucapkan tahniah dan mengemukakan penghormatan saya kepada pihak Kementerian dan pegawai-pegawai yang berkenaan yang menyediakan Rang Undang-undang Hiburan Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, 1992.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai yang berkenaan sebab saya rasa pegawai dari Kementerian ini adalah sangat bijak dan pandai.

Dalam Fasal 2, mukasurat 3, saya rasa semua pertandingan, semua pertunjukan atau semua perayaan yang melibatkan orang ramai telah termasuk di dalam definisi perkataan hiburan ini dan Fasal 2(a), mukasurat 3, kita dapati lakon atau lakonan, dalam bahasa Inggerisnya kita sebut 'plays'. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya selalu rasa membuat undang-undang dengan telit membuat undang-undang dengan detail, dengan izin, dan dengan serius tetapi bila masa kita akan menguatkuasakan undang-undang ini, kita menghadapi masalah yang akan datang. Di negeri Perak, saya rasa undang-undang hiburannya lebih kurang sama dengan undang-undang yang dicadangkan

oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Dengan demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta beberapa penjelasan daripada Pegawai Kementerian, iaitu berkaitan dengan definisi perkataan "hiburan". Saya merujuk kepada penjual ubat di tepi jalan. Selalu kita dapati penjual 'ubat di lorong-lorong Jalan Chow Kit dan di belakang Chow Kit Road, yakni penjual ubat yang menjual ubat tradisi orang China atau ubat orang Melayu seperti Tongkat Ali dan sebagainya.

Bila masa dia menjalankan perniagaannya, selalunya penjual ubat ini menunjukkan permainan seperti silat Melayu atau Kung Fu China atau magic dan sebagainya untuk menarik pelanggan-pelanggan beliau....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tunggu sekejap. Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Peraturan Mesyuarat 6(3), saya dengan hormatnya roenjemput Yang Berhormat Jen. Tan Sri Dato' Mohd Ghazali bin Mohd. Seth untuk mempengerusikan sidang sekarang. Dipersilakan.

[Jen (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Mohd Seth mempengerusikan Meayuarat]

Jen. Tan Sri Dato' Mohd, Ghazali bin Mohd. Seth: Dipersilakan.

Tuan Ho Cheng Wang: Tahniah Tan Sri kerana menjadi Tuan Yang di-Pertua. Jadi, cerita saya tadi, adakah pertunjukan di tepi jalan ini termasuk di dalam definisi perkataan "hiburan"? Jikalau jawapannya ya, bagaimana penjual ubat ini akan memohon lesen hiburan mereka, sebab mereka bukan berniaga di sesuatu tempat yang tetap. Satu rainggu dia akan berniaga di lorong belakang Chow Kit satu minggu lagi dia akan berniaga di Kelang dan di lain-lain tempat.

Jadi, saya rasa perniagaan seperti ini adalah sesuai dia dikenakan memohon lesen hiburan.

Dari detinisi- perkataan "hiburan" ini, juga terdapat di dalam mukasurat 4, Fasal 2(i) dan (j), terdapat serau sukan, pertandingan atau permainan seperti, permainan bola permainan bola sepak, permainan bola keranjang, gasing, layang-layang dan sebagainya yang telah masuk di dalam Fasal 2(v) atau (j). Oleh itu saya berpendapat bahawa sukan ini adalah untuk kepentingan orang ramai, untuk faedah orang ramai dan orang awara, cetapi yang selalunya, kita rasa sukan ataupun pertandingan-pertandingan ini dianjurkan oleh persatuan-persatuan atau persatuan-persatuan kebajikan. Oleh sebab itu, saya rasa adakah ini sesuai kerana kita menganggap ia adalah sukan yang bukan menjual tiket seperti di Stadium dan kita dapati sukan ini selalunya diadakan di luar-luar bandar, di kampung-kampung jadi adakah ini sesuai kita menganggap bahawa mereka mesti memohon lesen hiburan?

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, saya ingin menarik perhatian, saya beri satu contoh, iaitu pertandingan nyanyian atau singing contest, dengan izin. Pada masa dahulu saya pernah menjadi seorang Presiden Persatuan Murid-murid Tua Sekolah. Bila masa kita akan mengadakan sesuatu pertandingan nyanyian, kita mesti memohon dari Pejabat Daerah di negeri Perak. Bila kita hendak mengemukakan permohonan, kita mesti memberi borang permohonan yang ditandatangani oleh Setiausaha Persatuan atau Presiden certificate of incorporation, dengan izin Memorandum and Articles" of Association, senarai Ahli Jawatankuasa Persatuan, surat jaminan dua orang dari Ketua

Masyarakat atau Ketua Kampung. Selain daripada itu kita raesti menterjemahkan (translate) dari bahasa Mandarin kepada Bahasa Malaysia yang mengatakan apakah erti lagu itu. Selepas itu diminta oleh Balai Polis untuk menghadiri satu temuduga. Saya rasa dia minta satu keperluan atau requirement, dengan izin, Dalam kertas ini mesti mencatatkan nama peserta-peserta dalam lagu ini Tetapi saya memberi makluman kepada pihak Polis bahawa kita belum mengiklankan ataupun menyiarkan pertandingan ini. di dalam, suratkhbar, bagaimana saya tahu nama-nama peserta. Oleh sebab itu Pegawai Polis ini tidak boleh berbuat apa-apa, dia pun tidak kisah dan dia cakap bahasa pasar dengan saya, Tuan Yang di-Pertua, "cincai-cincai" tulis sahaja nama. Jadi, dalam kertas ini saya pun tulis nama-nama yang tipu punya, 'tanaka,'tanaki', masuk sahaja nama yang bohong.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu kita selalu menghadapi keadaan seperti yang saya terangkan tadi. Jikalau, sebelum mendapat lesen hiburan dari pihak Pejabat Daerah, dan kita belum mengiklankan di dalam suratkhbar atau mana-mana terapat, maka kita akan melanggar syarat-syarat dalam Fasal 13(b) di mukasurat 9 yang menyatakan kita tidak boleh menyiarkan atau mengiklankan mana-mana tempat hiburan, pertandingan, pertunjukan, sebelum kita dapat lesen hiburan. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, selain kita mendapat lesen hiburan kita mesti membayar, kalau di negeri Perak iaitu di Taiping kita bayar cagaran sebanyak \$500

Saya rasa wang cagaran ini untuk mematuhi syarat—syarat yang diberi oleh Pegawai Daerah. Jikalau kita melanggar apa-apa syarat dalam lesen hiburan ini wang ini akan dicontiscated, dengan izin.

Selain dari ini saya tidak berapa tahu mengapa alamat surat permohonan ini memerlukan dua orang penjamin dari Ketua Masyarakat untuk menandatangani, dalam satu surat penjamin mengatakan saya siapa, Selalunya kita pilih Ketua Karapung atau Ketua Kaum Masyarakat. Selalunya dia ada title seperti PJK JP dan sebagainya. Macara ini pun telah tercatit di sini, "saya menjaminkan keselamatan atau sebagainya untuk pertandingan ini"; Alasan dari Balai Polis, ia mengatakan jikalau ada penjamin ini, saya rasa penganjur ini akan lebih teliti terhadap pertandingan ini

Oleh sebab ini Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pertandingan yang sihat seperti sukan, pertandingan nyanyian dan berbagai-bagai pertandingan yang meraberi kepentingan, faedah kepada masyarakat terutamanya kepada pemuda-pemudi pada hari ini lebih sesuailah kita jangan anggap pertandingan, atau pertunjukkan ini di dalam lesen .hiburan ini,

Untuk mengatasi masalah ini saya dengan besar hati meminta atau mengemukakan cadangan saya seperti berikut. Jikalau boleh kita membahagikan lesen hiburan dalam dua kategori. Kategori pertama, lesen untak tujuan perniagaan atau untuk tujuan kepentingan atau untuk tujuan keuntungan persendirian seperti sekarang di dalam

bandar Kuala Lumpur, karaoke, niteclub, billiard, video games atau panggung wayang dan sebagainya yang mereka akan berniaga untuk kepentingan, untuk keuntungan sendiri. Kita mesti menentukan mereka mematuhi undang-undang hiburan ini dan selainnya bagi perayaan, pertandingan atau pertunjukan yang bukan untuk kepentingan sendiri, bukan untuk tujuan keuntungan dan sebagainya- dan mengambil masa pendek seperti sukan main bola atau pertandingan gasing, layang-layang yang ambil satu atau dua hari sahaja.

Oleh sebab ini, saya rasa kita membahagikan kedua-dua hiburan ini dan bagi kategori yang kedua, saya minta Kementerian dapat membahagi kemudahan yang menyenangkan prosedur permohonan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga rasa dalam Rang Undang-undang **ini**, tidak tercatat atau menerangkan masa untuk Datuk Bandar membuat satu keputusan. Saya rasa, dalam Kementerian, selalu apabila kita membuat permohonan tetapi sampai 3 bulan, 6 bulan belugn dapat keputusan daripada pihak berkenaan. Saya rasa, ada satu ayat mengatakan, "Kelewatan Menggalakkan Rasuah". Oleh sebab ini, saya rasa walaupun kita buat Rang Undang-undang ini tetapi jangan seperti orang putih kata, undang-undang "one sided". Oleh sebab ini, saya rasa kita mesti mencatat dalam Rang Undang-undang ini menetapkan bahawa Datuk Bandar mesti menjawab atau memberi keputusan permohonan dalam masa yang tetap seperti satu bulan atau dua bulan.

Selain dari ini akhirnya Tuan Yang di-Pertua, dari Fasal 31, kami dapati Rang Undang-undang ini akan menggantikan Akta Panggung dan Terapat Hiburan Awam (Wilayah Persekutuan) 1977. Saya rasa, pada masa dahulu, panggung wayang adalah satu entertainrent yang sangat penting kepada rakyat. Sarapai hari ini, kita rasa lesen hiburan yang dikeluarkan kepada panggung wayang tidak taenetapkan harga tiket. Selalu kita dapati panggung wayang yang mengarabil peluang untuk menaikkan harga tiket, jikalau ada wayang yang bagus pada hari perayaan orang Cina atau orang Melayu dan sebagainya.

Oleh sebab ini, saya haraplah jikalau lesen-lesen hiburan dikeluarkan kepada panggung wayang. Lebih sesuai, kita tetapkan apakah harga tiketnya. Jangan bagi peluang dia menaikkan harga tiket ini dengan sesuka hati. Akhirnya saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan saya menyokong Rang Undang-undang Hiburan Wilayah Persekutuan 1992 ini.

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:
Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri.

4.47 ptg.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang telah menyediakan Akta Hiburan ini. Saya rasa, memang sudah sampai masanya untuk kita letak di bawah suatu Akta bagi mengedalikan soal-soal hiburan di Wilayah Persekutuan ini dan saya kira baik saya teruskanlah pergi kepada perkara yang hendak saya bincangkan

dan sepertimana sahabat saya, Yang Berhormat Ho kata sebentar tadi dan tentulah perkara yang pertama ini berkenaan dengan definisi hiburan.

Saya tengok definisi ini meraang cukup lengkap. Semua ada. Cuma satu, saya ingat kalau kita nampak sata perkara yang sudah wujud dan kita khususkanlah. Cuma yang saya tengok tidak ada di sini ialah karaoke yang merupakan satu perkara yang popular walaupun dia mungkin tersangkut di mana-mana kerana di sini definisinya luas tetapi kalau perkara itu sudah popular kenapa tidak kita khususkan? Kita masukkanlah karaoke, Kalau benda raacara 'legerdermain' (ini saya tidak faham benda apa ini) ada di dalam hiburan ini termasuklah akrobat dan 'legerdermain'.

Jadi, kalau 'legerdermain' yang saya tidak pernah dengar ini pun boleh masuk, saya rasa karaoke yang menjadi sebutan orang ramai, Setiausaha Parlimen pun senyum, semua orang tahu apa karaoke, Kita masukkanlah karaoke senang tidak payah lagi dan saya juga ingin tahu daripada Timbalan Menteri, tolong beri penjelasan legerdermain ini benda apa.

Tuan Yang di-Pertua, video di, sini cuma hiburan permainan video. Kita tengok pada hari ini, banyak kedai yang sewakan video. Jadi, hiburan ini ttdak kira sama ada hiburan itu kita dapat pada ketika itu atau dengan menyewa video itu. Itu juga merupakan hiburan. Saya rasa kalau kita hendak betul-betul mengemaskinkan, kita ambilkira juga orang yang buka kedai video ini yang menyewakan

video ini. Ini pun sebut fasal video ini, kita pun naik seram, risau kadangkala mungkin ada video-video tape yang tidak dikawal mungkin ada dalam kedai video. Jadi, untuk pengawalan dan juga supaya kita boleh dapat hasil daripada kedai video yang menyewakan video ini kita masukkan di bawah hiburan di sini. Bemakna pertama, kita keluarkan lesen daripada dia kedua, kita boleh kawal dia, kawal barang yang dia hendak menyewakan itu ketiganya, kita boleh dapat hasil daripada dia membuka kedai video.

Jadi, saya rasa kalau di sini kita sebut bahawa dalam definisi hiburan itu, kita masuk juga penyewaan video tape. Saya rasa kita boleh kawal kedai video ini yang mana kita tahu sekarang ini, kedai video ini dibuka dengan begitu banyak di tepi-tepi jalan, kadangkala yang jual suratkhbar ini pun, dia ada kedai video kecil untuk menyewakan video tadi. Jadi, saya cadangkan supaya penyewaan video tape itu juga dimasukkan di bawah hiburan, mesti dapat lesen supaya kita dapat mengawal dan juga mengutip hasil daripada perniagaan penyewaan video tape ini.

Dalara takrif "hiburan" ini juga saya puas cari, pelacuran tidak ada. Bermakna ia tidaklah merupakan hiburan. yangr digalakkan oleh Akta ini, tetapi saya tengok banyak tempat-tempat yang memberi hiburan secara pelacuran. Jadi, kalau ia tidak masuk dalam sini, tetapi ada di Wilayah ini, maka saya kira sesuatu harus dilakukan. Sebab itu, dalam hal ini saya rasa soal enforcement, penguatkuasaan ini penting kerana pelacuran ini juga, walaupun tidak ditakrifkan di sini, tetapi ia hiburan dan ia tidak ditakritkan sebagai satu perkara yang boleh diterima oleh Akta ini. Maka saya harap daripada segi penguatkuasaan, entorcement dalam Akta ini terhadap mana-mana perkara yang tidak ada dalam ini tetapi berleluasa, maka kita hendak pastilah iaitu Jabatan kita ataupun bahagian penguatkuasaan di bawah bandaraya ini biarlah satu unit penguatkuasaan yang betul-betul tegas menjalankan tugas dan tanggungjawabnya.

Saya faham dalam jawapan soalan tadi memang Timbalan Menteri Kesihatan kata susah untuk kita membasmi, tetapi walaupun susah saya kira kita harus lakukan tindakan untuk memastikan supaya jangan perkara ini merebak hasil daripada kurang tindakan daripada pihak penguatkuasaan unit dalara bandaraya ini. Saya meletakkan tanggungjawab untuk memastikan supaya perkara ini tidak berleluasa ke atas Timbalan Menteri yang ada pada hari ini mendengar hujah saya, harus ambil berat, sebab saya tahu iaitu kalau dalam apa sekalipun akta kalau kita buat, kalau penguatkuasaan atau enforcement itu tidak diambil berat tentangnya, saya rasa segala apa yang dinyatakan oleh Akta ini tidak boleh dilaksanakan. Jadi, saya mahu supaya perhatian berat diberikan tentang soal penguatkuasaan di bandaraya kita ini.

Tuan Yang di-Pertua saya berpeluang juga mendengar perbahasan di Dewan Rakyat berkenaan dengan Rang Undang-undang Hiburan ini dan di antara lain saya dengar iaitu pihak Pembangkang, walaupun ini disebut Dewan sana, tetapi kita boleh bangkit, dia mengatakan bahawa terlalu banyak kuasa muktamad diberikan kepada Menteri itu adalah satu perkara yang tidak baik, sebab dia kata satu orang sahaja yang bertanggungjawab dalam hal ini. Jadi, ada saya setuju dan tak setuju. Tidak setuju apa yang Pembangkang cakap ialah kerana kalau tidak Menteri, siapa lagi hendak bertanggungjawab? Takkan hendak kata keputusan Ketua Pembangkang itu muktamad ataupun kalau Menteri tolak rayuan, maka boleh merayu kepada Ketua Perabangkang. Jadi, kita tidak boleh terima apa pihak DAP cakap dalam Dewan Rakyat,

Cuma masalahnya pada hari ini saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian, iaitu apabila disebut Menteri; apakah fahaman saya Menteri itu maknanya peribadi individu itu atau Jabatannya? Masalah yang berbangkit kerana dalam Akta- ini ada disebut takrif siapa itu Menteri. Menteri ertinya Menteri yang bertanggungjawab bagi Kerajaan Tempatan, Wilayah Persekutuan dan Kuala Lumpur. Kita tahu bila takrifnya Menteri, ertinya Menteri. Menteri maknanya bila dia ada definisi maknanya individu itu, siapa yang jadi Menteri itu maka dialah ada kuasa yang terakhir, muktamad. Tetapi kita tahu iaitu bahawa Menteri ini ialah kalau tidak silap saya di bawah Jabatan Perdana Menteri kita ada Menteri kita, tetapi apakah dia ada masa sebagai seorang individu untuk duduk mendengar segala rayuan di atas penolakan lesen atau apa sekalipun berbangkit. Apakah dia ada masa untuk mengadili ataupun mendengar rayuan-rayuan itu sebab Menteri di sini maksudnya Menteri?

Saya lebih suka kalau definisi di sini disebutkan iaitu Menteri ertinya henteri ataupun pihak yang mana telah didelgasikan kuasa oleh Menteri itu untuk mendengar rayuan ini. Saya ingat itu lebih baik, sebab kalau sebut macam ini sahaja saya rasa maknanya Menteri itu sendiri, the individual Minister yang berkenaan itu dia mesti dengar tiap-tiap rayuan, Mana dia ada masa? Dia tak boleh serah kepada Timbalan Menteri ini sebab dia kaca Menteri ertinya Menteri yang bertanggungjawab. Sebab definisi ini kita kena kata Menteri ertinya Menteri yang bertanggungjawab bagi Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ataupun wakil yang dilantik yang telah didelegasikan kuasa ini

Jadi, barulah maknanya lebih logik Akta ini, sebab kalau tidak, macam Yang Berhormat Tuan Ho Cheng Wang baru cakap, dia tidak beri ketetapan masa kepada Dato' Bandar untuk menjawab rayuan, tidak tahu berapa lama, apatah lagi kalau sudah jawapan daripada Dato Bandar itu lama, jawapan itu negatif hendak rayu pula kepada Menteri. Menteri hendak tunggu raasa Menteri ada free time untuk mendengar tiap-tiap rayuan ini, mungkin lambat lagi.

Sebab itu saya kata saya rasa iaitu kalau definisi Menteri ini mesci menyatakan Menteri ataupun mana-raana Jawatankuasa yang telah didelgasikan kuasa ini. Saya ingat itu lebih meyakinkan kita dan tidak nampak sangatlah seolah-olah kalau macam DAP kata Menteriitu ada bidangnya, keputusannya muktamad, jadi kita nampak seolah-olah Menteri ini mungkin tidak ada keupayaan kerana masa cukup atau masa tidak ada, tidak boleh duduk hendak merabuat keputusan. Jadi, lebih baik untuk meyakinkan kepada orang ramai, kita kata Menteri ataupun wakil yang telah didelegasikan kuasa ini.

Selain daripada itu, di mukasurac 5, ini bukan **apa**, cuma soal bahasa. Perkara 3:

"Menteri boleh dari seraasa ke semasa memberi Dato' Bandar arahan-arahan yang bersitat am dan yang tidak tak konsisten."

"Tak" ini kalau tidak silap saya ia kolokial, iaitu bahasa penggunaan, bukan bahasa tulis. Jadi, baik kalau kita kemaskinikan kata apa salah sebut tidak dua kali? Saya ingat tidak ada masalah. Bersifat am dan yang tidak tak konsisten dengan peruntukan dalam Akta ini. Saya tahulah perkataan "tak" ini untuk membezakan dengan perkataan tidak, tetapi "tak" bukan satu bahasa yang kita gunakan secara bertulis, itu kolokial, kita jawab "tak boleh", tetapi dalam tulisan kita gunakan perkataan "tidak boleh" melainkan ada alasan lain, saya tidak tahu.

[Seorang Ahli masuk ke Dewan]

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ada soalan?

Jen (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Dia baru masuk.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi saya ingat oleh kerana Rang Undang-undang ini benda yang serius, kita mesti menunjukkan satu profesionalisme dalam kita menyediakan Rang Undang-undang ini. Maka, biarlah, bahasanya itu pun bahasa yang mesti diterima dengan soal "bahasa tulis" bahasa Malaysia kita. Jadi, kalau boleh gunakan "tidak" dua kali pun apa salahnya, tak usah gunakan tak. Jadi, "Tak" ini not proper, nampak very unprofessional.

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato'Mohd. Seth:
Kolokial.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, kolokial. Terima kasih. Satu perkara lagi yang saya hendak katakan di sini ialah berkenaan dengan mukasurat 6, Perkara 5. Jadi, kita tengok bahawa saya memang setuju Dato' Bandar ini memang patut diberikan kuasa sedikit. Bukan sedikit, banyak dalam hal ini. Saya juga ingin merabetulkan iaitu kalau boleh takrif Dato' Bandar ini pun seperti takrif Menteri tadi, iaitu Dato' Bandar ertinya Dato' Bandar Kuala Lumpur yang dilantik di bawah Seksyen 4 Akta Ibu Kota Persekutuan Tahun 1990 ataupun Jawatankuasa yang telah diwakilkannya untuk menjalankan tugas-tugas di bawah ini.

Sebab kalau Dato' Bandar sendiri hendak mengendalikan semua ini mungkin tidak ada masa. Apatah lagi dengan Sukan Komanwel yang hendak datang lagi, jadi dia tidak ada masa. Dia mesti serahkan kepada Jawatankuasa. Sebab itu oleh kerana takrif itu ada kita kena raasuk di sini. Dato' Bandar.pun sama dengan Menteri. Jangan dia sendiri hendak buat, he is not a superhuman he has to delegate his work. Saya setuju iaitu Dato'Bandar diberikan kuasa besar banyak dalam hal ini tetapi dalam soal permohonan bagi mendapatkan lesen, oleh kerana kita tidak mahu kerana dalam bandaraya ini kerana macam Yang Berhormat Saudara Azman sebutlah, meraang sensitiflah.Banyak benda bangkit, orang tidak puashati, itu-ini, dan apa yang akibatnya nanti ialah apa keputusan Dato' Bandar ini akan dipertikaikan.Jadi untuk mengelak daripada orang senantiasa mempertikaikan keputusan Dato' Bandar dalam memutus siapa boleh mendapat lesen, saya harap iaitu bahawa mesti ada jadual garis panduan yang meletakkan perkara-perkara syarat-syarat yang tertentu yang mana Dato'Bandar boleh gunakan sebagai bimbingan untuk dia melulus satu-satu lesen supaya orang tidak boleh pertikaikan keputusan dia kerana keputusan dia mengikut garis panduan yang ada, yang mana kalau makna sipemohon itu meminta dan menyempurnakan semua garis panduan yang ada dalam jadual untuk membolehkan dia dapat lesen, maka dia boleh dapat lesen.

Jadi orang tidak boleh kata Dato' Bandar ini tidak adillah, itulah. Sebab kalau orang kata Dato' Bandar tidak adil, dia boleh tunjuk, ha ini garis panduannya yang ada yang perlu saudara ikuti, saudara tidak comply, maka saudara tidak akan dapat lesen. Jadi puaslah hati sedikit orang yang memohon itu, sebab kalau kita tidak

ada garis panduan raaka ikut budibicara Dato' Bandar. Kita tidak pertikaikan keupayaan dia untuk tnerabuat keputusaa yang baik. Kita tidak kata "oh jangan bagi dia kuasa ini mungkin dia abuse ataupun tidak, tidak bangkit". Soalnya orang itu akan pertikai. Apabila orang pertikai maka orang bawa ke mahkamah, ceritanya panjanglah.

Jadi, sebab itu dalam soal permohonan bagi mendapatkan lesen kuasa diberikan kepada Dato'.Bandar kita mahu supaya di bawah Akta ini dikeluarkan jadual yang menyatakan syarat-syarat dan perkara-perkara yang mesti diikuti, diakur oleh pemohon-pemohon untuk tujuan supaya Dato' Bandar ini boleh memberikan lesen ini berdasarkan kepada jadual itu. Ini hendak membantu Dato' Bandarlah supaya jangan dituduh dia macam-macam. Juga dalam perkara yang sama Tuan Yang di Pertua, perkara 7 berkenaan tempoh ini, muka surat 7 perkara 7. "Satu lesen yang dikeluarkan di bawah akta ini hendaklah bagi apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Dato'Bandar".

Saya tengok memang dalam Akta ini banyak hendak bagi discretion kepada Dato' Bandar. Memang bagus. Bagus kalau orang semua puashati dengan keputusan dialah. Tidak bagus kalau orang tidak puashati dengan discretion dia. Sebab kalau orang tidak puashati dengan discretion ataupun budibicara dia, orang bawa ke mahkamah. Jadi ceritanya panjang. Jadi macam tempoh ini, dia mesti ada satu garis panduanlah. Jangan dalam satu kes beri keputusan satu tahun, dalam kes yang lain, faktanya sama, semua sama yang itu beri keputusan dua tahun. Jadi, tidak ada apa orang kata, persamaan dan keadilan di situ. Sebab itu juga garis panduan, walaupun kita bagi discretion kepada Dato' Bandar tetapi kita mesti membantu dia untuk

ada garis panduan supaya sendiri juga keputusan dia itu, tidak akan mendatang pertikaian orang akan berpuashati bahawa dia berlaku adil kepada semua pemohon yang ingin memohon kepada lesen hiburan ini.

Juga berkenaan dengan muka surat 7, ini berkenaan dengan deposit untuk jaminan. Yang mana kita tengok iaitu bahawa Dato' Bandar boleh menghendaki mana-mana orang kepadanya lesen ini semua ini minta jaminari, kena bayar deposit. Saya ingat ini pun juga mesti ada garis panduanlah. Berapa yang harus diminta oleh Dato' Bandar kepada orang yang memohon lesen untuk dibayar deposit sebagai jaminan. Kita sebutlah sebagai kata-peraturan, kalau jumlah projek hiburan itulah katalah harganya \$2,000.00 dan sebagainya, mesti ada kuntum. Kalau tidak daripada segi jumlah wang, sekurang-kurangnya peraturan daripada jumlah itu, Sebab, lagi sekali kita hendak mengelaki kuasa ini besar yang diberikan kepada Dato' Bandar tetapi kita hendak mengelakkan dia ini daripada ditarik masuk mahkamah atas tidak puashati. Ini semestinya berlaku. Jadi kalau dia ada garis panduan, maka orang akan merasakan iaitu bahawa, kata jaminan itu 20% daripada kosnya, orang akan puashati. Dia adil. Kalau tidak nanti, kepada orang ini dia minta satu-dua ribu, yang lain dia minta empat ribu; ini boleh dipertikaikan oleh orang kerana Dato' Bandar tidak berlaku adil. Jadi, saya minta pada keseluruhannya mana ada garis panduan yang boleh menyebabkan pertikaian akan boleh dibawa berkenaan penggunaan budibicara Dato' Bandar ini, maka mesti ada garis panduan yang mana boleh membimbing Dato' Bandar untuk dia membuat keputusan supaya keputusan itu tidak akan dirasakan sebagai tidak adil terhadap pemohon lesen itu

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bertujuan untuk bercakap panjang sebab kawan yang lain pun hendak berucap hari inipun hari terakhir. Cuma yang akhir sekali perkara 16. Saya faham iaitu bahawa dalam soal lesen ini kadangkala kita tahu tindakan terpaksa diambil serta-merta. Kerana kalau tidak diambil serta-merta .Mungkin perkara yang lain yang boleh dielakkan itu mungkin perkara itu berlaku.

Jadi dalam Perkara 16 ini Dato' Bandar ataupun mana-mana Pegawai Polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor, atau mana-mana orang diberikuasa boleh, tanpa waran, tanpa waran. Jadi "tanpa waran" ini agak terlalu luas. Saya ingat sebagai sebuah negara yang mengamalkan demokrasi dan yang menghormati undang-undang, saya rasa "tanpa waran" ini agak, "it's a bit difficult to accept". Kerana yang harus kita lakukan waran itu mesti mudah dapat, bukan tanpa waran. Maknanya tanpa waran dia boleh masuk pada bila-bila masa sahaja. Iaitu Pegawai Polislah, ataupun mana-mana pegawai and it is open to abuse and corruption. Because when there is no warrant, minta maaf, dengan izin, I can just walk in to the amusement centerkah atau apakah, I just can do anything and I am exposed to corruption. Jadi maknanya dia terlalu luas. Tanpa waran ini maknanya boleh masuk bila-bila masa. Soalnya sama ada ataupun tidak bukti, itu soal kedua. Soalnya dia sudah masuk.

Dan apabila tanpa waran, kuasa terlalu luas, dengan izin, it is open to abuse. Maknanya penyalahgunaan kuasa ini oleh pihak-pihak yang tertentu. Bukan kita mempertikaikan tentang honesty pegawai-pegawai ini, tidak, tetapi kita harus membimbing mereka, kita harus pelihara mereka supaya mereka ini tidak akan terdedah kepada perkara yang boleh mengkorupkan mereka.

Kita bertanggungjawab untuk memastikan supaya jangan wujud satu suasana yang boleh menyebabkan pegawai ini terdedah kepada perkara yang boleh mendedahkan dia kepada perkara rasuah. Kita sebagai pembuat dasar, kita mesti pelihara dia. Prevention is better than cure. Jangan bila dia sudah kena, baru kita fikirkan macam mana kita hendak dakwa dia, Kita ada tanggungjawab untuk memastikan supaya iangaa ada ruang untuk mereka ini meminta rasuah.

Sebab itu saya kata dalam hal ini, kalau bolehlah difikirkan 'tanpa waran' ini mesti 'dengan waran'. Kalau hendak buat apa siasatan, dengan waran.

Masalahnya di sini, kalau waran ini menjadi masalah, maka cara penyelesaiannya ialah untuk memudahkan mendapat waran. Bukan kita hendak kata di sini, waran susah hendak dapat, prosedur begitu, begini, kita hendak ambil tindakan cepat, jadi sebab itu kita kata mesti. tanpa waran. Saya ingat kalau waran itu menjadi masalah, .maka cara untuk mendapatkan waran itu harus dipermudahkan, iaitu kalau waran itu katalah daripada Mahkamah Rendah, Magistret sahaja boleh, kita buatlah sedikit, maknanya Polis boleh keluarkan waran, Pejabat Polis dibuka 24 jam. Di sini, untuk menyelesaikan masalah soal tanpa waran ini, kita selesaikan masalah mempermudah cara untuk

mendapatkan waran. Bukan dengan memberi alasan iaitu waran susah hendak dapat, maka kita mempersulitkan Akta ini dengan mengatakan pegawai boleh masuk tanpa waran, ini bahaya (dangerous). It is open to abuse, dengan izin.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya kira itu sahajalah perkara yang hendak saya bangkitkan. Perkara-perkara lain saya percaya sudah tentu rakan-rakan Senator sahabat saya daripada Wilayah Persekutuan pun ramai yang akan bangkit, raaka setakat itulah sahaja. Saya ingin menyatakan bahawa, pertamanya, mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang telah cepat mengambil tindakan untuk menyatukan beberapa Akta yang menangani masalah hiburan ini diletakkan di bawah satu undang-undang. Keduanya, saya ingin menyatakan bahawa saya berdiri untuk menyokong Rang Undang-undang Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992. Terima kasih.

Jen.(B) Tan Sri Dato'Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:

Yang Berhormat Tuan Rahim. Sebelum itu, mengikut Peraturan, saya ingin menjemput Yang Berhormat Tuan Haji Azman menggantikan saya.

[Tuan Haji Azman Atar bin Othman mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Sila Yang Berhormat Tuan Rahim.

5.14 ptg.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberikan kesempatan untuk bersama-sama membahas dan juga memberikan pandangan mengenai Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992.

Dalam membincangkan Akta ini saya ingin menyentuh beberapa perkara. Pertamanya, sepertimana yang telahpun saya nyatakan semasa

SoalJawab di awal persidangan Dewan ini tadi bahawa segala kutipan lesen, kompaun, duti hiburan dan sebagainya yang dilakukan oleh pihak Dewan Bandaraya di seluruh Wilayah Persekutuan ini tidak dikembalikan kepada Wilayah Persekutuan, tetapi dimasukkan di dalam akaun pusat. Apa yang saya harapkan ialah supaya pihak Kerajaan dapat menimbangkan supaya kutipan yang dibuat ini pada tahun 1990 sebanyak \$13 juta, tahun 1991 \$14.7 juta, agar dapat dikembalikan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ataupun Wilayah Persekutuan kerana kalau kita lihat Majlis-majlis Bandaran yang lain, segala kutipan-kutipan cukai hiburan biasanya adalah menjadi hakmilik kepada Majlis-majlis Tempatan yang berkenaan. Cuma di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini segala wang kutipan itu dimiliki oleh Kerajaan pusat dan ini menyukarkan pihak Dewan Bandaraya untuk menghadapi masalah-masalah kewangan. Jadi, apa yang saya harapkan kepada pihak Kementerian dapat menimbangkan supaya cukai-cukai ataupun duti hiburan yang dikutip ini dikembalikan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Saya juga menyentuh mengenai soal cukai hiburan. Tadi telahpun diperkatakan soal kalau kita masuk ke panggung wayang, biasanya cukai hiburan itu memang ada, kalau kita beli tiket wayang memang ada dikenakan lebih kurang 20% daripada harga tiket yang kita bayar adalah untuk kepentingan cukai hiburan, Tetapi saya difahamkan, untuk tempat-tempat hiburan yang lain, umpamanya seperti di disko-disko ataupun di kelab-kelab malam, tiada bentuk cukai hiburan yang dikutip dan saya difahamkan terlalu rendah. Saya difahamkan ianya mengikut "sitting capacity, berapa muat atau luas kawasan disko ataupun kelab-kelab malam berkenaan, dan pihak tuanpunya disko

ataupun kelab malam akan dikenakan 50 sen untuk satu 'sitting capacity' untuk satu bulan. Saya difahamkan bahawa kadar 50 sen untuk satu tempat duduk ini telahpun ditetapkan sejak sebelum kita mencapai kemerdekaan dahulu.

Saya berharap supaya kadar ini dapat dikaji semula dan dinaikkan sesuai dengan keadaan yang terdapat sekarang. Kadangkala kita ingat kalau kita masuk ke disko, ke kelab-kelab raalam, biasanya kita kena bayar 'table charge' \$25, \$30 biasanya. Boleh dikatakan kesemuanya ini adalah menjadi milik kepada pihak yang empunya disko-disko ataupun kelab-kelab malam tidak ada cukai lansung, pada hal kalau kita masuk ke panggung wayang biasanya 20% daripadanya akan menjadi hakmilik Kerajaan. Tetapi dalam soal disko, kelab malam ataupun sebagainya, kesemuanya adalah menjadi milik kepada pihak tuanpunya disko ataupun kelab-kelab malam berkenaan. Dan 50 sen per sitting capacity itu, saya fikir patut sangatlah dinaikkan kepada angka yang lebih munasabah lagi.

Di dalam Akta ini juga disebutkan tentang deposit cukai "hiburan. Saya difahamkan bahawa bagi panggung wayang meraang ada deposit, raereka ini kena raembayar \$25,000 bagi satu panggung wayang. Tetapi bagi tempat-tempat hiburan yang lain tidak ada sebarang deposit yang dikenakan kepada pemilik-perailik tempat-tempat hiburan yang lain. Saya berharap supaya deposit yang sejajar ataupun yang sesuai dapat difikirkan oleh pihak Kementerian.

Saya mengucapkan tahniah kepada pihak Kementerian yang memperjelaskan lagi. soal takrif hiburan ini, kerana kalau dalam Akta 182 bagi tahun 1977, 'hiburan' adalah ditakrifkan apa-apa permainan atau apa-apa jua jenis hiburan yang boleh diadakan untuk orang awam dalam mana orang ramai boleh mengambil bahagian. Dan lakonan panggung ertinya apa-apa permainan atau apa-apa jua jenis hiburan yang diadakan untuk awam dalam mana orang ramai mungkin tidak mengambil bahagian dan termasuklah pertunjukan wayang gambar.

Ini takrifan tahun 1977 ,dan takrifan bagi pindaan Akta ini, ianya boleh dikatakan meliputi 13 perkara, takrifan yang boleh dianggap sebagai hiburan dan ianya boleh dikatakan meliputi hampir kesemua jenis hiburan-hiburan yang terdapat di negara kita ini, malah termasuk bidang-bidang sukan dan juga sebagainya. Walaupun bidang sukan mungkin ada setengah daripada kita berpendapat bahawa sukan bukanlah merupakan satu bidang hiburan, tetapi pada masa yang sama kadangkala sukan juga boleh kita takrifkan sebagai satu bidang hiburan dan memanglah kena pada tempatnya takrifan baru ini dibuat, umpamanya seperti bolasepak semi-pro dan sebagainya.

Saya ingin bertanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri, apakah selama ini bidang sukan bolasepak semi-pro dikecualikan daripada membayar Cukai Hiburan? Kerana kita tahu berapa banyak yang telahpun dikutip dan kadangkala pertandingan bolasepak Ini menaikkan harga tiketnya dengan sesuka hati, dia tidak kira, tidak ada had. Kadangkala terpulang kepada permintaan atau terpulang kepada perlawanan-perlawanan, yang ada itu murah, yang ada itu terlampau tinggi dan sebagainya. Ini juga menimbulkan rungutan-rungutan orang ramai mengenai keadaan ini.

Saya menyentuh soal sukan bolasepak semi-pro ini kerana sepertimana yang telahpun dinyatakan oleh sahabat-sahabat saya dalam membincangkan soal Rang Undang-undang Perbekalan," ada yang tidak menyetujui Raja-raja menjadi Pengerusi ataupun mempengerusikan pertubuhan-pertubuhan sukan.

Saya ingin menyentuh dalam seksyen 26 iaitu yang membuat peruntukan supaya pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai yang

seumpamanya bagi sesuatu kumpulan orang sama ada diperbadankan atau tidak, boleh dikenakan liabiliti bagi sesuatu kesalahan yang dilakukan oleh kumpulan itu. Jadi bermakna di sini mengikut undang-undang ini, kalau seorang Sultan ataupun seorang Raja menjadi pengurus, pengerusi atau menjadi presiden kepada satu-satu pertubuhan sukan, Baginda juga tidakpun bertanggungjawab, kepada pertubuhan-pertubuhan ini.

Saya bersetuju dengan sahabat-sahabat saya yang dahulu yang memberikan pandangan supaya Kebawah Duli Sultan-sultan tidak dibenarkan memegang jawatan-jawatan ini, kerana ianya bercanggah dengan Perlembagaan kita. Izinkan saya membacakan Perlembagaan kita iaitu Bahagian 14, Perkara 181(2):

"181. (2) Tiada apa-apa pembicaraan boleh dibawa dalam mana-mana mahkamah terhadap Raja bagi sesuatu Negeri atas sifat dirinya sendiri."

Jika Raja-raja kita menjadi presiden persatuan-persatuan sukan ini, kalaulah Baginda merabuat kesalahan ataupun kesilapan dari segi seksyen 26 ini, tidak ada kuasa pihak Dewan Bandaraya ataupun sebagainya untuk raengarabil tindakan kepada Kebawah Duli Raja-raja ini.

Saya memanglah bersetuju supaya Raja-raja juga tidak digalakkan atau tidak dibenarkan untuk menjadi pegawai-pegawai kepada badan-badan sukan.

Perkara ketiga yang ingin saya timbulkan ialah soal pusat-pusat video games di dalara Wilayah Persekutuan ini. Memang tidak dapat kita nafikan banyak terdapat pusat-pusat permainan video di dalam Kuala Lumpur ini, dan pihak Dewan Bandaraya telahpun meletakkan

syarat bahawa raereka yang berumur kurang daripada 18 tahun tidak dibenarkan memasuki pusat-pusat permainan video ini. Begitu juga murid-murid sekolah tidak dibenarkan memasuki pusat-pusat permainan video ini, tetapi dari segi pelaksanaan, saya percaya mungkin disebabkan kekurangan pegawai kekurangan kakitangan dan juga kekurangan kerjasaraa daripada pusat-pusat video games ini, jadi terdapat juga anak-anak sekolah yang menghabiskan masa di pusat-pusat video games ini.

Dalam pemerhatian saya juga terdapat kadangkala pusat-pusat video games terletak hampir dengan sekolah-sekolah. Jadi saya ingin menyarankan supaya pihak Dewan Bandaraya, apabila ingin meluluskan pusat-pusat video games ini, mengambilkira supaya Pusat-pusat Video Games ini biarlah jauh daripada kawasan sekolah. Kalau kita tahu dalam sesuatu kawasan itu ada sekolah, jangan diluluskan sebarang pusat-pusat perraainan video games ini di dalam kawasan itu, kerana ia terlalu mengasyikkan anak-anak-^{daa} kadangkala setengah kanak-kanak itu banyak membelanjakan wangnya, sepatutnya dibelanjakan untuk duit poket, tetapi dibelanjakan ke pusat-pusat video games yang raengasyikkan ini. Umpamanya kalau boleh saya quotekan seperti di kawasan Ampang City di situ ada sekolah, di situ jangan ada pusat video games. Di Pudu Plaza umpamanya, di kawasan itu ada sekolah, saya dapati banyak pusat-pusat video games dalam kawasan-kawasan yang sedemikian, kerana setengah-setengah anak-anak kita apabila habis sahaja sekolah terus ke pusat-pusat video games di sini. Jadi saya sarankan supaya jangan diletakkan atau diadakan pusat-pusat video games ini dengan kawasan-kawasan yang berdekatan dengan sekolah.

Perkara yang keempat ialah mengenai pusat-pusat hiburan ini juga iaitu peraturan jualan minuman keras di pusat-pusat hiburan. Kalau kita pergi ke supermarket; supermarket menetapkan sehingga jam 9.00 malam sahaja boleh menjual minuman keras, tetapi kalau kita pergi ke Coffee House yang dibuka 24 jam, pusat-pusat hiburan yang dibuka katakan sarapai jara 1.00 pagi atau 2.00 pagipun masih juga dijual minuman-minuinan keras, malah ada kedai-kedai yang dibuka 24 jam menjual minuman keras sepanjang masa selama 24 jam. Jadi, kalau dapat pusat-pusat hiburan ini diselaraskan, kalau boleh saya berikan cadangan, walaupun saya tidak tahu bagaimana orang yang minum minuman keras ini khasnya di pusat-pusat hiburan. Dalam peraturan yang ada sekarang ini pusat-pusat hiburan dibenarkan dibuka sampai jam 2.00 pagi dan minuman keras juga dibenarkan dijual dan juga diminum sampai jam 2.00 pagi.

Saya ingin menyarankan supaya penjualan minuman keras ini jangan sampai waktu tempat-tempat hiburan itu hendak ditutup, kerana katalah dia hendak meninggalkan tempat hiburan itu jam 2.00 pagi, dia minum jam 2.00 pagi, selepas itu dia memandu kereta, kemungkinan kesan atau effect minuman itu akan berlaku Semasa dia memandu kereta jam 2.15 pagi atau 2.30 pagi, mungkin dia mabuk ataupun sebagainya. Tetapi kalau dibenarkan hanya sampai jam 1.00 pagi sahaja minuman keras boleh dijual dan juga diminum, effectnya itu kalau dia mabukpun biarlah semasa mereka itu masih lagi berada di pusat-pusat hiburan. Jadi tidaklah berlaku pelanggaran ataupun sebagainya.

Saya ingin membuat cadangan supaya pusat-pusat hiburan ini kalau boleh biarlah jangan ditutup, walaupun peraturan yang ada sekarang ini hanya sampai jam 2.00 pagi, tetapi memang menjadi kebiasaan kadangkala kita terdengar juga komplek daripada orang ramai, pusat-pusat ini dibuka sampai pukul 3.00 pagi, 4.00 pagi dan sebagainya. Ini adalah perkara-perkara yang berlaku dari semasa ke semasa memang tidak dapat kita nafikan.

Dalam pengamatan sayalah, orang yang hendak pergi ke pusat-pusat hiburan ini biasanya dia akan 'duduk di pusat itu lebih-lebihnya dua atau tiga jam. Itulah sebabnya pada jam 11.00 malam baru dia hendak raula. Kalau di disko atau nite-club itu, jam 11.00 raalara baru dia masuk dan duduk sehingga pukul 1.00 pagi dan pada pukul 2.00 pagi dia pun keluar. Tadi-apa kata.kalau pusat-pusat ini dibuka hanya sampai jam 1.00 pagi atau 12.30 malam sahaja. Jadi mereka ini boleh adjust dirinya atau mereka akah buat penyelarasan sendiri. Mereka itu biasayalah dalam masyarakat kita ini lepas sahaja dinner, atau selepas sahaja jamuan makan malam pada pukul 8.00 malam, pukul 9.30 malam, habis. . Lepas itu sudah ada terluang masa antara pukul 9.30 malam hingga jam 11.00 malam. Tetapi kalau dia tahu pusat-pusat hiburan tutup pada jam 12.00 tengah malam, saya fikir selepas sahaja itu dia akan pergi terus kepada pusat-pusat hiburan ini. Kalau dibuat penyelarasan ini, saya berharap juga biarlah penyelarasan im sama dengan keseluruhan kawasan-kawasan yang berhampiran, bukan hanya di Kuala Lumpur sahaja. Apa yang berlaku ialah kadangkala di Kuala Lumpur ianya ditutup pada jam 2.00 pagi, lepas itu di Petaling Jaya ditutup pada jam 3.00, lepas itu di Ampang ditutup pada jam 4.00 pagi.

Mereka ini selepas sahaja dari Kuala Lumpur akan pergi ke tempat-tempat di kawasan-kawasan sekeliling. Walaupun Akta ini hanya menyebut soal Kuala Lumpur sahaja, tetapi saya harapkan juga pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat memikirkan supaya diselaraskan Akta ini, peraturan-peraturan ini, bupaya kawasan-kawasan yang berhampiran atau yang di sekitar Kuala Lumpur juga dibuatkan penyelarasan.

Bagi penjualan minuman keras di pusat-pusat hiburan ini, walaupun kita tahu kita sebagai orang Islam, minuman arak itu adalah haram bagi orang Islam, saya fikir ada manfaatnya kalau dianya juga dipamerkan. Saya lihat di rumah-ruraah urut sesetengah itu ada diletakkan, diparaerkan bahawa adalah haram bagi orang-orang lelaki Islam pergi mengurut dan sebagainya

Jadi, saya harap juga di tempat-terapat hiburan ini diletakkan papan tanda ataupun suatu 'signboard' menunjukkan bahawa adalah haram bagi orang Islam untuk minum arak. Soal dia hendak ikut atau tidak ikut itu soal dia. Itu soal masing-masing. Sekurang-kurangnya dimaklumkan, jadi kalau minum pua di tempat-tempat hiburan ini, bila mereka tengok itu, mungkin ianya menimbulkan kesedaran kepada mereka ini,

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 15 disebutkan bahawa Dato' Bandar diberikan kuasa untuk mengecualikan mana-mana hiburan secara am ataupun secara khusus daripada kesemua atau mana-mana peruntukan Akta di atas beberapa sebab, Saya percaya Akta ini diadakan untuk memberikan kuasa kepada Dato' Bandar supaya mengecualikan daripada cukai hiburan ataupun sebagainya bagi tujuan-tujuan kebajikan

Di Kuala Lumpur ini, kita lihat kadangkala banyak pertunjukan-pertunjukan kononnya berselindung di atas pertunjukan amal dan biasanya badan-badan araal itu hanya mendapat keuntungan yang sedikit

sahaja. Dan keuntungan yang sebahagian besarnya adalah pergi kepada pihak-pihak penganjur. Kalau kita berikan kelonggaran ataupun kita berikan pengecualian daripada merabayar cukai, saya takutkan yang lebih mendapat untung bukannya badan-badan amal tadi tetapi adalah pihak-pihak penganjur, kerana raraai yang berselindung di sebalik badan-badan seperti PEMADAM, Persatuan Ibu Bapa dan sebagainya, Jadi, kita berharap supaya pihak Dewan Bandaraya juga memikirkan soal pengecualian-pengecualian ini. Kalau ada juga yang meminta permohonan pengecualian oleh kerana untuk kepentingan badan-badan tertentu, jangan terus kita berikan tanpa memeriksa beberapa peratus daripada keuntungannya pergi kepada badan-badan amal ini. Mungkin kadangkala itu hanya 10% atau 15% sahaja yang pergi ke badan-badan amal ini dan sebahagian besaraya keuntungan adalah untuk pihak-pihak penganjur.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang ingin saya timbulkan ialah soal di mana kuasa untuk meluluskan sesuatu pertunjukan. Kalau diadakan sesuatu pertunjukan daripada luar negeri, biasanya sebelum sesuatu pertunjukkan itu dibenarkan kalau ada artis-artis daripada luar negeri, mereka ini kena mendapat kelulusan daripada Income Tax, daripada Imigresen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Polis dan Dewan Bandaraya. Apa yang kita harapkan ialah bahawa dalam soal kelulusan dari segi pentadbiran ini supaya disegerakan keputusan-keputusan ini. Kalau boleh, katakan boleh, kalau tidak boleh, katakan tidak boleh. Jangan ditunggu sampai

saat-saat terakhir barulah diberitahu satu kelulusan itu dibenarkan ataupun tidak. Ini berlaku, saya masih ingat lagi, dalam satu pertunjukan yang sepatutnya diadakan di Kuala Lumpur oleh kerana menunggukan keputusan daripada Jabatan-jabatan berkenaan pihak penganjur telahpun membayar sebahagian daripada deposit untuk pertunjukan itu. Oleh kerana terlalu lambat dibuat keputusan hanya satu ataupun dua hari sebelum pertunjukan barulah diberitahu bahawa pihak Kerajaan tidak membenarkan pertunjukan itu pihak penganjur yang sudahpun membayar sebahagian daripada deposit ini terpaksa menanggung kerugian. Jadi kalau boleh soal keputusan ini disegerakan supaya tidak menyusah dan tidak menimbulkan kerugian kepada pihak-pihak penganjur.

Begitu juga dari segi penguatkuasaan. Baru-baru ini saya baca di akhbar bahawa sebuah disko ditutup kerana menganjurkan tarian ghairah ditutup selama tiga hari sahaja.

Pada saya, dari segi pelaksanaan peraturan ini kalau ada disko-disko yang telahpun menyalahi undang-undang, hendaklah ditutup. Saya fikir kadangkala disko-disko atau tempat-terapat hiburan ini berani melanggar peraturan-peraturan kerana penalti yang dikenakan tidaklah sebegitu banyak atau sebegitu tinggi sangat. Dia ini ditutup selama tiga hari sahaja. Kemungkinannya pada orang business agaknya kalau pada satu malam dia buat pertunjukan ghairah dia sudah boleh cover untuk satu minggu. Kalau ditutup seminggu dia sudah boleh cover daripada keuntungan, daripada hasil kutipan. Jadi kalau ada yang melanggar peraturan itu, hendaklah ditutup terus. Jadi kalau sudah ada tindakan yang tegas daripada

pihak Dewan Bandaraya, saya percaya tidak ada lagi soal-soal disko ditutup lambat melebihi had-had masa ataupun menunjukkan tarian-tarian bogel atau sebagainya,

Jadi kalau kita hanya beri tutup satu hari, dua hari, mungkin kadangkala itu dia pun ada malam-malam yang kena tutup itu malam yang tidak ada perniagaan. Dia pun suka ditutup sebab tidak payah kena overhead dan sebagainya. Jadi kalau ada yang melanggar undang-undang, melanggar peraturan, jangan ada tolak-ansur lagi. Kita tutup dan kita ambil cindakan yang tegas. Kalau ada tindakan-tindakan yang tegag seperti ini, saya percaya tidak ada lagi soal-soal disko-disko ataupun kelab-kelab malam yang melanggar undang-undang ini,

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ialah soal rumah urut. Saya tidak tahu saraa ada soal rumah urut ini termasuk dalam bidang kuasa Akta Hiburan ataupun tidak, kerana ini tidak ada disebut langsung. Saya harap juga supaya pihak Kerajaan dapat mengkaji semula Akta Rumah Urut ini supaya diberikan kuasa juga kepada pihak Dewan Bandaraya supaya boleh menutup.

Saya difahamkan bahawa pihak Dewan Bandaraya tidak ada kuasa untuk menutup rumah-rumah urut itti. Kalau ada dia melakukan kesalahan atau kesilapan, lebih-lebih pun boleh 'fine' sahaja, dia tidak ada kuasa uatuk menutup rumah-rumah .urut yang melanggar peraturan-peraturan yang ditentukan. Kalau ini juga dimasukkan dalam takrif "hiburan", saya berharap juga tindakan-tindakan yang sewajarnya dapat diambil supaya rumah-rumah urut ini juga dimasukkan di dalam Akta ini supaya memberikan kuasa kepada Dato'Bandar ataupun kepada Dewan Bandaraya untuk mengambil tindakan-tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu raraai lagi sahabat-sahabat saya yang ingin mengucapkan mengenai Akta ini, Jadi, biarlah setakat ini dan sekali lagi saya memberikan sokongan kepada Akta ini, Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Silakan, Yang Berhormat Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad.

5.41 ptg.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi kesempatan untuk saya berucap, untuk menyokong Akta ini yang diberikan nama Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992. Apabila kita datang ke Kuala Lumpur, pertamanya kita melihat keadaan yang diberi nama Akta Hiburan ini. Sebab banyak akta-akta ini yang seharusnya dinamakan "Hiburan", apa saudara saya yang mengatakan tadi timbulkan masalah rumah urut. Kalau Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri mengatakan lesen pelacuran tetapi di dalam ini, Yang Berhormat Tuan Rahim mengatakan tidak ada lesen untuk menentukan masalah rumah urut. Oleh sebab yang demikian, apa yang saya difahamkan ruraah urut ini hanya mempunyai satu akta kecil ataupun satu undang-undang kecil sahaja yang tidak membolehkan sesuatu kuasa yang datang, sama ada datang daripada pihak Menteri ataupun pihak Dato Bandar menentukan keadaan rumah urut itu, Sama ada hendak menutupkah, sama ada hendak membukakah, sama ada hendak tangkap orang itu tidak ada undang-undang yang tertentu di dalam menjalankan perniagaan rumah urut sekarang. Oleh yang demikian, saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri, tidak tahulah kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak

masukkan dalam ini, tidak ingatkah ataupun dia tidak suka pergi, dia terlupakah, saya tidak tahu. Tetapi seharusnya kita masukkan Rang Undang-undang ini masalah rumah urut kerana ini juga satu hiburan, Bagi mereka yang sudah pergi, mereka tahu itu satu-hiburan.

Tuan Haji Azman Atar bin Otman: Yang Berhormat sendiri ada pernah pergikah? [Ketawa]

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Ini yang susah. [Ketawal
Saya pernah pergi, itu ada. Tetapi hendak tenaok kalau ada saudara-saudara kita ada dalam itu, Tidak ada pula,saya hendak cari.
Kalau ada, maklum sahajalah, kita kawan-kawan ramai. Jadi, dengan adanya kita pergi itu bukan bagi orang politik, dia pergi ke mana-mana, Tuan Yang di-Pertua. Di mana sahaja dia pergi. Dia pergi ke rumah urut, dia pergi ke night club, dia pergi ke disko atau dia pergi ke karaoke. Lepas itu, dia pergi pula ke tempat-terapat pelacuran. Dia pergi. Sebab untuk menentukan bahawa kita ini bila bercakap, benda itu ada bukti. Tidak seharusnya kita bercakap hanya omong-omong kosong, kata orang. Tidak ada bukti. Kalau hari ini kita pergi ke disko, saya pernah pergi ke disko, pernah pergi ke night club. Hari ini di night club pendapatan satu malara, dia boleh mendapatkan \$18,000. Ini secara terperinci yang kita siasat dari pada satu kelab malam ke satu kelab malara. Satu malam-malam minggu boleh dapatkan \$18,000. Habis cara-cara cukai yang dipungut oleh Wilayah Persekutuan dalam Akta Hiburan ini, bagaimana? Bagaimana? Saya tidak tahu Timbalan Menteri hendak mencari cukai pendapatan raacam mana. Adakah dia keluarkan resitkah? Ada cara dia minum, bayar minuman bir itu ada resitnya, kita tidak tahu. Ke-

untungannya mana pergi? Tidak tahulah kalau Timbalan Menteri hendak membuat siasatan. Kalau-dia sudah pergikah atau tidak, saya tidak tahu. Kalau saya pandang muka dia.,...

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Saya rasa Yang Berhormat ini, dia tidak pernah pergi.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Tidak pernah, dia tidak pernah pergi. Dia tidak pernah pergi sebab kita tidak berjumpa. [Ketawa] Yang tahu dia pergi, orang yang jumpa dia sahaja. Jadi, kita tidak pernah jumpa, kita tidak tahulah dia pergi atau tidak pergi. Jadi, masalah inilah, Tuan Yang di-Pertua, hiburan.....

Tuan Rahim bin Baba: [Bangun]

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba minta penjelasan. Boleh beri jalan?

Tuaa Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Boleh.

Tuaa Haji Azman Atar bin Othman: Boleh beri jalan?

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Boleh, boleh.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya daripada Yang Berhormat Tuan Haji Jamaludin kerana dia menggunakan istilah "kita" tadi, kepada Tuan Yang di-Pertua. Jadi, dia ada buruk sangka kepada Tuan Yang di-Pertua. Kalau "kita", maknanya termasuk Tuan Yang di-Pertua sama sekali.

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Memang saya pun rasa hendak tegur tadi, sebab saya terasa perkara **ini**. [Ketawa] Sila jawab Yang Berhormat.

Tuaa Haji Jamaludin bia Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, apabila kita berkumpul, kita terpaksa guna "kita" Senator

kepada semua senator "kita". Tinggal lagi, kalau tidak mahu menerima hakikat itu, saya cakap, saya." Tidak jadi masalah, Dalam keadaan ini saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, Akta Hiburan ini satu-satu cara yang baik dilakukan di bawah Jabatan Perdana Menteri ini, yang raana kuasa, walaupun dalam undang-undang ataupun seksyen 17 ini ditujukan Dato'Bandar ataupun Dato'Bandar diberikan kuasa tetapi "Menteri yang menjaga di bawah Rang Undang-undang Hiburan ini; mesti mengawasi serau perkara. Apa yang saya takut hari ini, undang-undang penangkapan ataupun penggelidahan ataupun menutup, dia beri kepada kuasa 'Polis yang berpangkat Inspektor ke atas.' Tetapi saya ditahamkan bahawa, kalau boleh, kita beri kepada ASP, Polis yang berpangkat Assistant Superintendent of Police keatas, kerana kalau saya tidak silap ianya telah diwartakan bahawa pegawai ASP ke atas ini telah diwartakan, tidak payah dikenakan ataupun dikeluarkan waran lagi tetapi kalau inspektor terpaksa mengambil waran, mengambil kebenaran daripada majistret untuk membuat siasatan. Oleh yang demikian, saya rasa lebih baik kita beri kuasa ini kepada ASP ke atas membuat penyiasatan dengan tidak payah mengadakan ataupun mengeluarkan waran. Itu harapan sayalah.

Jadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri tolong mengambil ingatan sedikit kerana perkara-perkara begini menggelidahkan tempat orang ini bukan satu perkara yang boleh dibuat-buat, satu perkara yang bukan senang. Kalau silap-silap, tidak kena langkah maka bencana akan timbul dan mejadi satu isu pula. Dan nanti tohmahan akan timbul pula bahawa pegawai Polts pergi menggelidahkan dengan tidak ada waran, dengan tidak ada kuasa-kuasa kepada mahkamah dan menjadikan satu

masalah, jadi masalah negara akan timbul. Oleh sebab itu, lesen-lesen yang akan dikeluarkan oleh Dato' Bandar ini kepada mereka yang memohon, Dato' Bandar mesti menghantar ataupun menyiapkan borang yang dikatakan tadi mesti isi borang. Kita mahu bahawa Dato' Bandar mesti suruh pegawai-pegawai ini menyiasat latarbelakang sehalus-halusnya kenapa, mengapa tempat-tempat hiburan ini hendak dibuka.

Di Kuala Lumpur ini, kita tahu satu bandar yang menjadi kawasan pelancongan di mana kalau Yang Berhormat Tuan Rahim mengatakan bahawa kelab hiburan ini hendaklah ditutup, kalau boleh, pukul 12.00 malam ataupun pukul 1.00 pagi. Bagi saya, orang yang datang dari sejauh sesekali ini kalau saya mengambil keputusan, bagi diri saya eloklah pukul 2.00 pagi pun cukuplah. Sebab kita tahu, seperti kata Yang Berhormat Tuan Rahira, kita selepas dengar hiburan, lepas makan malam, itu pukul 9.00, pukul 10.00, pukul 11.00. Lebih kurang, kalau ada ucapan serba-sedikit, majlis tamat, sudah pukul 11.30 malam. Pukul 11.30 malam itu keluar, sudah pukul 12.00 malam. Pukul 12.00 malara, kalau tutup pada pukul 12.00 malam apa yang ada? Dengar dua lagu, itu sudah habis. Kalau yang hendak pergi, yang tidak pergi, itu soal lain.

Lebih baik kita tutup pukul dua. Berilah sedikit tolak ansur. Jadi, pukul dua itu bolehlah, asalkan tidak mendatangkan mudarat. Yang paling saya harap kelab-kelab hiburan seperti night club ini, jangan kita jual barang-barang minuman keras ini. Sebab ia tidak akan mendatangkan kebaikan, sudahlah buat perkara yang agak kurang baik, lepas itu bagi pula orang minum bir lagi tidak baik. Lepas itu mabuk, bergaduh pula lagi. Sekiranya ada pergaduhan lagi tidak baik. Tiga kali tidak baiknya. Oleh sebab itu, kalau sudah berjaja menari, hendak minum minumlah fresh-orangekah ataupun minuman yang tidak mendatangkan mabuk kepada diri kita sendiri.

Jadi, oleh yang demikian saya rasa bahawa kerja yang akan dilaksanakan untuk menjalankan undang-undang hiburan ini adalah satu kerja yang berat. Walau bagaimanapun, di atas penelitian dan tegur sapa oleh sahabat-sahabat saya tadi, saya rasa begitu bangga. Dato Bandar hari ini diberi kuasa begitu besar, boleh mengeluarkan lesen, lepas itu boleh tutup bila-bila masa dia suka. Kalau ada kesalahan-kesalahan boleh tutup dan lepas itu pula kalau dia hendak sambung, dia boleh sambung, kuasa itu terlarapau banyak. Jadi, di samping diberi kuasa penuh kepada Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen pun diberi juga kuasa yang tertentu. Tetapi kuasa mutlak mesti letak kepada Menteri. Tidak ada lagi kuasa yang boleh mengatasi kuasa di atas sesuatu Kementerian melainkan Menteri itu sendiri. Oleh sebab itulah, hari ini dengan adanya Rang Undang-undang Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur), saya berharap Kerajaan juga akan mengemuka dan membuat undang-undang ini ke seluruh negara supaya negara kita ini mempunyai satu undang-

undang yang satu yang akan diikuti oleh rakyat keseluruhan bahawa undang-undang ini dijadikan satu undang-undang menyeluruh di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Fasal 18, Dato'Bandar, mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor ataupun mana-mana orang diberi kuasa boleh menghendaki mana-mana orang yang munasabah untuk disiasat. Jadi, di dalam keadaan ini kalau pegawai polis itu masuk ke tempat-tempat hiburan bertujuan untuk menyiasat tempat hiburan, tetapi kalau sudah pergi pula ke lain perkara, menyiasat orang perseorangan di dalam tempat itu, maka matlamatnya dalam undang-undang ini tidak tercapai. Kalau untuk kelab hiburan, kelab hiburan itu sahaja. Kalau hendak menyiasat orang perseorangan, biar dia keluar daripada kawasan hiburan itu, siasat orang itu. Jadi, jangan kita bancuhkan sama-sama, sama ada kita tahu bahawa polis boleh masuk ke mana-mana sahaja. Tetapi di dalam keadaan orang ramai di dalara satu-satu tempat, kita terpaksa berhati-hati dengan perbuatan kita.

Jadi, di sini saya meminta Timbalan Menteri supaya mengkaji balik Fasal 18 ini. Kalau saya silap tolong betulkan, kerana di dalam perkara begini, di dalara kita membuat penyiasatan, biarlah penyiasatan itu tertentu supaya kita tidak boleh menjadikan satu-satu undang-undang itu akan membolehkan kita terlepas ataupun orang yang kita siasat itu terlepas daripada undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja ucapan saya pada petang ini. Dengan ini saya menyokong Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992. Terima kasih.

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Terima kasih. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.55 ptg.

Timbalan Menteri, di Jabatan Perdana Menteri [Dato'Drs. Suleimen bin Mohamed]:Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang, Berhormat Tuan Ho Cheng Wang, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba dan Yang Berhormat Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad yang telah memberi pandangan dan teguran dalam membahaskan Rang Undang-undang Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur). Segala pandangan yang diberikan dan teguran yang telah dinyatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diambil perhatian dan khususnya di dalam usaha kita bersama untuk melahirkan bahawa bandar Kuala Lumpur ini akan terlepas daripada bandar yang penuh dengan kegiatan maksiat yang terkeluar dari nilai apa jua ajaran agama khususnya agama Islam. Bandar Kuala Lumpur tumbuh dengan pesatnya di dalam bidang pertunjukan seni budaya dan selaras dengan nilai-nilai murni budaya sebagai masyarakat timur dan masyarakat Malaysia.

Oleh kerana itulah, Kerajaan menerusi Jabatan Perdana Menteri bagi melahirkan apa yang saya sebut seni pertunjukan yang nampaknya mempunyai pertumbuhan yang baik, mengetatkan lagi bagi menggantikan Akta Panggung dan Tempat Hiburan Awam (Wilayah Persekutuan) 1977 dengan Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992 khususnya berkaitan dengan definisi yang telah dinyatakan dan yang banyak disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang membicarakan soal Akta ini,

Tuan Yang di-Pertua, definisi hiburan yang kita berdepan pada masa ini adalah berkaitan dengan masalah penguatkuasaan. Mengikut definisi hiburan Akta Panggung dan Tempat Hiburan Awam (Wilayah Persekutuan) 1977, iaitu terdapat adanya kurang jelas dan tepat sehingga raenirabulkan raasalah penguatkuasaan. Oleh kerana itu, dalam Akta Panggung dan Terapat Hiburan Awara (Wilayah Persekutuan) 1977, kita tidak dapat menjelaskan jenis-jenis raesin hiburan yang perlu dilesenkan. Malah kuasa pengecualian lesen juga tidak ada pada Dato Bandar Kuala Lumpur dan tiada kuasa mengkotnpaunkan diberikan kepada Dato Bandar Kuala Lumpur. Oleh kerana langkah untuk lebih tepat kejelasan daripada Akta Hiburan ini, maka definisi mengikut Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992 ini dapat kita seragamkan kuasa-kuasa yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat juga selain daripada membicarakan soal definisi hiburan, juga telah menyebut soal kuasa yang diberi kepada Dato Bandar Kuala Lumpur dan juga kepada Menteri. Yang Berhorraat Tuan Haji Mohamed Nazri juga mempertikaikan sama ada kuasa Menteri itu diturunkan kepada pegawai-pegawai di bawah naungan Yang Amat Berhormat, Menteri Wilayah, Sukalah saya menjelaskan bahawa kuasa Menteri atau kuasa Dato Bandar yang disebut di dalam fasal ini khususnya fasal 12 adalah dari segi fakta sahaja.

Tetapi dari segi undang-undang masih boleh dibawa ke mahkamah. Misalnya seseorang yang terkilan dengan keputusan Menteri masih berhak memohon untuk kajian semakan kehakiman (judicial review) di Mahkamah Tinggi melalui certiorari jika berbangkit mengenai kelampauan kuasa Menteri tadi. Ini meraang terdapat keadilan oleh kerana kalau hendak dipertikaikan kelampauan atau excess of jurisdiction daripada Menteri, boleh dibawa ke mahkamah. Dan kuasa Menteri atau Dato Bandar boleh secara langsung turun kepada pegawai yang dipertanggungjawabkan di bawah Fasal 12 ini.

Yang Berhorraat Tuan Ho Cheng Wang merminta supaya penjual ubat macam di Chow Kit Road, Kuala Lumpur dimasukkan dalam Akta Hiburan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya penjual ubat tidak perlu memohon lesen hiburan kerana seperti kita sama-sama maklum, bahawa kegiatan tersebut adalah kegiatan perniagaan dan dari segi premises, maka sebenarnya sebagai menghormati Ahli Yang Berhormat, saya sebutlah soal ini ianya tidak perlu dimasukkan.

Ahli Yang Berhormat Tuan Rahim Baba dan Tuan Haji Jamaludin telah merapersoalkan masalah-masalah rumah urut dan saya mengucapkan terima kasih dan rasa agak kagum atas kefasihan Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan rumah-rumah urut di Kuala Lumpur ini. Sukalah saya maklumkan bahawa rumah urut tidak dapat dimasukkan

dalam Akta Hiburan kerana mengikut penaksirannya ia bukanlah satu hiburan tetapi satu bentuk kesihatan. Oleh kerana itu, ia mempunyai Undang-undang Kecil iaitu Rang Undang-undang Kecil (Rumah Urut) (Wilayah Persekutuan) 1980. Rang Undang-undang Kecil ini adalah di bawah parent law iaitu Akta Kerajaan Tempatan 1976 Mengikut Seksyen 102 Akta tersebut., Dato' Bandar diberi kuasa melesenkan aktiviti perniagaan yang mendatangkan satu obnoxious trade. Apa yang disebut itu bukan hiburan tetapi kesihatan.

Tuan Rahim bin Baba:Penjelasan.

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Tuan Rahim minta penjelasan.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, mendengarkan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa Yang Berhormat sendiri lebih fasih daripada kami mengenai soal rumah-rumah urut ini?

Drs.Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya fasih di atas soal rumah urut, tetapi wak-wak jawalah, saya pergi ke rumah mereka, macam di Sentul ada Pak Su daripada Kelantan, kemudian di Ulu Klang ada Wak Leng, orang Jawa, jadi, dalam konteks itu saya fasih. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan video yang disebut oleh Yang Berhormat.Tuan Rahim bin Baba, memanglah di Wilayah Persekutuan terdapat 86 pusat permainan video. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, dari segi penguatkuasaan, sentiasa mengawal, bukan hanya premises

yang raelibatkan night clubs, yang melibatkan rumah urut, yang tnelibatkan lounge atau bar atau 'karaoke', tetapi penekanan serius juga diturapukan kepada video oleh kerana ia melibatkan interest daripada kanak-kanak.

Saya mengambil contoh, bahawa dari 86 jumlah pusat permainan video, 79 preraises pernah diambil tindakan penguatkuasaan sejak tahun 1990 dan sebagai" pengawalan terhadap kanak-kanak di bawah umur, perkara-perkara yang boleh menjejaskan pertumbuhan keperibadian mereka, juga diambil perhatian yang bersungguh-sungguh oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Dan oleh kerana itulah daripada 83 kes dalam tahun 1991 ini kita telah dapat mengutip \$34,300 sepanjang penguatkuasaan dan tindakan terhadap kesalahan-kesalahan rumah video ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba juga menyebut dan telah mengemukakan pandangan agar kutipan lesen termasuk kompaun hiburan tidak sepatutnya dikumpulkan oleh Kerajaan Pusat di bawah Kementerian Kewangan tetapi seperti Kerajaan-kerajaan Terapatan yang lain mestilah diberikan semula kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Saya raengucapkan teriraa kasih atas cadangan ini. Kerajaan akan mengambil perhatian berat.

Dalam pada itu sukalah saya menjawab perkara berkaitan cukai hiburan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Rahim. Pada tahun 1990, cukai hiburan yang telah dapat dikutip adalah \$12,485,995.90, sedangkan pada tahun 1991 pula \$13,829,794.33 telah

dapat dikutip. Mengenai bayaran lesen hiburan yang telah dapat dikutip oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada tahun 1990 adalah \$665,546.80, begitu jugalah pada tahun 1991 sebanyak \$930,526.32 telah dikutip. Ini melibatkan satu jumlah yang besar iaitu bagi kedua-dua perkara ini, pada tahun 1990 sebanyak \$13 juta dan pada tahun 1991 \$14.7 juta.

Tuan Yang di-Pertua, keempat-empat Ahli-ahli Yang Berhormat juga menyentuh soal kuasa penggelidahan yang diberi tanpa waran. Saya hendak memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa dari segi penguatkuasaan, kita, menerusi Akta ini, akan memastikan bahawa tidak ada penyelewengan atau kegiatan rasuah atau memilih bulu atau keleraahan penguatkuasaan berlaku. Ini jaminan yang hendak kita beri.

Pegawai-pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, terutamanya Jabatan Pelesenan dan Jabatan Penguatkuasaan akan terus bertindak, kerana yang terpenting sekali adalah harapan untuk mewujudkan Kuala Lumpur sebagai bandar non-maksiat, bandar yang tidak dibrandkan sebagai bandar maksiat. Tentulah Ahli Yang Berhormat yang memperjuangkan untuk menentang maksiat di Kuala Lumpur selama hari ini bersetuju supaya Kuala Lumpur mesti merupakan satu bandar yang bersih.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: [Bangun]

Tuan Haji Azman Atar bin Othman; Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Haji Nazri hendak bertanya.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya cuma hendak tanya sedikit sahaja. Saya tidak fahara tentang memilih bulu. Tolong perjelaskan.

Dato'Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-pertua, waktu saya membentangkan Akta ini di Dewan Rakyat, Ahli-ahli Pembangkang terutamanya dari DAP mengatakan bahawa Kerajaan memilih bulu dan ada tempat-tempat hiburan yang dimiliki oleh Ahli-ahli parti dari MIC, khususnya dan dari MCA, tetapi tidak diambil tindakan oleh pegawai-pegawai Penguatkuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, terutama apabila kelab-kelab malam itu kepunyaan pemimpin besar, rakan-rakan Barisan Nasional. Maka itulah saya memberi jaminan bahawa kita tidak ada raerailih bulu saraa ada ia kepunyaana Menteri atau menantu Menteri ataupun mana-mana pemimpin-pemimpin masyarakat. Apabila berlaku pelanggaran terhadap undang-undang, tindakan yang segera akan diambil terhadap tempat-tempat hiburan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi dan saya yakin bahawa apa-apa masalah asas dan dasar yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalara membahaskan Rang Undang-undang Hiburan ini telahpun dapat saya huraikan dan yang lain-lain yang tidak sempat saya sentuh di dalam penggulungan ini, saya beri jaminan, akan diambil perhatian. Saya mengucapkan terima kasih atas pandangan dan teguran yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Tuan Rahim Baba, Tuan Haji Mohamed Nazri, Tuan Haji Jamaludin dan Tuan Ho Cheng Wang. Terima kasih.

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Terima kasih, Yang Berhormat.Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Rang Undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Haji Azman Atar bin Othman mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 31 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
MAHKAMAH-MAHKAMAH ANAK NEGERI (BIDANG KUASA JENAYAH)
(PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.15 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang dirPertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta Mahkamah-mahkamah Anak Negeri (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 1992 untuk meminda Akta Mahkamah-mahkamah Anak Negeri (Bidang Kuasa Jenayah) 1991 dibacakan bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda Seksyen 2 Akta Mahkamah-mahkamah Anak Negeri (Bidang Kuasa Jenayah) 1991 bagi menambah bidang kuasa jenayah yang diberi kepada Mahkamah-mahkamah Anak Negeri dalam negeri-negeri di Sabah dan Sarawak. Dengan lulusnya Rang Undang-undang ini akan membolehkan Mahkamah-mahkamah Anak Negeri mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan-kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama suatu tempoh yang tidak melebihi dua tahun atau dengan denda yang tidak melebihi \$5,000 atau kedua-duanya.

Adalah dimaklumkan bahawa di bawah Perkara 95B(1)(a) Perlembagaan Persekutuan telah ditetapkan bahawa undang-undang adat anak negeri di Sabah dan Sarawak adalah merupakan perkara negeri-negeri berkenaan. Namun demikian, bidang kuasa jenayah untuk menghukum sebarang pelanggaran terhadap undang-undang adat anak negeri tersebut hendaklah ditetapkan oleh undang-undang Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, berasaskan kepada peruntukan Akta Mahkamah-mahkamah Anak Negeri (Bidang Kuasa Jenayah) 1991 pada masa ini, Mahkamah-mahkamah Anak Negeri di Sabah dan Sarawak mempunyai kuasa untuk membicarakan kesalahan-kesalahan yang boleh dihukum

dengan denda yang tidak melebihi \$200 dan pemenjaraan tidak melebihi 2 tahun. Namun deroikian, Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak berpendapat bahawa angka \$200 itu adalah terlalu kecil dan tidak lagi bersesuaian dengan nilai dan kos barangan masa kini. Hukuman denda sebanyak \$200 yang sedia ada telahpun ditetapkan pada tahun 1955.

Seterusnya pihak Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak juga telah menarik perhatian bahawa amaan bagi hukuman denda itu haruslah mempunyai keseimbangan dengan hukuman pemenjaraan tidak melebihi 2 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dimaklumkan bahawa cadangan bagi penambahan bidang kuasa kepada Mahkamah-mahkamah Anak Negeri yang dibuat menerusi Rang Undang-undang Akta Mahkamah-mahkamah Anak Negeri (Bidang Kuasa Jenayah) (pindaan) 1992 tersebut akan dapat menjaga kepencingan adat-adat suku kaum di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diperhatikan juga bahawa pindaan yang dicadangkan raenerusi Rang Undang-undang Akta Mahkamah-mahkamah Anak Negeri (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 1992 ini adalah selaras dengan peruntukan bidang kuasa Mahkamah Syariah seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 2 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Undang-undang setelah berunding dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak amat yakin bahawa penambahan bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Anak Negeri di Sabah dan Sarawak ini adalah wajar demi menegakkan kewibawaan Pihak Berkuasa Negeri dalam melaksanakan undang-undang anak negeri dengan berkesan.

Ada kemungkinan bahawa Mahkamah-Mahkamah' Anak Negeri akan raengguna—kan peruntukan hukuraan penjara jika didapati bahawa. kesalahan-kesalahan yang boleh dihukum d hgan denda sebanyak \$200 pada raasa ini tidak lagi menjadi deterrent bagi raencegah ke5al'ahan-kesalahan pelanggaran Undang-undang Adat Anak Negeri dan ini akan mengakibatkan kesesakan di penjara-penjara.

Tuan Yang di-Pertua, setelah membuat penelitian, Kerajaan berpuas hati bahawa penyalahgunaan kuasa tidak akan berlaku apabila Rang Undang-undang tersebut diluluskan kelak. Ini adalah. kerana Undang-undang Negeri telahpun mewujudkan jentera rayuan dibawah sistem Mahkamah Anak Negeri bagi menyemak dan mendengar rayuan mengenai sebarang keputusan yang boleh dibuat oleh mahkamah-mahkamah tersebut.

Keputusan-keputusan yang dibuat oleh Mahkamah-mahkamah Anak Negeri boleh diperiksa dan disemak semula oleh Pegawai Daerah, Residen dan Hakim Mahkamah Tinggi.

Adalah ditegaskan bahawa Kerajaan berpuas hati dengan safeguard yang sedia ada di dalam sistem Mahkamah-mahkamah Anak Negeri di Sabah dan Sarawak bagi mengelakkan berlakunya sebarang penyalahgunaan kuasa oleh mana-mana pihak. Di samping itu Akta Mahkamah-mahkamah Anak Negeri 1991 dengan jelasnya telah menetapkan bahawa Mahkamah-mahkamah Anak Negeri di Sabah dan Sarawak tidak boleh membicarakan sebarang kesalahan yang terkandung di dalam Kanun Keseksaan walaupun ia berupa kesalahan di bawah Adat atau Undang-undang Anak Negeri. Mahkamah-mahkamah Anak Negeri juga tidak mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan-kesalahan di bawah Undang-undang Syariah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan lulusnya Rang Undang-undang ini kelak, ia akan melicinkan lagi jentera pentadbiran, keadilan Adat dan Undang-undang Anak Negeri di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya raohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sak Cheng Lum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Haji Azman Atar bin Othmaa: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah-mahkamah Anak Negeri (Bidang Kuasa Jenayah) 1991 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat Tuan Isli.

6.23 ptg.

Tuaa Isli bin Haji Siput [Labuan]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk bercakap raengenai Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Anak Negeri (Bidang Kuasa Jenayah) 1991.

Rang Undang-undang ini sudah sampai raasanya bagi Kerajaan untuk meminda pada hari ini, Ketua-ketua Daerah ataupun Ketua-ketua Anak Negeri adalah mempunyai suatu bidang kuasa yang lebih luas dibandingkan daripada kuasa yang telah diberikan sebelum Akta ini dibentangkan.

Antara lain tanggungjawab-tanggungjawab yang telah diberikan kepada Ketua-ketua Daerah ataupun Ketua-ketua Anak Negeri di Sabah dan di Sarawak tetapi apa yang saya persoalkan pada hari ini yang telah disebutkan oleh Menteri, yang berkenaan iaitu hanya di Sabah dan di Sarawak.

Saya suka mengingatkan bahawa di antara Wilayah ini termasuklah Wilayah Persekutuan Labuan yang masih menggunakan Ketua-ketua Daerah ataupun Ketua-ketua Anak Negeri yang mana mempunyai bidang kuasa yang sama di peringkat negeri Sabah dan juga di Sarawak, Tanggungjawab-tanggungjawab mereka ini adalah satu perkara yang amat rumit kerana lanya bersangkutan aan juga berkaitan dengan hak-hak dan pusaka-pusaka bumiputera yang terdapat di Sabah dan juga di Labuan seperti harta pusaka, wang simpanan dan juga harta-harta benda warisan dan sebagainya.

Maka dengan ini, saya suka mencadangkan sebelum perkara ini dilanjutkan lebih raeluas lagi bahawa Kerajaan hendaklah mengadakan satu kursus kehakiman kepada Ketua-ketua Daerah dan juga Ketua-ketua Anak Negeri memandangkan bahawa terdapat di Sabah dan juga saya rasa terdapat juga di Labuan yang mana Ketua-ketua Daerah dan juga Ketua-ketua Anak Negeri ini tidak metnpunyai pengalaman dalam bidang kehakiman.

Terdapat di antara tiga, Ketua Daerah, satu; dan kedua, Ketua Anak Negeri di Labuan. Saya telah difahamkan bahawa hanya satu Ketua Anak Negeri yang telah diberikan surat tauliah dan ada lagi iaitu satu Ketua Anak Negeri dan satu lagi Ketua Daerah masih belum mendapatkan surat tauliah.

Mengikut Enakmen Sabah, yang raana sepatutnya surat tauliah ini hendaklah diberikan oleh Kerajaan Negeri Sabah tetapi oleh kerana memandangkan bahawa Labuan sudah ditadbirkan oleh Wilayah Persekutuan perlulah dipisahkan di antara undang-undang Kerajaan Negeri Sabah dengan Labuan dan surat tauliah hendaklah diberikan oleh Kerajaan Pusat,

Tuan Yang di-Pertua dalam hal yang demikian, bahawa tanggungjawab mereka ini sudah pun meluas dan perlulah juga bagi Kerajaan Pusat menimbangkan keadaan dan juga fungsi-fungsi yang patut diberikan kepada Ketua-ketua Anak Negeri dan juga Ketua-ketua Daerah di Sabah, Sarawak dan termasuk di Pulau Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya mencadangkan bahawa kursus khas hendaklah diadakan dan juga memandangkan bahawa tanggungjawab sudah meluas dan begitu berat kepada mereka kerana tanggungjawab ini adalah merupakan salah satu tanggungjawab kepada Ketua Anak Negeri dan saya juga telah difaharakan yang raana Ketua-ketua Daerah dan Ketua-ketua Anak Negeri pada satu ketika dahulu boleh memberikan satu rekomendasi kepada Kerajaan Negeri Sabah supaya ada di antara suku-suku kaum yang terdapat di Sabah dan juga di Labuan mendapat taraf bumiputera, Di Sabah dan juga di Sarawak saya percaya terdapat suku-suku kaum yang terbanyak sekali dan kalau saya tidak silap di Labuan dan juga di Sabah mempunyai 27 suku kaum. Maka dengan itu, kuasa ini haruslah diberikan kerana ada di antara suku-suku kaum yang patut diberikan pengiktirafan bumiputera hendaklah diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun demikian, memandangkan bahawa Ketua-ketua Daerah dan juga Ketua-ketua Anak Negeri ini adalah sebagai seorang pegawai yang begitu rendah sahaja iaitu c11, maka oleh kerana memandangkan bahawa tanggungjawab ini adalah merupakan satu tanggungjawab yang berat, bukan hanya kepada rakyat tetapi juga kepada negara kita, maka haruslah diberikan satu peningkatan taraf kedudukan mereka daripada Kumpulan C kepada Kumpulan B supaya mereka betul-betul mempunyai tanggungjawab dan kerja-kerja yang teratur.

Walaupun demikian, oleh kerana Ketua-ketua Daerah dan juga Ketua-ketua Anak Negeri ini adalah berhubung rapat dengan rakyat, biasanya timbul implikasi politik daripada Ketua-ketua Daerah dan juga Ketua-ketua Anak Negeri.

Meraandangkan bahawa bila mana orang-orang kampung hendak menuntut harta, kalau sekiranya mereka tidak berpuas hati dengan keadaan mereka iaitu taraf mereka sebagai pegawai yang rendah, maka mereka boleh membuat satu isu-isu dan melambatkan proses-proses pengalihan harta dan sebagainya: Maka, inilah menimbulkan satu masalah yang akan timbul daripada 'implikasi politiknya. Pada hari ini memanglah Sarawak iaitu Kerajaan Barisan Nasional yang begitu kukuh dan kuat dan juga di Labuan, tetapi bukan berraakna .kita harus kuat kerana merekalah mempunyai peranan yang amat penting kerana tanggungjawab mereka begitu raeluas sekali kerana setiap hari rakyat datang berjumpa mereka kerana ini adalah sebagai satu departraent, satu agensi Kerajaan yang independent kerana mereka boleh menghukum, menidakkan yang tidak ada. Mereka boleh juga membuat yang kecil dibesar-besarkan yang patut dibuat pada-hari ini.boleh dilanjutkan sehingga satu tahun. Sudah tentu rakyat kita di Sabah, sudah tentu rakyat kita di Sarawak dan juga rakyat kita di Labuan merasakan ini adalah tanggungjawab Kerajaan.Yang disalahkan bukan Ketua Anak Negeri, bukan Ketua Anak Negeri ataupun Ketua Daerah, tetapi yang dipersalahkan oleh rakyat ialah Kerajaan yang memerintah pada hari ini kerana banyak rungutan-rungutan yang telah saya dengar pada hari ini bahawa ada di antara pegawai-pegawai Kerajaan yang telah bekerja menjadi Ketua , Anak Negeri tidak merasa, senang hati kerana tanggungjawab yang telah diberikan kepada mereka adalah satu tanggungjawab sepatutnya taraf Superscale "A", sedangkan mereka adalah sebagai kedudukan pegawai yang paling rendah sekali.

Tuan Yang di-Pertua, maka dari itu saya suka mencadangkan bahawa kenaikan pangkat hendaklah difikirkan sewaras-warasnya.

Tun Yang di-Pertua, soal di Pulau Labuan yang mana di negeri Sabah dan juga di Sarawak, tiap-tiap daerah mempunyai Pegawai Daerah, tetapi di Labuan tidak ada Pegawai Daerah oleh kerana taraf Labuan sudah meningkat. Meraandangkan bahawa Ketua Anak Negeri tidak mempunyai bidangkuasa-bidangkuasa yang tertentu sebagai Pegawai Hakim Anak Negeri, dengan ketiadaan itu, maka perlulah diwujudkan satu jawatan yang sudah lama kosong di Labuan, iaitu Timbalan Presiden. Sejak Timbalan Presiden, Tuan Haji Jaini bersara, kalau saya tidak silap, 6 tahun yang lalu, sedangkan jawatan itu masih kosong dan merapunyai budget daripada Kerajaan. Ianya patut dan perlu pada hari ini oleh sebab kuasa Ketua Daerah telah diperluaskan supaya ianya diisikan dengan serta-raerta ataupun dengan secepat mungkin memandangkan bahawa dengan ketiadaan Ketua Daerah, dengan ketiadaan Pegawai Daerah, maka Timbalan Presiden akan menjadi Pegawai Mahkamah Anak Negeri untuk menandatangani "docket-docket" yang dibicarakan oleh Ketua-ketua Anak Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat berpuas hati dan berterima kasih kepada Kerajaan yang raana Rang Undang-undang ini dipinda dengan begitu sesuai pada raasa kini kerana memandangkan yang mana perlunya banyak tanggungjawab-tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada mereka akan dapat dilaksanakan dengan licin dan lancar.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berpanjang-lebar lagi dalam soal ini, maka dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang Akta Mahkamah Anak Negeri (Bidangkuasa Jenayah) (Pindaan) 1991. Terima kasih.

Tuan Haji Azman Atar bin Othman; Terima kasih. Saya jemput Yang Berhormat Tuan Ding Seling.

6.35 ptg,

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini dan ingin menggunakan satu-dua minit untuk menyatakan sebab-sebab kenapa saya menyokongnya.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pihak Kerajaan Pusat kerana bagi saya pindaan-pindaan kepada Rang Undang-undang ini merupakan pengamalan konsep federalism ataupun Eederalisme yang negara kita amalkan di mana bagi saya Kerajaan Pusat dengan pindaan ini mengiktirafkan kuasa-kuasa yang ada di peringkat yang begitu rendah.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum di negeri Sarawak dan Sabah, banyak tempat-tempat yang jauh sekali dari pedalaman. Saya berjanji untuk bercakap dua tiga minit, jadi saya tidak mahu bercakap lebih panjang lebar mengenai perkara itu. Bagaimanapun Tuan Yang ,di-Pertua, mereka yang diberi kuasa secara tidak langsung melalui pindaan ini akan menggunakan ataupun akan mempunyai kuasa yang begitu kuat memandangkan kuasa telah diberi dari peringkat yang tertinggi sekali sehinggalah kepada mereka. Bagi perkara-perkara yang seterusnya yang terlibat secara langsung kepada mereka iai nanti, saya harap pihak Kerajaan Negeri yang akan membincangkan Undang-undang yang lebih terperinci mengenai peranan-peranan rnereka itu akan memikirkan perkara-perkara itu dengan lebih lanjut lagi, dengan lebih teliti supaya mereka yang menggunakan Rang Undang-undang kecil ini adalah akan menggunakannya dengan baik dan sempurna dan seterusnya akan menegakkan keadilan di tempat-tempat yang begitu mendalam di mana seperti yang kita sedia maklum, di mana jentera-jentera Kerajaan sukar sekali pergi ke sana.

Seperti yang kita sedia maklum juga, kalau tidak ada laporan kepada pihak Polis, sesuatu perkara jenayah itu tidak dibawa ke Mahkamah. Jadi, di tempat-tempat seperti di pedalaman itu, mereka inilah yang menjadi policemannya, dengan izin, menjadi hakimnya dan mereka yang menegakkan keadilan, menegakkan kewibawaan Kerajaan dan kewibawaan masyarakat di tempat-tempat itu.

Dengan itu Tuan Yang Dipertua: saya sekali lagi menyatakan sokongan penuh saya kepada Rang Undang-undang ini dan sekali lagi tahniah kepada pihak Kerajaan Pusat. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Terima kasih. Dijemput Yang Berhormat Tuan Johan B.O.T. Ghani @ Christopher.
6.38 ptg.

Tuan Johan B.O.T. Ghani @ Christopher: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di dalam Dewan Yang mulia ini ialah untuk membahaskan Rang Undang-undang suatu Akta pemindaan Rang Undang-undang Mahkamah-Mahkamah Anak Negeri, sebab ini terlibat Sabah dan Sarawak. Saya berjanji akan bercakap hanya 3 minit.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab di Sabah ini banyak masalah terutama sekali Ketua-ketua Daerah, Ketua-ketua Anak Negeri yang telah dilantik memegang jawatan ini adalah mereka yang langsung tidak mempunyai latar belakang kehakiman, dengan sebab itulah banyak kes-kes yang di Sabah sekarang ini tertanggung begitu sahaja. Oleh sebab perkara ini adalah perkara serius derai untuk kepentingan masyarakat, untuk kepentingan awam, maka saya berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana dapat meminda Rang Undang-undang ini dan saya percaya mereka ini, Ketua-ketua Daerah dan Ketua-ketua Anak Negeri mahupun Ketua Karapung sendiri hendaklah diberi kursus dan latihan yang secukupnya.

Kalau tidak saya kluatir dan bimbang segala yang mereka putus-kan dalam mahkamah ini akan mencemarkan nama baik negara kita Sungguhpun Tuan Yang di-Pertua, kita sudah merdeka harahir-hampir tiga puluh tahun, masih terdapat di Sabah perkara seumpama ini,

Tuan Yang di-Pertua:di. samping itu saya juga di Dewan yang mulia ini ingin mengambil kesempatan untuk menjelaskan di dalam Dewan yang mulia ini di mana di Dewan Rakyat. baru-baru ini, kita telah mendengar Wakil daripada, Kota Belud menyatakan bahawa guru-guru di Sabah adalah dipaksa masuk UMNO dan kalau tidak Pegawai Pendidikan akan mengambil tindakan terhadap mereka. Saya ingin jelaskan di Dewan yang mulia ini perkara seumpama ini tidak pernah berlaku di negeri Sabah. Sebagai seorang Ketua Bahagian UMNO yang datangnya daripada Sabah saya harus bertan'ggungjawab untuk menjelaskan di Dewan yang mulia ini, kerana walaupun UMNO baru setahun lebih berada di Sabah, namun UMNO ialah sebuah parti .pemerintah yang unggul di dalam negara ini dan saya tidak mahu akan tercemar nama UMNO ini.Bila dikatakan UMNO Sabah maka dia akan melibatkan UMNO di seluruh negara Malaysia ini. Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang didakwa di dalara suratkhabar ini [Sambil menunjukkan sebuah suratkhabar] iaitu dalam **Borneo Hail** kepunyaan PBS, ini menunjukkan bahawa Wakil Rakyat daripada Kota Belud ini seorang yang perabohong, pendusta, kerana, Tuan Yang di-Pertua, seseorang yang masuk politik dia ada peringkatnya.

Saya difahamkan pegawai-pegawai dalam Group A tidak boleh masuk politik ataupun memegang jawatan politik yang tertentu. Tetapi yang dalam kumpulan B, boleh memegang .jawatan-jawatan yang tertentu.

Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, di Sabah di kawasan saya sendiri, hampir erapat puluh peratus-guru-guru,-inasuk dalam UMNO. Ada di antara mereka menjadi Ketua Cawangan, menjadi Naib Ketua Bahagian, oleh sebab mereka tidak terikat oleh undang-undang sepertimana yang saya sebutkan tadi. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, walaupun Menteri Pendidikan telah menjelaskan bahawa dakwaan itu tidak betul, sebagai wakil dari Sabah saya ingin menjelaskan di Dewan yang mulia ini supaya tidak keliru dengan kenyataan yang dibuat oleh Wakil daripada Kota Belud ini yang tidak benar.

Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa ada ramai guru-guru yang masuk UMNO pada hari ini. Ini sebenarnya bukan daripada paksaan daripada mana-mana pihak. Kerana paksaan ini adalah sesuatu yang tidak betul. Dia menyatakan sekiranya perkara ini benar ianya adalah suatu petanda UMNO Sabah akan mengamalkan dasar kuku besi. Ini adalah perkara yang saya nyatakan perkara yang tidak benar. Ini hanya diada-adakan supaya mengabui mata pemimpin-pemimpin khususnya saudara-saudara kita di dalam komponen Barisan Nasional, untuk mengaburi mata mereka supaya mempercayai apa yang dia cakapkan di Dewan Rakyat baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab saya sudah berjanji tidak akan bercakap lebih panjang kerana masa tidak cukup, hanya setakat itulah saya hendak sampaikan di Dewan yang mulia ini. Sekali lagi saya berdiri di sini menyokong penuh Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah-raahkamah Anak Negeri (Bidang- Kuasa Jenayah) 1991. Sekian, teriraa kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Azman Atar bin Othman:

Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri.

6.46 ptg.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya pendek sahaja sebab saya tengok Tuan Yang di-Pertua terkejut apabila saya berdiri. Saya bukan daripada Sabah ataupun Sarawak tetapi saya sebagai seorang peguam saya minat dengan apa yang sedang dibincangkan, Saya rasa apa yang dibangkitkan oleh sahabat saya Senators daripada Sabah dan Sarawak mesti diambil kira kerana kepada kita peguam, kita punya "nightmare" ialah kalau kita ini dihakimi oleh orang yang tidak faham tentang undang-undang itu sendiri. Jadi saya minta kepada pihak Kementerian, oleh kerana apa yang Kerajaan Pusat lakukan pada hari ini menunjukkan bahawa kita mengambil berat tentang masalah perundangan di Sabah dan Sarawak, oleh kerana itu bukan sahaja kita mesti mencatat apa yang dibangkitkan oleh Senators ini tetapi juga mesti ambil tindakan yang tegas kerana kita tidak mahu ada orang-orang di Sabah dan Sarawak yang dianiayakan disabitkan boleh kerana hakim tidak memahami undang-undang, jadi ini perkara serius.

Keduanya berkenaan dengan jurisdiction. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebut tadi iaitu asas Mahkamah Anak Negeri ini ialah macam Mahkamah Syariah. Jurisdiction Mahkamah Syariah bukan sahaja berasaskan kepada tempat tetapi juga kepada penganutan orang itu terhadap agama Islam. Jadi oleh kerana Mahkamah Anak Negeri ini dahulunya ditubuh sebab saya kira jurisdictionnya berasaskan kepada tempat, sebab itu Mahkamah ini hanya ada di negeri-negeri di Sarawak

sahaja. Jadi sekarang ini saya ingin bertanya, kalau anak-anak Sarawak sekarang ini masyarakat Sarawak sudah mobile, dia bukan statik, dia bukan hanya duduk di satu daerah sahaja, dia telah berpindah ke daerah yang lain kalau sekiranya anak-anak Sarawak ini sudah pindah, katalah, ke kawasan lain, dia melakukan satu kesalahan yang boleh disabitkan di bawah undang-undang di mana mahkamah kecil ini boleh menghakiminya, maka akan berbangkit soal jurisdiction, sama ada Mahkamah Anak Negeri inikah berhak untuk menghakimi dia ataupun mahkamah lain. Sebab itu soal jurisdiction ini mesti dipastikan supaya jangan ada perebutan di antara mahkamah untuk menghakimi mereka yang melakukan kesalahan yang mana ianya bukan sahaja boleh didakwa di mahkamah yang lain tetapi boleh juga didakwa di dalam Mahkamah Anak Negeri ataupun disabitkan oleh kerana masyarakat Sarawak bukan lagi statik, bukan lagi duduk di satu tempat tetapi sudahpun berpindah-randah ke tempat lain.

Jadi saya mahu supaya kita serius, kerana saya rasa Mahkamah Anak Negeri ini penting. Ia merupakan sebuah badan yang mana mahkamah kita tidak dapat sampai kepada dia, maka Mahkamah Anak Negeri inilah yang akan menjalani, segala pengadilan ini. Oleh kerana itu saya mahu pastikan supaya kajian dibuat berkenaan dengan jurisdiction ini supaya jangan berlaku perebutan untuk mengadili mana-mana kesalahan yang telah dilakukan oleh anak-anak Sarawak ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua itu sahaja yang saya hendak bangkit, saya ucapkan terima kasih dan saya juga sokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Haji Azman Atar bin Othman; Terima kasih. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

6.48 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada empat Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, teguran mengenai Rang Undang-undang ini iaitu Yang Berhormat Tuan Isli, Yang Berhormat Tuan Ding Seling, Yang Berhormat Tuan Johan Ghani dan Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri.

Beberapa perkara telahpun ditimbulkan oleh Yang Berhormat Yang Berhormat sekalian. Ada beberapa perkara tersebut adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, maka saya tidak berhasrat untuk menjawab perkara itu tetapi hanya memberi jaminan bahawa kami akan menyampaikan segala pandangan itu kepada Kerajaan-kerajaan Negeri supaya pandangan-pandangan Yang Berhormat itu dapat diambil kira untuk mempertingkatkan taraf dan prestasi Mahkamah-mahkamah Anak Negeri ini.

Namun demikian, ada beberapa perkara yang saya hendak jawab. Yang Berhormat Tuan Isli tadi bertanya sama ada Wilayah Persekutuan Labuan termasuk dalam Rang Undang-undang ini. Ingin saya menegaskan di sini bahawa Wilayah Persekutuan Labuan adalah termasuk dalam pindaan Akta ini seperti yang termasuk juga dahulu dalam Akta ibu.

Perkara yang kedua yang disentuh oleh Yang Berhormat Tuan Isli tadi ialah mengenai perlantikan Ketua Daerah dan mengenai Surat Tauliah yang diberi kepada Ketua Anak-anak Negeri di Wilayah Persekutuan dan juga mengenai perlantikan Timbalan Presiden Majlis Perbandaran Labuan.

Di sini saya ingin menjelaskan bahawa sekarang jawatan Ketua Daerah adalah dipegang oleh Naib Pengerusi Majlis Perbandaran Labuan. Jadi, setakat yang saya telah diberitahu ianya dianggap sesuai sehingga sekarang, Saya akan mengambil perhatian. atas cadangan Yang Berhormat itu untuk melantik jawatan Timbalan Presiden.

Mengenai sijil tauliah, memang ada seorang Ketua Anak Negeri di Wilayah Persekutuan belum diberi surat tauliah. Saya difahamkan pihak berkenaan sekarang telah menguruskan bahawa beliau akan diberi surat tauliah, kerana kalau seorang anak negeri belum dapat surat tauliah, maka dia tidak boleh duduk sebagai seorang Hakim untuk menghakimi apa-apa kes perbicaraan di Mahkamah-mahkamah Anak Negeri. Saya harap Yang Berhormat akan beritahu orang-orang di Labuan bahawa seorang anak negeri yang belum dapat surat tauliah akan diuruskan nanti.

Tuan Isli bin Haji Siput: [Bangun]

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Yang Berhormat, Yang Berhormat Tuan Isli minta penjelasan.

Tuan Isli bin Haji Siput: Yang Berhormat, saya memohon penjelasan yang mana jawapan Yang Berhormat tadi mengatakan bahawa Ketua Daerah masih belum diisikan. Yang sebenarnya, Ketua Daerah sudah ada dan dua Ketua Anak Negeri. Maksud saya tadi, Timbalan Presiden yang harus diisikan bagi menjadi Pegawai Mahkamah Anak Negeri.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya jawatan Ketua Daerah sekarang telah dipegang oleh Naib Pengerusi Majlis Perbandaran Labuan. Itulah sebagaimana yang saya telah diberitahu oleh pihak Wilayah Persekutuan Labuan.

Tuan Isli bin Haji Siput: [Bangun]

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Sila.

Tuan Isli bin Haji Siput: Terima kasih. Yang sebenarnya, saya suka menjelaskan pula yang mana Ketua Daerah telahpun diisikan oleh Saudara Ismail bin Kasah dan dua orang Ketua Anak Negeri ialah Tuan Haji Ahmad bin Haji Md. Hussin dan seorang lagi ialah Encik Shaari bin Omar Ali. Bermakna Ketua Daerah sudah ada, sudah diwujudkan kira-kira setahun lebih yang lalu.

Tuan Douglas Uggah Embas: Okay. Perkara lain yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Isli tadi ialah raengenai penyalahgunaan kuasa, yang juga disentuh oleh Yang Berhormat Tuan Johan Ghani dan Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri mengetai kebimbangan bahawa Ketua-ketua Anak Negeri, Penghulu dan Ketua-ketua Masyarakat yang menjadi Hakim ini tidak fasih dan tidak begitu faham dengan sistem dan cara perundangan negeri kita. Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, bahawa di negeri Sarawak dan negeri Sabah, termasuk Wilayah Persekutuan, telah diwujudkan satu sistem perundangan yang cukup dalam pandangan Kerajaan yang mempunyai sistem yang cukup untuk "check and balance" dalam sistem keadilan Mahkamah Anak Negeri. Misalnya di Sarawak, Mahkamah-mahkamah Anak

Negeri diwujudkan di bawah Native Court Ordinance 1955 dan hiraknya dari Head Man Court sehingga Native Court -of Appeal. Jadi, Mahkamah Head Man terdiri daripada seorang Head Man dan dua orang Accessor, manakala Mahkamah Native Court atau Chief dipengerusikan oleh seorang Native Officer atau Chief bersama-sama dengan dua orang Accessor. Manakala Mahkamah Anak Negeri Daerah terdiri daripada seorang Majistret Kelas Pertama, seorang Native Officer dan dua orang Accessor. Ketiga-tiga peringkat Mahkamah ini mempunyai bidang kuasa asal.

Bagi rayuan dari ketiga-tiga Mahkamah di atas, ini boleh dikemukakan kepada Mahkamah Anak Negeri Residen (Resident Native Court) dan seterusnya kepada Mahkamah Rayuan Anak Negeri (Native Court of Appeal). Untuk makluman Dewan ini bahawa Mahkamah Rayuan Anak Negeri, anggotanya adalah terdiri daripada 3, 5 atau 7 orang ahli, termasuk seorang Hakim Mahkamah Tinggi. Maka dalam pandangan Kerajaan sistem 'check and balance' adalah cukup untuk memastikan bahawa keadilan akan diamalkan dan dapat dijalankan di Mahkamah-mahkamah Anak Negeri di Sabah dan Sarawak.

Satu lagi perkara yang disentuh tadi ialah mengenai peningkatan taraf Ketua Daerah, Ketua Anak Negeri di Wilayah Persekutuan. Saya akan bawa dan atnbil perhacian perkara ini bagaimana kita dapat memberi pengiktirafan atas kedudukan mereka ini. Bagi Ketua Daerah, Ketua Anak Negeri di Sabah ataupun di Sarawak, semua itu adalah dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri dan kita hanya dapat menyampaikan pandangan itu kepada Kerajaan Negeri.

Satu lagi perkara mengenai bidang kuasa yang disentuh oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri tadi. Bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Anak Negeri ini adalah jelas, termasuk dalam Artikel 95B, Perlembagaan Persekutuan. Saya fikir Yang Berhormat seorang lawyer, mungkin beliau fasih mengenai Artikel itu, jadi saya tidak membuang masa untuk membacanya kerana kita sudah sampai jam 7.00 malam.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi, ingin mengucapkan terima kasih kepada keempat-empat Yang Berhormat, khususnya kepada Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri tadi yang telah menunjukkan minat dan prihatin, beliau ke atas Mahkamah-mahkamah Anak Negeri ini. Ini adalah satu corak kepimpinan dalam Barisan Nasional yang menunjukkan kita semua tidak mengira asal dan wilayah, kita sama-sama berganding bahu membantu untuk menentukan sistem mana-mana pihak, mana-mana golongan, walaupun dari penduduk kecil, semuanya saraa diambil perhatian. Sekian, terima kasih;

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali, yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Haji Azraan Atar bin Othman mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan "tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana selesai sudah Bil-bil yang kita bahaskan, maka saya minta maaf jika sepanjang saya duduk di atas ini sebagai mempengerusikan Majlis, kalau melakukan perkara-perkara yang tidak diingini maka saya minta maaf.

Maka, dengan itu saya tangguhkan persidangan Dewan ini sehingga kepada suatu raasa yang akan ditetapkan nanti. Dewan ditangguhkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.

